

**Jilid V
No. 41**



**Hari Ithnin
10hb Februari, 1969**

PERBAHATHAN PARLIMEN

DEWAN RA'AYAT YANG KEDUA

PENGGAL KELIMA

PENYATA RASMI

KANDONGAN-NYA

JAWAPAN² MULUT BAGI PERTANYAAN² [Ruangan 5897]

**WAKTU MESHUARAT DAN URUSAN YANG DI-BEBASKAN
DARIPADA PERATORAN MESHUARAT (USUL) [Ruangan
5911]**

USUL:

Anggaran Pembangunan, 1969—

Jawatan-kuasa:

Kepala² 133 hingga 137 [Ruangan 5912]

Kepala² 138 hingga 144 [Ruangan 5944]

Kepala² 145 hingga 149 [Ruangan 5968]

Kepala 151 [Ruangan 5997]

Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 1) 1968 [Ruangan 6025]

Jawatan-kuasa:

Kepala² 104 dan 105 [Ruangan 6029]

Kepala² 106 dan 107 [Ruangan 6031]

KANDONGAN-NYA (*sambongan*)

USUL—(*sambongan*):

- Kepala² 113 dan 123 [Ruangan 6032]**
- Kepala 116 [Ruangan 6033]**
- Kepala 117 [Ruangan 6034]**
- Kepala 120 [Ruangan 6034]**
- Kepala 132 [Ruangan 6035]**
- Kepala² 134 dan 135 [Ruangan 6035]**
- Kepala² 141, 142 dan 144 [Ruangan 6036]**
- Kepala² 148 dan 149 [Ruangan 6036]**

Financial Procedure Ordinance, 1957—Investment of Monies of the Federal Government [Ruangan 6040]

Income Tax Act, 1967—Amendment to Sixth Schedule [Ruangan 6042]

RANG UNDANG²:

Rang Undang² Perbekalan Tambahan (1968), 1969 [Ruangan 5999]

Jawatan-kuasa:

- Kepala² B. 1, B. 4, B. 7 dan B. 20 [Ruangan 6011]**
- Kepala B. 11, B. 37 dan B. 42 [Ruangan 6011]**
- Kepala B. 13 [Ruangan 6011]**
- Kepala B. 16 [Ruangan 6012]**
- Kepala² B. 22, B. 23 dan B. 24 [Ruangan 6012]**
- Kepala B. 29 [Ruangan 6012]**
- Kepala² B. 30 hingga B. 32 [Ruangan 6014]**
- Kepala B. 47 [Ruangan 6017]**
- Kepala B. 55 [Ruangan 6018]**
- Kepala² B. 60 dan B. 66 [Ruangan 6020]**
- Kepala B. 67 [Ruangan 6023]**

MALAYSIA

DEWAN RA'AYAT YANG KEDUA

PENGGAL YANG KELIMA

Penyata Rasmi

Hari Ithnin, 10hb Februari, 1969

Persidangan bermula pada pukul 10 pagi

YANG HADHIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, DATO' CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, S.P.M.P., J.P., Dato' Bendahara, Perak.
- „ Menteri Kewangan, Y.A.B. TUN TAN SIEW SIN, S.S.M., J.P. (Melaka Tengah).
- „ Menteri Kerja Raya, Pos dan Talikom, Y.A.B. TUN V. T. SAMBANTHAN, S.S.M., P.M.N. (Sungai Siput).
- „ Menteri Pengangkutan, Yang Berbahagia TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N. (Pontian Utara).
- „ Menteri Pelajaran, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kedah Tengah).
- „ Menteri Ke'adilan, TUAN BAHAMAN BIN SAMSUDIN (Kuala Pilah).
- „ Menteri Perdagangan dan Perusahaan, Yang Berbahagia TAN SRI DR LIM SWEE AUN, P.M.N., J.P. (Larut Selatan).
- „ Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan, TUAN KHAW KAI-BOH, P.J.K. (Ulu Selangor).
- „ Menteri Hal Ehwal Sarawak, Yang Berbahagia TAN SRI TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K. (Sarawak).
- „ Menteri Penerangan dan Penyiaran dan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sokan, TUAN SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kubang Pasu Barat).
- „ Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama, TUAN HAJI MOHD. GHAZALI BIN HAJI JAWI (Ulu Perak).
- „ Menteri Hal Ehwal Tanah dan Galian, DATO' HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, P.D.K. (Sarawak).
- „ Menteri Kebajikan 'Am, DR NG KAM POH, J.P. (Telok Anson).
- „ Menteri Hal Ehwal Sabah, DATO' GANIE GILONG, P.D.K., J.P. (Sabah).
- „ Menteri Muda Kebudayaan, Belia dan Sokan, ENSKU MUHSEIN BIN ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N., P.J.K. (Trengganu Tengah).
- „ Menteri Muda Pelajaran, TUAN LEE SIOK YEW, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ Menteri Muda Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN HAMZAH BIN DATO' ABU SAMAH, S.M.K. (Raub).
- „ Menteri Muda Perdagangan dan Perusahaan, TUAN ABDUL TAIB BIN MAHMUD (Sarawak).

- Yang Berhormat Setia-usaha Parlimen kepada Menteri Kesihatan,
TUAN IBRAHIM BIN ABDUL RAHMAN, J.M.N.
(Seberang Tengah).
- „ Setia-usaha Parlimen kepada Menteri Buroh,
TUAN LEE SAN CHOON, K.M.N. (Segamat Selatan).
- „ Setia-usaha Parlimen kepada Menteri Kewangan,
TUAN ALI BIN HAJI AHMAD (Pontian Selatan).
- „ Setia-usaha Parlimen kepada Timbalan Perdana Menteri,
TUAN CHEN WING SUM (Damansara).
- „ NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT (Kelantan Hilir).
- „ TUAN HAJI ABDUL GHANI BIN ISHAK, A.M.N. (Melaka Utara).
- „ TUAN ABDUL KARIM BIN ABU, A.M.N. (Melaka Selatan).
- „ WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN (Lipis).
- „ Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI AL-MARHUM TUANKU ABDUL
RAHMAN, P.P.T. (Rawang).
- „ TUAN HAJI ABU BAKAR BIN HAMZAH, J.P. (Bachok).
- „ TUAN AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN SA'AID, J.P. (Seberang Utara).
- „ PUAN AJIBAH BINTI ABOL (Sarawak).
- „ WAN ALWI BIN TUANKU IBRAHIM (Sarawak).
- „ TUAN RAFAEL ANCHETA, A.M.N. (Sabah).
- „ DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).
- „ TUAN HAJI AZIZ BIN ISHAK (Muar Dalam).
- „ TUAN JONATHAN BANGAU ANAK RENANG, A.B.S. (Sarawak).
- „ PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, P.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN CHAN CHONG WEN, A.M.N. (Kluang Selatan).
- „ TUAN CHAN SEONG YOON (Setapak).
- „ TUAN CHAN SIANG SUN, A.M.N., P.J.K. (Bentong).
- „ TUAN FRANCIS CHIA NYUK TONG (Sabah).
- „ TUAN CHIN FOON (Ulu Kinta).
- „ TUAN D. A. DAGO ANAK RANDAN *alias* DAGOK ANAK RANDEN,
A.M.N. (Sarawak).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN (Sarawak).
- „ DATO' SYED ESA BIN ALWEE, D.P.M.J., J.M.N., S.M.J., P.I.S.
(Batu Pahat Dalam).
- „ DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID
(Johor Bahru Timor).
- Yang Berbahagia TAN SRI HAJAH FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N.
(Jitra-Padang Terap).
- Yang Berhormat TUAN S. FAZUL RAHMAN, A.D.K. (Sabah).
- „ TUAN GANING BIN JANGKAT, A.M.N. (Sabah).
- „ TUAN HAJI HAMZAH BIN ALANG, A.M.N., P.J.K. (Kapar).
- „ TUAN HANAFI BIN MOHD. YUNUS, A.M.N., P.J.K. (Kulim Utara).
- „ TUAN HANAFIAH BIN HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).
- „ TUAN HARUN BIN ABDULLAH, A.M.N., J.P. (Baling).

Yang Berhormat WAN HASSAN BIN WAN DAUD, J.P. (Tumpat).

„ DATO' HAJI HUSSEIN BIN MOHD. NOORDIN, D.P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Parit).

„ TUAN HUSSEIN BIN SULAIMAN, J.P. (Ulu Kelantan).

„ TUAN HAJI HUSSAIN RAHIMI BIN HAJI SAMAN, S.M.K. (Kota Bharu Hulu).

„ TUAN ISMAIL BIN IDRIS, J.P. (Pulau Pinang Selatan).

Yang Berbahagia TAN SRI SYED JA'AFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N. (Johor Tenggara).

Yang Berhormat PENGHULU JINGGUT ANAK ATTAN, K.M.N., Q.M.C., A.B.S. (Sarawak).

„ TUAN THOMAS KANA, K.M.N. (Sarawak).

„ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA (Sarawak).

„ TUAN LEE SECK FUN, K.M.N. (Tanjong Malim).

„ TUAN AMADEUS MATHEW LEONG, A.D.K., J.P. (Sabah).

„ DR LIM CHONG EU (Tanjong).

„ DR MAHATHIR BIN MOHAMAD (Kota Star Selatan).

„ TUAN T. MAHIMA SINGH, J.M.N., J.P. (Port Dickson).

„ DATO' DR HAJI MEGAT KHAS, D.P.M.P., J.P., P.J.K. (Kuala Kangsar).

„ DR MOHAMED BIN TAIB (Kuantan).

„ TUAN MOHD. ARIF SALLEH, A.D.K. (Sabah).

„ TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Besut).

„ TUAN MOHAMED IDRIS BIN MATSIL, J.M.N., P.J.K., J.P. (Jejebu-Jempol).

„ TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).

„ TUAN HAJI MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).

„ TUAN MOHD. ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, J.M.N. (Sungai Patani).

„ WAN MOKHTAR BIN AHMAD, P.J.K. (Kemaman).

„ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL (Perlis Selatan).

„ TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH (Pasir Mas Hilir).

„ TUAN HAJI MUHAMMAD SU'AUT BIN HAJI MUHD. TAHIR, A.B.S. (Sarawak).

„ TUAN MUSA BIN HITAM (Segamat Utara).

„ TUAN MUSTAPHA BIN AHMAD (Tanah Merah).

Yang Berbahagia TAN SRI HAJI NIK AHMAD KAMIL, D.K., S.P.M.K., S.J.M.K., P.M.N., P.Y.G.P., Dato' Sri Setia Raja (Kota Bharu Hilir).

Yang Berhormat TUAN NG FAH YAM, J.P. (Batu Gajah).

„ TUAN ONG KEE HUI (Sarawak).

„ TUAN HAJI OTHMAN BIN ABDULLAH (Hilir Perak).

„ TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).

„ TUAN HAJI RAHMAT BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Johor Bahru Barat).

„ TUAN RAMLI BIN OMAR, K.M.N. (Krian Darat).

- Yang Berhormat **TUAN HAJI REDZA BIN HAJI MOHD. SAID, P.J.K., J.P.** (Rembau-Tampin).
- „ **TUAN SEAH TENG NGIAB, S.M.J., P.I.S.** (Muar Pantai).
- „ **TUAN SIM BOON LIANG, A.B.S.** (Sarawak).
- „ **TUAN SENAWI BIN ISMAIL, P.J.K.** (Seberang Selatan).
- „ **TUAN SOH AH TECK** (Batu Pahat).
- „ **TUAN SULEIMAN BIN ALI** (Dungun).
- „ **TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB** (Krian Laut).
- „ **PENGIRAN TAHIR PETRA** (Sabah).
- „ **TUAN TAJUDIN BIN ALI, P.J.K.** (Larut Utara).
- „ **TUAN TAI KUAN YANG, A.M.N.** (Kulim-Bandar Bharu).
- „ **DR TAN CHEE KHOON** (Batu).
- „ **TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P.** (Bagan).
- „ **TUAN TAN KEE GAK** (Bandar Melaka).
- „ **TUAN TAN TOH HONG** (Bukit Bintang).
- „ **TUAN TAN TSAK YU, P.B.S.** (Sarawak).
- „ **TUAN TIAH ENG BEE** (Kluang Utara).
- „ **TUAN STEPHEN YONG KUET TZE** (Sarawak).
- „ **TENGGU ZAID BIN TENGGU AHMAD** (Pasir Mas Hulu).
- „ **TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI MOHD. TAIB, P.J.K.** (Langat).

YANG TIADA HADHIR:

- Yang Berhormat **Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, K.O.M.** (Kuala Kedah).
- „ **Timbalan Perdana Menteri, Menteri Pertahanan, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Y.A.B. TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATO' HUSSAIN, S.M.N.** (Pekan).
- „ **Menteri Kesihatan, Yang Berbahagia TAN SRI HAJI ABDUL HAMID KHAN BIN HAJI SAKHAWAT ALI KHAN, P.M.N., J.P.** (Batang Padang).
- „ **Menteri Buroh, TUAN V. MANICKAVASAGAM, J.M.N., P.J.K.** (Klang).
- „ **Menteri Muda Ta' Berjabatan, TUAN HAJI ABDUL KHALID BIN AWANG OSMAN** (Kota Star Utara).
- „ **WAN ABDUL RAHMAN BIN DATO' TUANKU BUJANG, A.B.S.** (Sarawak).
- „ **TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS** (Sabah).
- „ **DATO' ABDULLAH BIN ABDULRAHMAN, S.M.T., Dato' Bijaya di-Raja** (Kuala Trengganu Selatan).
- „ **TUAN CHEW BIOW CHUON, J.P.** (Bruas).
- „ **TUAN CHIA CHIN SHIN, A.B.S.** (Sarawak).
- „ **TUAN C. V. DEVAN NAIR** (Bungsar).
- „ **TUAN GEH CHONG KEAT, K.M.N.** (Pulau Pinang Utara).
- „ **TUAN STANLEY HO NGUN KHIU, A.D.K.** (Sabah).
- Yang Amat Berbahagia **TUN DR ISMAIL BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN, S.S.M., P.M.N., S.P.M.J.** (Johor Timor).

Yang Berhormat TUAN KAM WOON WAH, J.P. (Sitiawan).

- „ TUAN KHOO PENG LOONG, O.B.E. (Sarawak).
- „ DATO' LING BENG SIEW, P.N.B.S. (Sarawak).
- „ TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).
- „ TUAN PETER LO SU YIN (Sabah).
- „ TUAN C. JOHN ONDU MAJAKIL (Sabah).
- „ TUAN JOSEPH DAVID MANJAJI (Sabah).
- „ DATO' HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K. (Pasir Puteh).
- „ ORANG TUA MOHAMMAD DARA BIN LANGPAD (Sabah).
- „ DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., A.M.N., J.P. (Sabak Bernam).

Yang Amat Berbahagia TUN DATU MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K. (Sabah).

Yang Berhormat TUAN QUEK KAI DONG, J.M.N., J.P. (Seremban Timor).

- „ RAJA ROME BIN RAJA MA'AMOR, P.J.K., J.P. (Kuala Selangor).
- „ TUAN D. R. SEENIVASAGAM (Ipoh).
- „ DATO' S. P. SEENIVASAGAM, D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).
- „ TUAN SIOW LÜONG HIN, P.J.K. (Seremban Barat).
- „ TUAN SNG CHIN JOO (Sarawak).
- „ TUAN SULAIMAN BIN BULON, P.J.K. (Bagan Datoh).
- „ TUAN TAMA WENG TINGGANG WAN (Sarawak).
- „ TUAN TOH THEAM HOCK (Kampar).
- „ TUAN YEH PAO TZE, A.M.N. (Sabah).

YANG HADHIR BERSAMA:

Yang Berhormat Menteri Ta' Berjabatan, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA.

DO'A

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusi-*
kan Meshuarat)

JAWAPAN² MULUT BAGI PERTANYAAN²

PEMBERIAN PELUANG KAPADA PENYANYI² TEMPATAN DALAM RANCHANGAN² RADIO DAN TALIVISHEN

1. Tuan Ahmad bin Arshad (Muar Utara) bertanya kepada Menteri Penerangan dan Penyiaran ada-kah Kementerian ini akan memberikan peluang yang liberal kepada penyanyi² tempatan tampil menyerikan ranchangan² di-Radio dan Talivishen, dan jika ada,

apa-kah usaha yang telah di-jalankan ka-arrah ini.

Menteri Penerangan dan Penyiaran (Tuan Senu bin Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, ada-lah menjadi dasar Kementerian saya, Kementerian Penerangan dan Penyiaran, memberikan peluang dengan sa-berapa banyaknya kapada penyanyi² tempatan mengambil bahagian dalam ranchangan² Radio dan Talivishen. Sa-bagai bukti, usaha² yang telah di-jalankan ka-arrah ini termasuk-lah penerbitan ranchangan sa-umpama Zain Azman Show, Ghazal, Serbanika, Asli Rama. Dengar-lah Lagu-ku, Tina dan Julie dan berbagai² lagi dengan tujuan menggalakkan serta memperkenalkan penyanyi² dan kugiran² muzik atau pun tradisi moden tempatan.

Sekarang ini ranchangan² yang sama maseh lagi di-teruskan saperti kita semua boleh saksikan siaran-nya di-Talivishen Malaysia. Siri² ini termasuklah penerbitan ranchangan Muzik-Muzik-Muzik, Fazidah, Julie, Saloma dan Puspawarna. Sa-lain daripada ini Jabatan Talivishen senentiasa juga menayangkan achara terus menerus pertunjukan Anika Ragam, pertandingan dan persembahan achara² muzik dan kebudayaan supaya memberi galakan kepada bakat² tempatan. Usaha² ini di-jalankan dengan sabberapa yang boleh dalam lingkungan kawasan Jabatan tersebut bagi menambah serta meninggikan darjah dan penyertaan seniman² dan seniwati² tempatan kita.

Usaha ini ada-lah di-jalankan oleh Jabatan Radio dan berupa tindakan memberi galakan kepada semua penyanyi² tempatan yang berbakat mengambil bahagian dalam pertandingan² Bintang Radio Bahagian Melayu tiap² tahun semenjak tahun 1956, dan begitu juga dalam peraduan dan pertunjukan² dalam bahagian² lain.

Pemenang² ini pula di-beri peluang untuk mengambil bahagian dalam ranchangan Radio Malaysia termasuklah ranchangan Jenaka Rama, Persembahan Orkes Radio Malaysia, Sumbangseh-ku, Penyanyi Jemputan, Chuba-lah, dan lain² lagi.

Tuan Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, atas jawapan yang di-beri oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan tadi, gemar saya mendapat tahu, ada-kah Kementerian ini sedang berusaha lebeh liberal lagi untuk memperkenalkan muzik² kita ini kepada negeri luar dan ada-kah rakaman lagu² Malaysia itu melalui piring hitam itu kita tukar²kan dengan piring negeri² luar.

Tuan Senu bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan masaalah memperkenalkan lagu² tempatan kepada negeri² luar, memang menjadi dasar Kementerian ini dan boleh-lah saya terangkan di-sini kepada Ahli Yang Berhormat

bahawa memang sudah berjalan usaha² menukarkan filem² dan rekod² di-antara negara kita dengan negara² lain. Pendek-nya, Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sentiasa dari satu masa ka-satu masa menchari jalan supaya penyanyi² tempatan ini dapat bukan sahaja peluang di-dalam Radio dan Talivishen, tetapi saya sendiri juga berusaha supaya penyanyi² tempatan ini dapat tempat di-dalam kelab² malam, atau pun di-dalam tempat² lain yang boleh meninggikan taraf kebolehan mereka dan juga memberi peluang kepada mereka di-dalam lapangan penghidupan.

Tuan Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, dalam soalan ini, ada-kah Kementerian ini memberi peluang kepada penyanyi² kita yang datang dari Pantai Timor untuk ditukar² antara Pantai Timor dengan Pantai Barat?

Tuan Senu bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, di-dalam soalan ini tidak ada sama sa-kali termasuk masaalah Pantai Timor, Pantai Barat, Malaysia Timor, Malaysia Barat, asal-kan penyanyi² yang terkemuka dengan mempunyai bakat akan mendapat tempat.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah (Bachok): Tuan Yang di-Pertua, ada-kah Kementerian ini akan membenarkan kalau saya sendiri hendak mengambil bahagian menyanyi dalam Talivishen itu?

Tuan Senu bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, kalau Ahli Yang Berhormat itu memikirkan rupanya chantek, suara-nya bagus, dan di-suka² oleh orang ramai, bila² pun dia dapat tempat.

Tuan Yang di-Pertua: Tetapi di-uji dahulu! (*Ketawa*).

KAWASAN² PERINDASTERIAN DI-MALAYSIA BARAT

2. Tuan Ahmad bin Arshad bertanya kepada Menteri Perdagangan dan Perusahaan, mengikut jangka panjang dasar Kerajaan hendak mengusahakan

beberapa buah kawasan bagi perindustrian, maka apa-kah syarat² yang perlu supaya kawasan² itu dianggap layak bagi kawasan perusahaan, dan ada-kah bahagian² di-selatan Malaysia Barat telah di-pilih sa-bagai sa-tengah daripada kawasan² yang sesuai.

Menteri Perdagangan dan Perusahaan (Tan Sri Dr Lim Swee Aun): Tuan Yang di-Pertua, memandangkan bahawa perkara tanah ada-lah tanggungjawab Kerajaan Negeri, penubuhan kawasan² perusahaan sa-takat ini telah di-ambil inisiatif dan di-jalankan oleh Kerajaan Negeri atau pihak² Berkuasa Tempatan. Kerajaan Persekutuan hanya terlibat apabila Kerajaan² Negeri memohonkan pinjaman wang untuk memajukan kawasan² perusahaan itu.

Sa-belum pertimbangan di-beri atas pinjaman wang itu Kerajaan Pusat mesti berpuas hati bahawa kawasan yang di-pilih untuk di-jadikan kawasan perusahaan itu ada kemungkinan² menarek perusahaan² berasaskan kepada keadaan tempat itu termasuk kemudahan perjalanan ka-pasar dan pelabohan, kemudahan² buroh, ayer, tenaga letrik atau sa-suatu kemudahan yang istimewa untuk kemajuan perusahaan² yang berkehendakkan kepada barang² mentah yang tertentu yang ada di-sekitar kawasan itu. Keperluan² asas ini ada-lah mustahak oleh kerana Kerajaan tidak boleh memaksa ahli² perusahaan untuk membuka kilang² mereka di-sesuatu tempat yang tertentu.

Ada-lah menjadi dasar Kerajaan Persekutuan memperluaskan penubuhan perusahaan² di-seluruh negara. Untuk menarek ahli² perusahaan ka-sasuatu kawasan, Kerajaan telah memperbalkan di-dalam Act Galakan Pelaburan, 1968 untuk pengishtiharan kawasan² kemajuan atau development areas. Perusahaan² yang di-tubuhkan di-dalam kawasan² ini layak mendapat galakan² tambahan.

Di-bahagian Selatan Malaysia Barat dua tapak kawasan perusahaan telah pun di-adakan di-Johor Bahru dan di-Negri Sembilan, dan ranchangan untuk memajukan sa-buah kawasan perusahaan lagi di-Melaka. Kerajaan Persekutuan tiada ranchangan untuk

memajukan sa-barang kawasan perusahaan-nya sendiri.

Tuan Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, sa-kira-nya Kerajaan Negeri Johor memberikan satu chadangan di-tempat yang sesuai bagi di-adakan kawasan perindustrian itu di-Muar, sebab di-Muar itu banyak bahan² mentah, begitu juga penduduk-nya begitu ramai, ada-kah Kementeriaan ini dapat mempersetujui atas chadangan yang di-datangkan oleh Kerajaan Negeri Johor itu?

Tan Sri Dr Lim Swee Aun: Tuan Yang di-Pertua, atas jawapan saya tadi, jika sa-kira-nya Kerajaan Johor ada keputusan hendak mengadakan satu kawasan perindustrian di-Muar dan tidak meminjam wang daripada Kerajaan Pusat, itu terpulang kepada Kerajaan Johor.

Tuan Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, sa-kira-nya Kerajaan Negeri Johor dapat mendirikan kilang itu di-Muar, dapat-kah Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perusahaan ini bekerjasama dengan Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama, sebab di-antara tempat² yang di-chadangkan hendak membuat kilang memproses buah²an itu ia-lah di-Johor Bahru. Jadi dengan ini saya memohon supaya kedua² Kementerian ini menjadikan kilang memproses buah²an itu di-adakan di-Muar, sebab bahan² mentah-nya itu banyak.

Tan Sri Dr Lim Swee Aun: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya sentiasa bekerjasama dengan Kementerian Pertanian dan Sharikat Kerjasama, tetapi hendak chadangkan, hendak di-dirikan satu kilang memproseskan buah² itu lain hal.

Tuan Mohd. Daud bin Abdul Samad (Besut): Tuan Yang di-Pertua, ada-kah Kerajaan Negeri Trengganu telah menchadangkan kawasan perusahaan di-negeri Trengganu dan jika ada di-mana-kah tempat-nya dan apa-kah jenis perusahaan yang akan di-jalankan?

Tan Sri Dr Lim Swee Aun: Tuan Yang di-Pertua, soalan itu tidak berkaitan dengan soalan asal.

LAWATAN² OLEH KETUA² NEGARA DAN PERDANA² MENTERI KA-MALAYSIA

3. Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid (Johor Bahru Timor) bertanya kepada Perdana Menteri:

- (a) berapa banyak-kah lawatan² Negara yang telah di-buat oleh Ketua² Negara dan Perdana² Menteri asing ka-Malaysia dalam tahun 1968 dan siapa-kah mereka itu;
- (b) berapa banyak wang yang telah di-belanjakan oleh Kerajaan untuk tiap² satu lawatan itu;
- (c) apa-kah faedah² yang telah di-dapati oleh Malaysia dari lawatan² ini baik sa-chara langsung mahu pun tidak sa-chara lang-mong.

Menteri Muda Kebudayaan, Belia dan Sokan (Engku Muhsein bin Abdul Kadir): Tuan Yang di-Pertua, Lawatan² Negara dalam tahun 1968 ia-lah seperti berikut:

Pada 9-1-1968 sa-hingga 12-1-1968—Tuan Yang Terutama Presiden Philipina—Perbelanjaan-nya \$52,846.49.

Yang kedua pada 17-1-1968—22-1-1968—Duli Yang Maha Mulia Baginda Mohd. Redza Pahlawi Shahan Shah dan Shah Banu Farah—Iran. Perbelanjaan-nya \$59,572.35.

Yang Ketiga pada 23-4-1968—28-4-1968—Tuan Yang Terutama Pengerusi Majlis Revolusi Kesatuan Burma, Jeneral Ne Win dan Puan Ne Win. Perbelanjaan-nya \$55,316.48.

Yang keempat-nya pada 21-5-1968—24-5-1968—Duli Yang Maha Mulia Baginda Haile Selassie Pertama, Maharaja Ethiopia. Perbelanjaan-nya \$53,422.36.

Yang kelima pada 29-5-1968—1-6-1968—Puan Yang Terutama Perdana Menteri India, Puan Indira Gandhi. Perbelanjaan-nya \$43,575.28.

Yang keenam-nya pada 11-6-1968—13-6-1968—Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Australia, Tuan John Gray Gorton dan Puan Gorton. Perbelanjaan-nya \$40,522.70.

(b) Perbelanjaan² telah pun di-nyatakan satu-persatu di-dalam jawapan itu tadi.

(c) Pada keseluruhan-nya Lawatan² Negara itu telah dapat mengukuhkan lagi hubungan yang sedia ada dan mewujudkan perasaan persahabatan antara negara kita dengan negara pelawat² itu.

Malaysia akan lebih terkenal dengan kejayaan-nya yang telah di-chapai dalam bidang pembangunan negara semenjak negara kita mencapai kemerdekaan-nya. Malaysia telah muncol sa-bagai sa-buah negara yang sedang membangun dan ada-lah menjadi kenyataan bahawa pelawat kenamaan itu telah mengagumi melihat kejayaan² yang di-chapai dalam semua bidang social dan ekonomi.

LAWATAN² SAMBIL BELAJAR TAHUN 1968

4. Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid bertanya kepada Perdana Menteri:

- (a) berapa banyak lawatan² yang telah di-buat di-bawah peruntukan Lawatan Sambil Belajar dalam tahun 1968;
- (b) ada-kah apa² laporan² yang di-kemukakan oleh ahli² peserta dalam rombongan yang di-hantar keluar negeri itu telah di-jadikan contoh oleh Kerajaan untuk melaksanakan satu² projek di-Malaysia, jika ada apa, dan jika tidak, apa-kah sebab²-nya;
- (c) berapa-kah perbelanjaan yang telah di-untukkan pada tiap² satu lawatan sambil belajar yang telah di-luluskan oleh Kerajaan setakat ini.

Engku Muhsein bin Abdul Kadir: Tuan Yang di-Pertua, jawapan (a) 68.

(b) Rombongan² yang di-hantar keluar negeri itu ada memberi laporan berkenaan dengan lawatan mereka, tetapi ini tidak-lah berma'ana bahawa Kerajaan akan terus melaksanakan shor² dalam laporan itu mengenai satu² projek yang di-lihat di-luar negeri itu kerana bukan-lah demikian tujuan utama Kerajaan menjalankan ranchangan lawatan sambil belajar ini.

Tujuan² ranchangan ini telah pun di-nyatakan dalam laporan Jawatan-kuasa Lawatan Sambil Belajar yang telah di-bentangkan dalam Dewan ini pada 25hb April, 1963, sa-bagai Com-cand Paper 10, 1963.

Tujuan utama ranchangan ini ia-lah untuk menitek-beratkan perkara:

(1) Memberi kesedaran kepada ra-²ayat negara ini supaya dapat mema-hami dengan lebih memuaskan lagi keadaan negara-nya berbanding dengan negara² di-dalam benua Asia ini.

(2) Mempercepatkan lagi proses memperluaskan pandangan ra²ayat negara ini dalam keadaan hidup sa-hari².

(3) Mempereratkan lagi silatur rahim di-antara ra²ayat negeri ini dengan ra²ayat negara² tetangga. Mereka yang di-hantar ka-luar negeri itu ia-lah wakil² yang berpengaruh daripada beberapa jurusan mata pencharian dalam pekerjaan dan masharakat sa-keliling mereka. Dengan itu dapat-lah mereka itu menyebarkan apa² yang mereka lihat apabila kembali dari lawatan itu. Jika Kerajaan hendak melaksanakan satu² projek tidak-lah perlu orang² seperti mereka ini yang harus di-hantar ka-luar negeri, tetapi ada-lah pakar² atau specialist dalam bidang² yang berkenaan.

(4) Perbelanjaan yang di-untokkan pada satu² lawatan sambil belajar itu terpulang-lah kepada tempat lawatan, ramai-nya rombongan dan lama-nya lawatan itu. Kerajaan membiayai tambang-menambang, penginapan dan makan. Ada kala-nya bantuan yang di-berikan itu hanya untuk sa-baha-gian sahaja daripada perbelanjaan penoh yang di-berikan untuk sa-suatu lawatan itu.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, dalam tahun 1968 lawatan² sambil belajar yang di-buat pada tahun 1968 berapa ramai-kah anggota² yang mengambil bahagian dan berapa ramai-kah di-antara mereka itu daripada parti Pembangkang?

Engku Muhsein bin Abdul Kadir: Tuan Yang di-Pertua, pehak Kerajaan menghantar orang² yang melawat

keluar negeri itu dengan tak memandang sama ada parti Pembangkang atau parti pemerintah. Walau macham mana pun suka-lah saya menegaskan sa-orang daripada Pembangkang itu ia-lah Ahli Yang Berhormat itu telah beberapa kali, kalau tak salah saya, lebih dari-pada sa-tengah dozen keluar negeri.

Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid: Tuan Yang di-Pertua, Lawatan Sambil Belajar, dapat-kah pehak Kementerian memberitahu di-sini berapa-kah ramai terdiri daripada bilangan orang laki² dan berapa bila-ngan daripada kaum perempuan?

Engku Muhsein bin Abdul Kadir: Tuan Yang di-Pertua, beri soalan ber-tulis, soalan notis.

Tuan Haji Othman bin Abdullah: Tuan Yang di-Pertua, kita sudah mendengar daripada Yang Berhormat Menteri Muda tadi bahawa mereka yang membuat lawatan ini menghantar-kan laporan. Jadi di-antara-nya yang telah di-hantar termasuk Ahli Yang Berhormat dari Bachok, mengikut keterangan Yang Berhormat Menteri. Ada-kah Ahli Yang Berhormat dari Bachok telah menghantarkan laporan lawatan-nya kepada Yang Berhormat Menteri?

Engku Muhsein bin Abdul Kadir: Tuan Yang di-Pertua, sa-benar-nya ke-banyakan-nya ada menghantar laporan, tetapi dalam perkara Ahli Yang Ber-hormat dari Bachok itu boleh jadi ada, boleh jadi tak ada.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, ada-kah laporan ini wajib di-buat berasingan, atau pun wajib di-buat beramai².

Engku Muhsein bin Abdul Kadir: Tuan Yang di-Pertua, sa-benar-nya tak ada yang wajib dalam perkara ini, tetapi pada amalan-nya siapa yang telah keluar biasa-nya dia hantar-lah laporan sa-bagai tanda dia itu ada bertanggung-jawab dan juga meng-harga² lawatan yang di-beri oleh Ke-rajaan itu. Bershukor.

PENUTUPAN SEKOLAH² KEBANGSAAN

5. Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid bertanya kepada Menteri Pelajaran ada-kah benar Sekolah² Rendah Kebangsaan telah banyak ditutup dan di-jadikan Sekolah Jenis Kebangsaan (Inggeris) pula, jika benar, berapa banyak dan apa-kah sebab-nya.

Menteri Pelajaran (Tuan Mohamed Khir Johari): Tuan Yang di-Pertua, tidak benar.

PERLAKSANAAN EJAAN BAHARU (MALINDO)

6. Tuan Ahmad bin Arshad bertanya kepada Menteri Pelajaran apa-kah perkembangan baru yang timbul daripada sistem ejaan baru MALINDO dan apa-kah yang menyebabkan kelambatan yang berlarut-larut dalam usaha melaksanakan-nya dan ada-kah sistem ejaan ini mendapat persetujuan Kabinet kedua² buah negara Malaysia dan Indonesia.

Tuan Mohamed Khir Johari: Tuan Yang di-Pertua, sistem ejaan baharu bahasa Melayu-Indonesia telah diterima oleh Jema'ah Menteri Malaysia pada dasar-nya dan tindakan telah dan sedang di-ambil untuk membolehkan sistem ejaan baharu ini di-pelajari dan di-fahami orang ramai di-Malaysia. Pihak Malaysia maseh menunggu persetujuan dari Indonesia untuk melaksanakan sistem itu. Tidak ada apa² perkembangan baharu berlaku lagi di-peringkat rasmi berkenaan dengan-nya.

Tuan Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya chuma ingin hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri Pelajaran, baharu² ini Yang Berhormat Menteri Pelajaran telah pergi ka-Indonesia dan ada membangkitkan masaalah ejaan baharu ini. Jadi saya ingin tahu dan Dewan ini ingin tahu apa-kah perkembangan baharu yang terbit daripada rundingan Yang Berhormat Menteri baharu² ini di-Indonesia itu.

Tuan Mohamed Khir Johari: Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab rundingan itu ada-lah sa-chara sulit, dukachita

saya tak dapat terangkan kepada Dewan ini.

Tuan Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga tahu bahawa ada-kah di-perluaskan penguasaan penggunaan ejaan baharu ini ka-negeri² yang dalam Gugusan Pulau² Melayu seperti Singapura dan Brunei dan bagaimana sikap kedua² negeri ini atas rancangan kita atas ejaan ini.

Tuan Mohamed Khir Johari: Tuan Yang di-Pertua, saya perchaya jika sa-kira-nya kedua² buah negara, ia-itu Indonesia dan Malaysia, sudah pun menjalankan ejaan baharu itu negeri² lain seperti Brunei dan Singapura akan juga turut bersama² dengan kita.

Tuan Ahmad bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Menteri Pelajaran telah mengatakan bahawa perlaksanaan-nya ejaan baharu di-Malaysia ini belum dapat di-jalankan dengan sempurna atau belum dapat di-laksanakan. Ada-kah dengan tertang-goh-nya ini bahawa Kementerian ini, atau pun Kerajaan kita menanggohkan persetujuan yang akan di-dapati daripada Kerajaan Indonesia yang akan di-pilih oleh ra'ayat melalui pilihan raya pada masa hadapan.

Tuan Mohamed Khir Johari: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat itu perkara dalam negeri-nya sendiri. Saya tak boleh champor-lah dalam hal ini.

GUGORAN MURID² DARI DARJAH 6, TAHUN 1966, 1967 DAN 1968

7. Dr Lim Chong Eu (Tanjong) (*di-bawah S. O. 24 (2)*) bertanya kepada Menteri Pelajaran berapa-kah bilangan murid² yang tergugor dari Darjah 6 yang tidak boleh menyambong pelajaran ka-Tingkatan I. Sila sebutkan angka² yang berasing²an bagi sekolah² yang mendapat bantuan:

(a) Aliran Melayu;

(b) Aliran Inggeris bagi tahun 1966, 1967 dan 1968 jika boleh. Apa-kah langkah² Menteri itu telah ambil bagi mengurangkan murid² yang tergugor.

Tuan Mohamed Khir Johari: Tuan Yang di-Pertua, jika perkataan drop out atau murid² yang terchichir ini berma'ana murid² yang tidak dapat melanjutkan pelajaran mereka ka-Tingkatan I dengan sebab mereka tidak mendapat tempat² atau pun mereka gagal mendapat kelayakan bagi tempat² itu, maka tidak-lah ada sa-barang drop out bagi tahun² yang di-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat. Ini ia-lah kerana dengan mansokh-nya pepereksaan masok ka-Sekolah² Menengah pada akhir tahun 1964 dan bermula-nya sistem pelajaran anika jurusan pada awal tahun 1965, maka tiap² murid Darjah VI telah terjamin mendapat tempat di-dalam darjah² Menengah Rendah.

Jika sa-kira-nya perkataan drop out itu berma'ana murid² yang tidak meneruskan pelajaran mereka ka-Tingkatan I walau pun ada tempat² untuk mereka, maka bilangan-nya bagi tahun 1966, 1967 dan 1968 ada-lah seperti berikut:

Tahun 1966—

Perantaraan Melayu	25,338 orang
Perantaraan Inggeris	927 ..

Tahun 1967—

Perantaraan Melayu	24,652 ..
Perantaraan Inggeris	1,718 ..

Tahun 1968—

Perantaraan Melayu	26,256 ..
Perantaraan Inggeris	1,123 ..

Drop out ini tidak shak lagi ada-lah di-sebabkan oleh faktor² ekonomi dan sosial. Dari segi ekonomi langkah² yang telah dan sedang di-ambil termasuklah bantuan untuk membeli buku² teks, memberi biasiswa, mengurangkan atau pun mengecualikan yuran sekolah dan sa-hinggakan memberikan tempat² perchuma juga. Dalam perkara ini patut juga di-terangkan bahawa pelajaran menengah di-sekolah² aliran Melayu ada-lah perchuma. Dari segi sosial pula sa-lain dari ranchangan radio, talivishen dan lain² saloran sibaran 'am, saya sendiri sentiasa menegaskan kepada ibu² bapa di-mana² juga saya pergi tentang mustahak-nya pelajaran bagi anak² mereka.

Pegawai² dari Kementerian saya, termasuk Ketua² Pegawai Pelajaran,

telah juga di-arah untuk berbuat demikian juga.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, ada-kah Kementerian ini sedar bahawa ada pendapat yang mengatakan pelajar², atau murid² yang tidak masok Sekolah² Menengah walau pun kerusi²-nya itu di-sediakan ia-lah kerana ibu bapa-nya itu sangsi terhadap aliran Melayu. Ada-kah benda ini sampai ka-Kementerian dan jika sampai, apa-kah usaha² yang di-buat untuk mengatasi pendapat yang sa-macham itu.

Tuan Mohamed Khir Johari: Tuan Yang di-Pertua, tidak ada kenyataan² yang boleh mengatakan bahawa keadaan sa-bagaimana yang di-katakan oleh Ahli Yang Berhormat itu berlaku, tetapi apa yang telah berlaku yang saya tahu sendiri ia-itu di-negeri Kelantan ada perlumbaan daripada Sekolah² Ugama, Sekolah² Pondok untuk mendapat murid² yang keluar dari Sekolah² Rendah bagi memasoki Sekolah² Pondok itu, tetapi sa-lepas saya menjalankan satu kempen bagi seluroh negeri Kelantan, maka angka² murid daripada Sekolah Rendah memasoki Sekolah Menengah telah berlipat ganda dan saya harap juga Ahli Yang Berhormat dari Bachok itu tolong-lah pergi bantu saya dalam kerja itu.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, ada-kah Kementerian ini sedar bahawa oleh kerana Sekolah² Pondok atau pun Sekolah² Arab di-negeri Kelantan itu di-katakan mendapat bantuan daripada Kerajaan Pusat maka banyak-lah pelajar² ini masok sekolah itu kerana mereka faham Sekolah Pondok ini sudah moden.

Tuan Mohamed Khir Johari: Tuan Yang di-Pertua, yang masok itu dan yang kita gaduhkan ia-lah sekolah² yang bukan mendapat bantuan dan tidak moden.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, memandang kepada angka ini, amat-lah menyedehkan. Dapat-kah Kementerian ini menceritakan sa-takat siasatan-nya berapa banyak pelajar² ini masok Sekolah

Arab dan berapa banyak pula yang masuk Sekolah² Pondok bantuan Kerajaan Pusat dan yang bukan Kerajaan Pusat, kerana, Tuan Yang di-Pertua, angka ini amat menyedehkan hampir² 100,000 budak² ini tidak dapat menyambung pelajaran walau kapada Vocational School sa-kali pun.

Tuan Mohamed Khir Johari: Saya boleh jalankan siasatan.

WAKTU MESHUARAT DAN URUSAN YANG DI-BEBASKAN DARIPADA PERATORAN MESHUARAT (USUL)

Tuan Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan:

Bahawa sungguh pun telah ada syarat² yang di-tetapkan di-dalam Peratoran Meshuarat 12 (1) dan walau apa pun yang di-sharatkan di-dalam ketetapan mengenai Peratoran Meshuarat 12 yang di-luluskan oleh Dewan ini pada 9 haribulan Januari, 1969, Dewan dengan ini memerentahkan ia itu mulai hari ini hingga ka-akhir Meshuarat yang di-adakan sekarang persidangan Dewan di-sabelah petang hendak-lah di-mulakan pada pukul 4 petang dan di-teruskan hingga pukul 8 malam, kechuali jika Dewan memutuskan sa-balek-nya.

Tuan Bahaman bin Samsudin: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Di-putuskan,

Bahawa sungguh pun telah ada syarat² yang di-tetapkan di-dalam Peratoran Meshuarat 12 (1) dan walau apa pun yang di-sharatkan di-dalam ketetapan mengenai Peratoran Meshuarat 12 yang di-luluskan oleh Dewan ini pada 9 haribulan Januari, 1969, Dewan dengan ini memerentahkan ia itu mulai hari ini hingga ka-akhir Meshuarat yang di-adakan sekarang persidangan Dewan di-sabelah petang hendak-lah di-mulakan pada pukul 4 petang dan di-teruskan hingga pukul 8 malam, kechuali jika Dewan memutuskan sa-balek-nya.

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1969

Atoran Urusan Meshuarat di-bacha menyambung sa-mula Perbahathan berhubung dengan Anggaran Pem-

angunan, 1969 dalam Jawatan-kuasa sa-buah² Majlis (8hb Februari, 1969).

Meshuarat menjadi Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatan-kuasa*)

Kepala 133 hingga 137—

Menteri Pertanian dan Sharikat Kerjasama (Tuan Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi): Tuan Pengerusi, saya mengusulkan supaya peruntokan berjumlah sa-banyak \$129,433,907 yang di-minta oleh Bahagian² di-bawah Kementerian saya untuk menjalankan ranchangan² pembangunan di-dalam tahun 1969 di-luluskan. Daripada jumlah yang tersebut, sa-banyak \$118,809,960 ia-lah untuk Malaysia Barat, \$9,287,280 untuk Sarawak dan \$1,336,717 untuk Sabah. Jumlah peruntokan yang di-kehendaki bagi tahun 1969 ia-lah sa-banyak 7.6 juta lebeh daripada jumlah peruntokan bagi tahun 1968, yang mana saperti di-tahun² yang sudah, membayangkan keutamaan yang di-berikan oleh Kerajaan kapada pembangunan pertanian negara ini.

Di-samping itu, Kementerian saya juga sedar bahawa kejayaan ranchangan² pembangunan pertanian akan menghasilkan pendapatan yang lebeh lumayan kapada petani².

Saya sukachita menyatakan di-dalam Dewan ini bahawa tiap² Bahagian di-bawah Kementerian saya telah menchapai beberapa kemajuan yang sangat memuas dan menggalakkan dalam usaha menchapai tujuan masing². Pengeluaran hasil padi dan lain² tanaman telah bertambah tinggi sabagai kesan dari ranchangan² penyelidikan pertanian yang baik. Sa-bagai hasil dari keutamaan yang telah di-beri kapada usaha² penyelidikan pertanian maka Bahagian Pertanian telah dapat mengeluarkan beneh² padi yang baik bagi tanaman dua kali sa-tahun yang mana telah dapat menambahkan pengeluaran hasil padi sa-laras dengan polisi Kementerian saya ia-itu mengeluarkan padi yang menchukupi keperluan sendiri dalam tahun 1970 atau 1971 ini. Sa-bagai hasil dari kerja² penyelidikan yang terus-menerus, banyak

pengetahuan² yang sangat berharga telah di-perolehi berkenaan dengan tanaman² kelapa sawit, kelapa, jagong, sekoi, limau, kopi, chengkeh, pala dan lain² sa-bagai-nya.

Kemudahan² parit dan taliayer yang baharu dan perbaikan kepada ranchangan yang sedia ada yang telah diselenggarakan oleh Bahagian Parit dan Taliayer telah menghasilkan tambahan pengeluaran pertanian terutama sa-kali tanaman padi dua kali sa-tahun. Dengan kawalan pengayuran yang lebeh baik dan berkesan tanpa bergantung sa-mata² kepada ayer hujan saperti yang sudah², tanah² perbatasan juga sekarang telah dapat di-pergunakan untuk berchuchok tanam.

Di-lapangan perikanan pula banyak kemajuan² yang menggalakkan telah di-chapai terutama sa-kali di-bidang² menjenterakan bot², melatehkan nelayan² mengenai teknik² tangkapan ikan yang lebeh maju, mengadakan kemudahan² permulaan bagi bot² yang lebeh besar dan pemasaran yang lebeh sempurna. Hasil² tangkapan terus meningkat tinggi dan ini telah memberi peluang yang baik kepada pembenaan perusahaan² memproses ikan.

Berkenaan dengan perusahaan ternakan juga kita telah menchapai banyak kemajuan keseluruhan-nya. Pengeluaran binatang² ternakan dan hasil ternakan telah berlipat ganda bertambah-nya dan negara kita sekarang telah berjaya mengeluarkan telur, ayam dan babi yang menchukupi keperluan sendiri. Di-bidang pengawalan penyakit pula, kita telah berjaya menchegeh penyakit² daripada berjangkit dan merebak dengan menjalankan suntikan binatang² ternakan dengan sa-luas²-nya.

Gerakan Kerjasama terus memberikan kesan yang sangat memuaskan di-kawasan² luar bandar dengan penubohan sharikat² kerjasama serbaguna. Bantuan² kewangan telah banyak diberikan kepada petani² dan nelayan² melalui sharikat² kerjasama yang juga memberi nasehat² serta petunjok² kepada petani² dan nelayan².

Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan juga tidak kurang memainkan peranan-nya bagi menjamin harga

hasil pertanian yang berpatutan kepada petani² melalui ranchangan² memper-baiki pemasaran saperti Ranchangan Pemasaran Padi dan Beras.

Walau pun Bahagian Kajiteknik Makanan maseh baharu sahaja lagi ditubuhkan dan kemudahan² penyelidekan serta kakitangan²-nya maseh belum menchukupi, tetapi banyak juga kemajuan² yang telah di-chapai di-bawah ranchangan² penyelidekan-nya berkenaan dengan memproses bahan² makanan dari bahan² mentah pengeluaran tempatan.

Saya sukachita melaporkan kepada Dewan ini untuk pengetahuan para Ahli² Yang Berhormat bahawa Kementerian ini pada keseluruhan-nya telah berjaya membuat beberapa kemajuan yang memuaskan dalam usaha menchapai chita²-nya. Bagaimana pun, memikirkan betapa penting-nya peranan yang harus di-main di-bidang pembangunan ekonomi negara ini, maka Kementerian saya sedar bahawa ia hendak-lah menumpukan sa-genap tenaga di-dalam semua lapangan pertanian terutama sa-kali di-segi ranchangan mempelbagai pertanian. Ini hanya dapat di-jalankan jika peruntokan yang di-chadangkan itu diluluskan oleh Dewan ini.

Sekarang saya akan bentangkan Anggaran Perbelanjaan Pembangunan bagi tiap² Bahagian di-bawah Kementerian saya :

Kepala 133—Pertanian

Ranchangan pembangunan Bahagian Pertanian boleh-lah di-letakkan di-bawah 4 tajok, ia-itu Penyelidekan Pertanian, Perkembangan, Bantuan² dan Pelajaran. Sa-banyak \$26,060,792 ada-lah di-kehendaki untuk menjalankan ranchangan² ini bagi tahun 1969.

Sa-banyak \$5,344,932 ada-lah di-kehendaki bagi Penyelidekan Pertanian yang telah di-beri keutamaan istimewa oleh Kerajaan di-dalam ranchangan kemajuan pertanian-nya. Dalam tahun 1969 ini, penyelidekan akan di-perhebatkan mengenai tanaman² yang mendatangkan hasil pendapatan yang baik. Tahun 1969 telah di-pileh sa-bagai

"Tahun Beras Kebangsaan" dan sa-bahagian besar daripada jumlah per-utokan bagi penyelidekan akan di-tumpukan kepada kemajuan Pusat Penyelidekan Padi di-Bumbong Lima, Province Wellesley. Untuk tanaman² lain pula, tumpuan utama akan di-beri kepada kemajuan Pusat Penyelidekan Sayor² dan Buah² di-Parit, Perak. Kemudahan² penyelidekan untuk kaji-teknik makanan akan di-perbaiki lagi bila pembenaan Makmal Pusat-nya di-Serdang, Selangor dan lain² field station-nya siap nanti. Penyiasatan kegunaan tanah di-semua Negeri² di-Tanah Melayu yang sedang di-jalankan sekarang ada-lah di-harap akan selesai pada tahun 1969 ini. Di-Sarawak dan Sabah, ranchangan² penyelidekan per-tanian-nya akan di-perhebat dan di-perluaskan lagi dengan ada-nya ke-mudahan² penyelidekan yang lebih baik.

Sa-banyak \$3,455,000 ada-lah di-kehendaki untuk perkhidmatan per-kembangan kepada petani² dan untuk menjalankan ranchangan latehan per-kembangan di-pusat² latehan pertanian di-luar bandar dan pusat² penjenteraan ladang. Perkhidmatan perkembangan sedang di-perluaskan melalui Persatuan² Peladang yang akan menjadi lebih penting dalam erti kata perlaksanaan Jayadiri dan Pemusatan Kawasan Ke-majuan yang sedang di-lancharkan oleh Bahagian Pertanian.

Sa-banyak \$9,643,500 ada-lah di-kehendaki untuk meneruskan ranchan-gan² bantuan Bahagian Pertanian. Bantuan² yang berupa benih, bahan² tanaman, baja dan alat² pertanian yang di-pinjamkan kepada petani² akan di-teruskan bagi menolong mereka mem-perbaiki dan meningkatkan pengeluaran pertanian mereka. Ranchangan bantuan yang ada sekarang kebanyakan-nya untuk tanaman padi, pemulehan dan tanaman sa-mula kelapa dan lain² tanaman seperti nanas, jagong, kopi, sekoi, kacang tanah, limau dan sa-bagai-nya. Di-Sarawak, ranchangan² bantuan yang di-jalankan sekarang, seperti Ranchangan Bantuan Penanam-an Padi akan di-teruskan.

Perlaksanaan ranchangan² pen-yeli-dekan dan perkembangan dan juga

bantuan yang di-jalankan oleh Bahagian Pertanian sa-bahagian besar-nya ada-lah bergantung kepada kemungkinan mengadakan pegawai² yang terlateh di-semua peringkat. Sa-banyak \$1,310,000 ada-lah di-kehendaki untuk mem-per-baiki Sekolah² Pertanian yang sedia ada di-Serdang dan Bumbong Lima supaya dapat-lah kita menambahkan bilangan penuntut² yang akan di-ambil. Di-Sabah dan Sarawak per-utokan sa-banyak \$1.4 juta ada-lah di-kehendaki untuk meneruskan ran-changan² pelajaran pertanian di-sana.

Sa-banyak \$4.9 juta ada-lah di-kehendaki untuk meneruskan ranchan-gan² Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan bagi tahun 1969. Daripada jumlah ini, \$1,661,108 ada-lah di-chadangkan untuk membiayai per-belanjaan pentadbiran Lembaga Pe-masaran Pertanian Persekutuan dan Perbadanan Pemasaran Padi dan Beras. Perbelanjaan ini dahulu-nya di-masok-kan ka-dalam Anggaran Perbelanjaan Biasa Kementerian ini. Baki-nya sa-banyak \$3,238,892 ada-lah di-chadang-kan untuk membiayai ranchangan² kemajuan Lembaga termasuk perlak-sanaan penyiasatan dan penyelidekan mengenai berbagai² tanaman, pem-benaan kilang padi dengan semua kelengkapan²-nya di-Kelantan, pemulehan pokok² untuk tanaman lada hitam di-Kuching dan Johor dan kemudahan² pemasaran di-kawasan² tanaman padi di-Kedah, Perlis, Kelantan, Selangor dan Perak. Chadangan menubuhkan pemasaran ikan yang lengkap di-Kuching, memperbaiki pemasaran ikan yang lengkap di-Kuala Lumpur dan menubuhkan sa-buah Perbadanan Pe-masaran Hasil² Pertanian ada-lah sedang di-dalam pertimbangan dan perutokan untuk ini semua telah di-masokkan dalam Anggaran Perbelan-jaan ini.

Kepala 134—Kemajuan Kerjasama

Di-bawah Bahagian Kemajuan Kerja-sama, sa-banyak \$2,250,010 ada-lah di-kehendaki untuk meneruskan ranchan-gan kemajuan-nya. Daripada jumlah ini sa-banyak \$2,000,000 akan di-gunakan untuk memberi pinjaman kepada sharikat² kerjasama dan \$250,000 untuk membena pejabat² dan

rumah² kakitangan dan untuk membeli tapak² bangunan.

Kepala 135—Parit dan Taliayer

Di-bawah Kepala ini sa-banyak \$89,663,615 ada-lah di-kehendaki oleh Bahagian Parit dan Taliayer untuk meneruskan kerja² menyiapkan 31 buah ranchangan taliayer yang baru. Sa-lain daripada itu, peruntokan juga ada-lah di-kehendaki untuk satu pechahan-kepala baharu "Ranchangan Kawalan dan Isharat Bahaya Banjir" supaya dapat menubuhkan sa-mula ranchangan pengawasan banjir di-Pantai Timor Malaysia Barat dan dengan itu dapat-lah memindahkan penduduk² serta harta² mereka dengan chepat sa-belum banjir memunchak.

Dalam tahun 1968, sa-banyak 21 buah ranchangan taliayer telah di-bena dan telah dapat membekalkan kemudahan² pengayaran kepada 15,687 ekar sawah yang sedia ada dan bagi 4,273 ekar tanah paya. Kemudahan² juga telah dapat di-berikan untuk tanaman padi dua kali sa-tahun sa-luas 24,465 ekar. Kerja² pembenaan Ranchangan Sungai Muda sedang berjalan mengikut jadual-nya. Lebih 80% daripada kerja² pembenaan terusan-nya sekarang telah siap. Ada-lah di-jangka kemudahan² pengayaran akan dapat di-beri untuk tanaman padi yang kedua sa-luas 130,000 ekar di-kawasan ka-utara Alor Star di-dalam bulan Februari, 1970 ia-itu tahun hadapan. Kerja² membena Ranchangan Pengayaran Kemubu di-Kelantan telah di-mulakan di-dalam bulan Julai, 1968 dan sedang berjalan dengan memuaskan.

Sa-banyak 11 buah ranchangan taliayer telah di-bena untuk tanah² getah dan kelapa yang telah memberi faedah kepada 34,728 ekar tanah getah dan kelapa. Sa-lain daripada itu 31 buah ranchangan parit telah di-lancharkan dan ada di-antara-nya yang sedang hampir siap sekarang.

Kepala 136—Perikanan

Sa-banyak \$5,000,000 ada-lah di-kehendaki untuk Bahagian Perikanan untuk meneruskan ranchangan² kemajuan perikanan di-Malaysia Barat.

Keutamaan istimewa ada-lah di-beri kepada ranchangan melateh nelayan² dan untuk ini satu peruntokan sa-banyak \$1,030,000 ada-lah di-kehendaki kerana dengan kekurangan nelayan² yang terlatah dan layak untuk menjalankan bot² dan alat² perikanan yang moden, maka kemajuan perusahaan perikanan yang memuaskan tidak akan tercapai. Daripada jumlah peruntokan ini, \$800,000 akan di-gunakan untuk pembenaan Institiut Latehan Nelayan² di-Pulau Pinang, ia-itu sa-buah ranchangan yang di-bantu oleh (Projek Peruntokan Khas) Ranchangan Pembangunan Bangsa² Bersatu. Institiut ini akan memberi latehan kepada nelayan² Malaysia mengenai chara² menangkap ikan yang moden, bantuan², peralatan, kejuruteraan dan penyeyjukan.

Sa-banyak \$1,055,000 ada-lah di-kehendaki untuk membeli bot² enforcement yang akan membenarkan perusahaan pukat tunda di-jalankan tanpa persengkitaan dengan kemajuan perusahaan perikanan di-masa hadapan ada-lah bergantong kepada kemajuan perusahaan pukat tunda. Sa-banyak \$1,298,010 ada-lah di-kehendaki untuk memajukan pengkalan² perikanan, terutama sa-kali untuk perusahaan perikanan yang lengkap di-Kuala Kedah.

Untuk meluaskan lagi kemudahan² penyelidikan di-Bahagian Perikanan, maka peruntokan sa-banyak \$858,990 ada-lah di-chadangkan. Keperluan bagi mendapatkan keterangan² yang betul berdasarkan kepada penyelidikan dan pengalaman dalam semua jurusan, saperti ekonomi, kajihayat, sains dan teknik, tersangat-lah mustahak sa-kiranya perusahaan perikanan mahu terus berjaya. Sa-banyak \$350,000 daripada jumlah tersebut akan di-gunakan untuk meluaskan kemudahan² penyelidikan di-Pusat Penyelidikan Perikanan di-Gelugor, Pulau Pinang.

Sa-lain daripada ranchangan² tersebut, peruntokan ada-lah juga di-chadangkan untuk memberi bantuan² kewangan kepada perusahaan perikanan dan untuk mempergiatkan lagi usaha² perkhidmatan perkembangan Perikanan. Di-Sarawak satu peruntokan sa-banyak \$980,790 ada-lah di-kehendaki untuk

meneruskan kerja² ranchangan kemajuan perikanan laut yang mana banyak di-antara-nya telah tergendala dalam tahun 1968 di-sebabkan kekurangan pegawai² yang terlateh.

Kepala 137—Haiwan

Satu peruntokan sa-banyak \$5,000,000 ada-lah di-kehendaki oleh Bahagian Haiwan untuk menjalankan ranchangan² pembangunan-nya bagi tahun 1969. Dalam bahagian ini keutamaan ada-lah di-beri kepada ranchangan² latehan dan penyelidekan perhaiwanan yang memerlukan satu peruntokan sa-banyak \$1,550,010 kerana kemajuan dan perkembangan perhaiwanan ada-lah juga bergantung kepada hasil² yang di-perolehi dari ranchangan² penyelidekan haiwan. Sa-buah Institiut Pengeluaran Binatang sedang di-dirikan di-Keluang, Johor, untuk menyelaraskan penyelidekan di-lapangan kemajuan kawasan pemeliharaan dan pembiakan lembu² susu.

Ranchangan² meninggikan pengeluaran binatang bagi tahun 1969 mustahak-lah di-samakan dengan ranchangan² yang telah di-jalankan dalam tahun 1968 dahulu yang telah mendapat sambutan daripada ra'ayat. Sa-banyak \$1,397,000 telah di-chadangkan untuk menjalankan ranchangan² ini. Bagitu juga sa-banyak \$980,010 ada-lah di-chadangkan untuk perkhidmatan perkembangan perhaiwanan. Untuk menjayakan ranchangan² ini, maka banyak lagi pusat² perhaiwanan dan pernianian beradas sedang di-bena di-samping mengadakan lebeh banyak lagi unit² perhaiwanan bergerak.

Baki sa-banyak \$1,082,980 akan di-gunakan untuk membiayai berbagai² ranchangan lain. Plan² ada-lah sedang di-buat bagi menyusun sa-mula rumah² menyembeleh dengan tujuan untuk memperbaiki bekalan daging di-pasar² dan menggalakkan perusahaan² pengeluaran daging yang maju. Kerja² membena rumah menyembeleh yang moden di-Batu Tiga, Kelang, akan di-mulakan di-dalam tahun 1969 ini.

Di-Sarawak, satu peruntokan sa-banyak \$478,700 ada-lah di-kehendaki untuk menjalankan ranchangan² pem-

angunan perhaiwanan di-sana, terutama sa-kali untuk melancharkan ranchangan pawah perintis saperti yang sedang di-jalankan di-Malaysia Barat sekarang ini.

Saya menchadangkan supaya Anggaran Perbelanjaan Kemajuan Kementerian ini yang berjumlah sa-banyak \$129,433,907 yang di-bentangkan di-bawah Kepala² 133, 134, 135, 136 dan 137 di-luluskan.

Tuan Pengerusi: Saya suka menyatakan perbahathan ada-lah terbuka, tetapi saya suka mengingatkan masa kita hendak berhenti dan masa tidak chukup. Jadi, perkara² yang mustahak sahaja di-keluarkan.

Tuan Ahmad bin Arshad (Muar Utara): Tuan Pengerusi, saya sentoh Kepala 133 berhubung dengan bantuan² yang di-beri oleh Kementerian ini kepada penanam² padi dan juga bantuan tanaman ladang. Usaha ini sangat di-sambut baik oleh peladang² kita, tetapi satu masaalah dalam bantuan ini saya nampak pada tahun ini di-kurangkan—pada tahun yang lalu berjumlah \$900,000 pada tahun ini di-kurangkan. Ini satu kesulitan pada Kementerian ini dengan rayuan² yang bertambah banyak di-datangkan oleh peladang² dan penanam² padi kita. Oleh itu saya harap pada masa lagi akan datang supaya dapat Kerajaan menambahkan peruntokan pada dua² masaalah bantuan baja kepada penanam² padi dan juga ladang² di-banyakkan.

Di-samping itu, saya gemar mengulang, Tuan Pengerusi, kalau boleh Kementerian ini membuat satu usaha yang baik kepada kilang² yang mengeluarkan baja yang di-kehendaki oleh peladang² dan penanam padi kita ini di-tempatkan di-setor² Jabatan Pertanian untuk di-beli oleh penanam² padi kita dan peladang² kita. Kalau penanam kita atau peladang kita membeli di-tempat lain kadang kala-nya harga-nya mahal dan kadang kala-nya baja yang di-beli itu tidak sesuai dengan kehendak² tanaman padi dan lain² pokok.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, dalam masaalah memproses barang makanan, saya chuma hendak sentoh dan saya

mengalukan ranchangan Kerajaan pada tahun 1971 akan mengadakan "Tahun Beras". Dalam masalah beras ini, Tuan Pengerusi, satu perkara yang saya fikir akan di-hadapi oleh penanam² padi kita dan juga pada Kementerian ini bila mana beras ini telah menchukupi dalam negeri ini, beras ini telah banyak, maka harga beras itu akan jatuh. Saya harap dalam masaa-lah memproses beras ini supaya di-jadikan beras ini bukan sahaja makana nasi tetapi kita chuba beras ini kita jadikan seperti mee dan juga barang² makanan yang berupa beras yang boleh di-terima oleh ra'ayat dalam negeri dan juga di-tempat² yang lain. Kita tahu sekarang, Tuan Pengerusi, mee yang paling baik mutu-nya datang dari Thailand. Kita harap negeri kita ini juga akan memproses mee itu dan mee dari Thailand itu kita sekat supaya jangan masok dalam negeri kita ini.

Yang ketiga, Tuan Pengerusi, saya sentoh dalam masalah parit dan taliayer. Saya sangat bangga-lah pada tahun ini satu peruntokan kerana tambahan parit dan taliayer di-kawasan saya di-Serom di-beri peruntokan \$400,000 dan di-Kesang \$500,000. Saya harap Kementerian ini dapat menjalakan usaha ini dengan sa-beberapa segera yang boleh sebab pada peringkat yang pertama di-usahakan ranchangan parit dan taliayer di-Serom itu banyak yang mendatangkan kesusahan kepada peringkat yang kedua kerana tanah² di-kawasan itu pada masa sekarang rosak sangat, beratus² ekar yang rosak, walau pun peringkat yang pertama kita sudah clear, sudah selesai, peringkat yang kedua ini belum di-mulakan, dan pada masaalah menunggu chukai itu saya harap Kerajaan jangan-lah pada masa sekarang mulakan pungutan chukai parit dan taliayer ini tetapi hendak-lah di-pungut bila mana siap ranchangan kedua² parit di-Kesang dan parit di-Serom ini.

Satu lagi, Tuan Pengerusi, dalam taliayer ini, saya harap Kementerian ini memberikan satu perhatian. Dahulu saya telah kemukakan kepada Kementerian ini berhubung dengan meluaskan kawasan menanam padi di-sawah Ring, Gersik, sekarang ada 1,300 ekar;

penanam² padi sana telah buat tanaman padi lebeh daripada 4,000 ekar, tetapi tidak dapat ayer. Saya harap penyelidekan ini akan dapat di-buat supaya dapat memberikan kemudahan kepada kawasan yang ada sekarang hampir 5,000 ekar yang di-usahakan oleh penanam² padi di-sana, termasuklah juga satu tempat di-Sialang, Tangkak, sa-luas 900 ekar, mereka bekerja tanam padi bertahun² tidak ada parit dan taliayer chuma harapkan ayer hujan dan juga satu tempat kebun baharu orang² Tionghua 1,000 ekar—dia buat menanam padi dua kali sa-tahun, tetapi tidak ada bekalan parit dan taliayer—ini semua menunggukan ayer hujan atau pun ayer yang di-usahakan oleh mereka itu sendiri.

Akhir-nya, Tuan Pengerusi, saya chuma hendak sentoh dalam masalah haiwan, ia-itu saya berterima kaseh-lah kepada Kementerian ini memberikan satu peruntokan istimewa kepada Ranchangan Ragot Telok Rimba di-kawasan saya. Pada masa sekarang sudah sempurna dua peringkat, peringkat yang ketiga dan peringkat yang keempat akan dapat di-sempurnakan bila mana Kementerian ini dapat menghantar wang bagi ranchangan itu.

Dalam masaalah haiwan ini, Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Menteri tadi telah mengatakan, ia-itu pusat penyelidekan haiwan menggalakkan penjualan daging dalam negeri ini. Jadi, saya gemar membalekkan satu pandangan saya ia-itu saya harap dalam memperoses daging dalam negeri ini supaya dapat Kerajaan membuat daging dendeng atau satay goreng untuk makanan ra'ayat negeri ini dan juga negeri² tetangga kita yang ingin akan makanan yang termashhor di-kawasan Tanah Melayu ini, ia-itu daging dendeng dan satay goreng. Jadi dengan usaha yang macham ini saya fikir akan dapat memberi keuntungan kepada ahli² penternak kita sama ada penternak kambing, kerbau dan lembu dan memberikan hasil kepada Kerajaan dan memberikan baik pula nama Menteri kita kerana ada mengeluarkan daging yang saya sebutkan itu. Kalau Singapura boleh buat, pada hal-nya

negeri itu tidak ada hidup kerbau, tidak ada hidup lembu, kenapa kita di-Malaysia yang mashhor banyak lembu, banyak kerbau tidak boleh buat perkara yang saya sebutkan itu?

Dato' Dr Haji Megat Khas (Kuala Kangsar): Tuan Pengerusi, saya akan mengikut dan menurut perintah Tuan Pengerusi supaya tidak menggunakan masa yang panjang. Saya chuma berdiri di-sini memberi sokongan yang penoh kepada perbelanjaan yang telah di-kemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Pertanian, dan di-samping itu memberi pandangan di-atas tiga perkara sahaja. Yang pertama-nya, saya suka-lah hendak menyatakan, ia-itu dalam usaha² kita, kita menggalakkan ra'ayat jelata berchuchok tanam, lebeh² lagi di-dalam ruangan padi berkehendakkan taliayer dan juga bekalan ayer yang sa-chukup²-nya, tidak lebeh dan tidak kurang, kerana kalau lebeh dan rosak, kalau kurang padi tidak jadi.

Yang kedua-nya, saya minta Yang Berhormat Menteri menitek-beratkan memberi beneh² yang baik. Pada masa² yang sudah ada kawasan² yang telah pun di-beri, tetapi banyak kawasan² yang lain yang belum di-beri. Saya minta-lah ia-itu di-samakan di-antara satu kawasan dengan satu kawasan. Ini perkara di-minta oleh ra'ayat jelata yang menjalankan hal kehidupan-nya dengan chara berchuchok tanam.

Yang ketiga, saya minta Yang Berhormat Menteri Pertanian dan Shari-kat Kerjasama mendirikan kilang² padi yang lebeh banyak lagi di-dalam kawasan² yang tidak mempunyai kilang-nya sendiri. Kerana kesusahan yang di-tanggung oleh mereka itu sangat-lah banyak, ia-itu membawa padi yang telah di-tuai daripada sawah² mereka ka-tempat yang jauh dengan belanja yang banyak. Jadi, dengan ada-nya kilang² yang berhampiran di-dalam satu² kumpulan kampong² yang berdekatan barangkali ada-lah menguntongkan ra'ayat jelata yang menanam padi ini, kerana tidak jauh hendak di-bawa—dengan menonggang basikal pun boleh, bawa dengan dokong pun boleh, apa lagi dengan lori.

Menyentuh pula kepada penanaman getah, saya telah di-beritahu, ia-itu

hendakkan keluaran getah daripada pekebun² kechil itu baik mutu-nya dan taraf-nya dan mendapat harga yang lebeh baik daripada yang telah di-dapati pada masa² yang lalu, maka getah itu hendak-lah di-peroses dengan baik ia-itu di-mesin, lepas di-mesin pula di-katakan di-asap. Rumah asap ada-lah kurang sekarang di-antara pekebun² kechil di-lapangan orang² di-kampong, lebeh² lagi orang Melayu. Di-sini saya perchaya, ia-itu Majlis Amanah Ra'ayat juga ada menjalankan beberapa usaha, tetapi dia berkehendakkan, ia-itu kebun² getah itu, masing² tuan hendak-lah bermaufakat menjalankan usaha mendirikan rumah asap-nya sendiri yang boleh pula di-tumpang oleh kawasan² yang berhampiran yang tidak mempunyai rumah asap-nya sendiri.

Ini-lah sahaja perkara² yang saya hendak sebutkan kerana saya tidak merugikan masa, tetapi saya suka hendak bertanya-lah kepada Tuan Pengerusi apa erti-nya daging deng-deng itu? Daging buari, kata orang Perak itu, sa-rupa-kah?

Tuan Ismail bin Idris (Pulau Pinang Selatan): Tuan Pengerusi, sambil menyokong anggaran peruntukan kepada Kementerian ini, saya hanya ada satu masaalah yang saya akan kemukakan kepada Yang Berhormat Menteri.

Tuan Pengerusi, ada-lah menjadi dasar Kerajaan, ia-itu membanyakkan penanaman padi dan di-adakan dua kali sa-tahun. Ada satu ranchangan di-kawasan saya ia-itu ranchangan mengadakan dua kali sa-tahun, tetapi malang-nya hari ini ranchangan bagi mengadakan taliayer bagi mengayerkan tempat itu telah gagal dan tidak berhasil di-sebabkan oleh kerana dasar atau pun chara² mengadakan taliayer itu telah mendapat tentangan daripada tuan² punya tanah.

Saya telah di-fahamkan, ia-itu Kementerian Pertanian berkehendakkan supaya tanah *reserve* dan tanah saloran taliayer itu hendak-lah di-adakan di-dalam lengkongan lebar-nya 48 kaki. Saya suka hendak menyatakan dalam

Majlis ini, ia-itu jumlah sawah² di dalam kawasan yang hendak di-adakan ranchangan taliayer itu ada-lah di-anggarkan lebeh kurang 500 dengan 600 ekar sahaja. Jadi, sa-kira-nya kalau ranchangan taliayer itu hendak di-adakan atau pun hendak di-jalankan dengan berdasarkan luas atau lebar taliayer itu 48 kaki, sa-bagai mana juga ranchangan² taliayer bagi kawasan² yang lebeh besar, saya rasa patut-lah Kementerian ini memberi perhatian dan pandangan yang berat oleh memandangkan kapada tanah² yang ada di-kawasan itu hanya lebeh kurang di-antara 500 dengan 600 ekar sahaja. Mereka ini atau tuan² punya tanah ini tidak-lah mempunyai tanah² yang luas, mereka hanya mempunyai tanah² lebeh kurang di-antara 1 hingga 5 ekar sahaja. Jadi, kalau Kerajaan berkehendakkan 48 kaki bagi saloran taliayer itu, maka sudah tentu-lah tuan² punya tanah yang mempunyai satu atau dua ekar itu tidak boleh menjalankan penanaman padi sa-bagai economic.

Mereka sanggup hari ini, sa-kira-nya Kerajaan dapat mengurangkan pemberian tanah itu kapada 24 kaki, ia-itu sa-paroh daripada 48 kaki yang di-kehendakkan oleh Kerajaan. Maka oleh yang demikian, pada pendapat saya dan pada pendapat tuan² punya tanah, saloran yang lebar 24 kaki itu boleh menchukupi pemberian perayeran kapada tanah² yang ada di-dalam kawasan itu. Hari ini Kerajaan menggalakkan supaya menanam padi dua kali sa-tahun yang mana telah mendapat sambutan yang baik daripada petani². Jadi, oleh sebab ini-lah hari ini maka kawasan yang mempunyai tanah lebeh kurang 500 dan 600 ekar itu tidak dapat menjalankan penanaman padi dua kali sa-tahun di-sebabkan oleh tidak ada taliayer, walau pun pada tahun sudah atau pada tahun 1968 peruntukan wang bagi mengadakan taliayer itu sudah ada dan oleh sebab per selisehan di-antara Kementerian ini atau Pejabat Taliayer ini dengan tuan² punya tanah, maka ranchangan mengadakan taliayer ini sudah tergendala. Maka oleh yang demikian saya sa-bagai mewakili petani² di-kawasan tersebut di-Sungai Burong suka-lah hendak menyampaikan perkara ini kapada pengetahuan Menteri dan saya minta-

lah supaya Menteri atau pun wakil-nya supaya mengadakan perbincangan dengan Pegawai² Taliayer di-Pulau Pinang bagi menentukan atau pun bagi mengurangkan supaya taliayer, ranchangan taliayer di-kawasan Sungai Burong itu dapat di-laksanakan dalam masa yang sa-singkat²-nya. Terima kasih.

Tuan Haji Rahmat bin Haji Daud Johor Bahru Barat): Tuan Pengerusi sambil menyokong Anggaran Pembangunan 1969, saya suka berchakap sedikit berkenaan dengan Kepala 133, Pechahan-kepala 67—Bantuan bagi Penanam² Padi.

Saya ucapkan sa-tinggi² tahniah kapada Menteri yang berkenaan, kerana hasil padi kita makin sa-tahun makin bertambah dan saya suka mengshorkan supaya penanam² padi ini diberi bantuan untuk menanam padi yang bermutu. Umpama-nya, banyak juga orang² kita Melayu dan orang² yang bukan Melayu lebeh suka lagi makan beras Siam, kerana mutu beras Siam itu sangat elok dan bagus dan muai. Umpama-nya, kalau beras kita sendiri di-makan $\frac{3}{4}$ kati bagi sa-orang sa-hari, beras Siam sa-tengah kati chukup, sebab mutu-nya tinggi. Sunggoh pun harga-nya lebeh, dan payah hendak di-impot, tetapi mereka itu lebeh suka lagi makan beras Siam. Kalau sa-kira-nya beneh beras Siam itu di-tanam di-sini, saya fikir itu lebeh baik lagi akan menambahkan lagi mutu² beras kita yang ada, sunggoh pun beras Malinja dan sa-bagai-nya itu bagus, tetapi ini lebeh baik lagi, dan satu lagi beras yang suka di-makan oleh orang² Melayu khas-nya orang di-Johor di-sana, beras yang di-namakan beras chodak. Beras itu datang dari Pakistan dan harga-nya mahal; masa ini pun harga-nya 88 sen satu kati, dan beras ini jarang² di-gunakan, tetapi di-sa-belah Johor sana banyak mereka menggunakan beras itu dan beras ini di-bawa dari Pakistan; beras chodak biasa di-gunakan untuk masak nasi minyak atau nasi beriani. Ini di-gunakan oleh orang Melayu pada masa kahwin, Hari Raya dan sa-bagai-nya. Jadi, saya mengshorkan supaya beneh beras chodak ini di-bawa ka-mari di-tanam di-Malaysia dan biasa beras ini

pun, di-export sampai ka-Amerika sana, dan di-Middle East dari Pakistan. Jadi, kalau dapat kita tanam padi yang bermutu tinggi ini sunggoh pun payah di-tanam, saya ingat ini akan menambahkan hasil kepada kita; jadi tidak payah-lah kita memasokkan beras dari Siam atau dari Pakistan dan sa-bagainya. Sampai di-sini sahaja dan saya harap pehak Menteri dapat menimbangkan perkara ini. Terima kaseh.

Tuan Ganing bin Jangkat (Sabah):

Tuan Pengerusi, saya berchakap di atas Kepala 135—Parit dan Taliayer, Pechahan-kepala 105—Ranchangan Taliayer, Penampang.

Tuan Pengerusi, dengan ada-nya peruntokan ini saya ucapkan terima kaseh, kerana kawasan sawah padi dalam kawasan ini sangat² memerlukan taliayer. Penampang ini ia-lah dalam kawasan luar bandar Kota Kinabalu beberapa daerah termasuk didalam-nya, ia-itu Petatan, Inanam, Menggatal dan Telipok.

Tuan Pengerusi, suka saya menterangkan pada Yang Berhormat Menteri, saya minta bila masa menjalankan tugas² untuk taliayer itu nanti, saya harap sagu hati atau ganti rugi tanah² yang di-lalui atau di-gunakan untuk taliayer itu mahu-lah di-pertimbangkan dengan berpatutan pada orang² yang mempunyai tanah kerana ini satu hal boleh melambatkan kerja² untuk menjalankan kerja² taliayer itu.

Sekian, terima kaseh.

Tuan Mohd. Tahir bin Abdul Majid (Kuala Langat):

Tuan Pengerusi, saya hanya hendak berchakap dalam tiga perkara sahaja, ia-itu Pechahan-kepala 2 yang saya hendak kaitkan dengan Pechahan-kepala 21, ia-itu Tanaman² Kering dengan Lembaga Pemasaran.

Tanaman² kering ini telah mendapat sambutan daripada pehak ra'ayat di-keseluruhan kawasan pertanian sangat baik dan ini ada-lah mendatangkan satu sumber baharu chara meninggikan ekonomi baharu, tetapi apa yang saya hendak sampaikan kepada Menteri yang berkenaan, ia-itu dalam segi pasaran-nya, kerana dalam pasaran ini apabila pengeluaran yang telah begitu

banyak sambutan² yang di-berikan kepada pengeluar² ini tidak-lah begitu menyenangkan, kerana dalam segi perniagaan sering kali-lah kita dapat peniaga² ini akan balek dan pergi ka-tempat yang kita bertanam yang mana akan di-dapatkan tawaran dan bantuan terlebih dahulu daripada petani² ini mendapat bantuan daripada pehak Kerajaan. Oleh yang demikian, harga telah di-tentukan oleh pehak yang memberikan bantuan terlebih dahulu itu yang sa-chara tidak memuaskan. Jadi, apa yang saya berharapkan kepada Kementerian ini supaya Lembaga Pemasaran ini dapat menyelidik dan memberikan chara dan bantuan sa-chara mana yang dapat mereka harga yang lebeh.

Satu perkara saya hendak bawa, ia-itu berkenaan dengan kopi. Pada tahun yang lepas Yang Berhormat Menteri telah pun menyambut baik di-atas seruan supaya kopi itu di-masokkan kadalam pasaran, tetapi sa-hingga hari ini belum tahu sama ada telah di-masokkan atau pun tidak. Kerana kopi di-Kuala Langat ada-lah pengeluaran yang kedua banyak-nya dan keseluruhan negara kita saya rasa kopi Kuala Langat-lah yang terutama banyak mengeluarkan dan yang terbaik sa-kali. Jadi, oleh yang demikian saya rasa telah patut-lah bagi Yang Berhormat Menteri menyegerakan langkah² pasaran kopi ini—patut di-utamakan.

Yang ketiga-nya, ia-itu berkenaan dengan penchegah penyakit, Pechahan-kepala 3. Penyakit² ini selalu-nya bagi Pegawai² Pertanian ada-lah memberikan cheramah² kepada tiap² kampong yang berkehendakkan cheramah menchegah penyakit² ini. Apa yang saya hendak sampaikan kepada Yang Berhormat Menteri, ia-itu di-atas memberi hanya-nya chara² kenyataan meneliti penyakit² ini tidak-lah begitu menghasilkan. Kalau pegawai² ini lebeh menitek beratkan sa-chara perektikal-nya, di-bawa mereka ka-satu tempat, dan beri latehan sa-chara perektikal dan apa-kah champoran² ubat² penchegah ini di-berikan kepada-nya dan ini saya rasa lebeh menggalakkan, apatah lagi kepada Persatuan² Peladang yang ada di-dalam kawasan saya ini bertabor yang telah menggalakkan

banyak kerja², daya usaha, untuk me-
lebehhkan chara pendapatan mereka sa-
kalian. Terima kaseh.

Tuan Haji Mokhtar bin Ismail (Perlis Selatan): Tuan Pengerusi, me-
nyentuh Kepala 133 di-muka 55 Pe-
chahan-kepala 18, ia-itu pelajaran per-
tanian atau Sekolah Pertanian yang di-
peruntokan wang sa-banyak \$1,310,000.
Peruntokan ini ada-lah sangat kecil
jika di-bandingkan dengan perkemba-
ngan pertanian di-dalam negara kita
pada hari ini. Sa-bagai sa-buah negara
yang sedang membangun di-dalam
perindustrian beras, petani² dan anak²
mereka harus mendapat pelajaran yang
sa-laras dengan chita² negara, kerana
pertanian ada-lah tulang belakang
iktisad ra'ayat yang tinggal di-luar²
bandar.

Tuan Pengerusi, menurut penyelide-
kan saya, petani² di-Malaysia pada hari
ini, mereka hanya mendapat pelajaran
pertanian sa-chara sambil²an sahaja,
melalui cheramah², siaran² radio, sia-
ran² akhbar dan majallah², penera-
ngan² rengkas dari unit² penerangan.
Perkhidmatan yang tersebut tentu-lah
tidak memadaï dengan kegiatan² yang
sedang berjalan sekarang ini. 65% dari-
pada petani² sekarang ini boleh menu-
lis dan membacha. Mereka ingin me-
ngetahui dengan lengkap-nya menerusi
buku² bacaan yang di-karang oleh
pakar² pertanian bagaimana menternak
ayam-itek, kerbau, lembu, kambing,
bagaimana menanam buah²an, bagai-
mana menternak burung merpati dan
lain² buku² ilmu yang berkenaan de-
ngan pertanian yang mana pada masa
sekarang ini buku² yang saya maksud-
kan itu ada-lah sangat terhad dan ber-
kurangan. Buku² ini hendak-lah ber-
mutu. Saya tidak menafikan di-pehak
Kementerian ada mengeluarkan pam-
phlet² perchuma dan di-bahagi²kan ka-
pada petani², tetapi sa-chara yang ter-
sebut tentu-lah tidak menchukupi. Oleh
yang demikian saya mengeshorkan su-
paya di-pehak Kementerian dapat me-
ngeluarkan banyak buku² untuk jualan
kapada keluarga² petani.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan
pelajaran pertanian juga, saya suka-lah
menguchapkan ribuan terima kaseh

kapada Ranchangan Radio, Kebun Pak
Awang, yang mana telah mendapat
sambutan yang panas daripada petani².
Tuan Pengerusi, di-dalam kegiatan ne-
gara hendak memajukan perkhidmatan
pertanian, negara kita pada hari ini
ada mempunyai lebeh daripada chu-
kup-nya pegawai², pakar² pertanian
atasan; yang saya rasa kalau tidak
lebeh pengetahuan mereka, tetapi
tidak-lah pula kurang daripada ne-
gara² yang maju; tetapi apa yang men-
jadi soalan sekarang ini, kenapa mereka
tersangat sebok dengan fail² di-pejabat,
bermeshuarat² dan sa-bagai-nya, yang
berarti bahawa mereka tidak dapat
menumpukan dengan sa-penoh-nya
kapada kerja² prektik sa-bagaimana
yang di-amal oleh negara² pertanian
yang lain. Saya pernah melihat di-
India, pakar² pertanian, mereka sang-
gup bermalam bersama² keluarga pe-
tani kerana membincangkan ber-
macam² masaalah yang di-hadapi
oleh petani². Saya perchaya jika kegia-
tan prektik yang sa-umpama itu dapat
di-amalkan, banyak kerja² luar dari-
pada kerja² pejabat maka sudah tentu
kesukaran² yang sedang di-hadapi oleh
petani² kita akan dapat di-atasi, sa-
perti soalan kekurangan pembahagian
baja, membasmi penyakit tanaman dan
sa-ribu satu macham masaalah ber-
kenaan dengan kemajuan petani².

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan
sekolah pertanian, saya sangat-lah
dukachita, kenapa negeri Perlis tidak
ada ranchangan untuk mendirikan sa-
buah sekolah pertanian untuk anak²
keluarga petani², padahal di-Seberang
Perai, sa-lepas sa-buah, sa-buah pula,
yang berarti bukit juga yang akan di-
timbus. Saya merayu kapada Menteri
Yang Berhormat supaya menimbang,
mengadakan sa-buah sekolah pertanian
di-dalam negeri Perlis dan saya harap
bahawa rayuan saya itu akan dapat di-
beri pertimbangan yang sa-wajar-nya.
Terima kaseh.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah (Bachok): Tuan Pengerusi, di-bawah
Kepala 133, saya hendak berchakap
atas dua tiga perkara dengan rengkas
sahaja takut saudara saya kecil hati
pula. Yang pertama, Tuan Pengerusi,
ia-lah berkenaan dengan padi dan

tanaman pusingan, ia-itu Pechahan-kepala 1, Pechahan-kepala 2, boleh saya rangkapkan sa-kali dan Pechahan-kepala 6.

Tuan Pengerusi, sa-takat yang saya bacha, saya dapati *rotational crops*, atau pun tanaman berpusingan ini, biasa-nya kita champorkan kesemua jenis² tanaman itu pada satu tempat dan mengikut musim, kita tidak buat asing²an. Saya dapati ranchangan yang Kerajaan buat ada-lah berasing²an, walau pun tanaman ini boleh kita pusingkan, kita rotatekan, tetapi jarak di-antara satu musim dengan satu musim itu ada-lah terbuang masa-nya, dan saya lebeh suka jenis² ini lebeh banyak di-tanam padi, bukan padi biasa, ia-itu jenis padi—Yang Berhormat Menteri pun tentu-lah lebeh tahu—ia-itu jenis Aroza Sativa yang selalu di-pakai di-tanah² yang tinggi. Kalau jenis ini dapat kita tanamkan saya rasa kemajuan yang kita dapat di-satu² tempat itu akan menjadi chontoh kapada tempat yang lain. Ada beberapa tempat di-Kelantan, di-kawasan saya sendiri yang meminta saya menyampai-kan perkara ini kapada Kementerian, tetapi saya tidak berani hendak masuk champor lagi kerana *nature* atau pun tabiat tanah itu lebeh menasabah kalau kita dapat nasehat daripada pakar² yang berkenaan, dan saya rasa benda ini tentu-lah sudah sampai kapada Kementerian kita.

Yang kedua, di-bawah Pechahan-kepala 3, perkara yang besar yang mengenai bukan sahaja Malaysia dan tidak juga South East Asia malah Asia sa-kali, ia-itu benua Asia ini sendiri, ia-itu musoh² dan penyakit pokok, terutama tanaman padi dan tanaman² bagi jenis² pusingan, ia-itu penyakit yang di-namakan penyakit kuning. Penyakit kuning ini menyerang padi dan sa-hingga pakar² penyakit ini sampai pada hari ini pun tidak dapat hendak menamakan jenis penyakit ini, dan apabila tidak dapat hendak menamakan, mereka tidak dapat hendak mengubati, ia-itu penyakit kuning, dan mereka meletakkan nama-nya ia-lah penyakit yellow disease, tidak tahu sebab apa. Biasa-nya, pakar² ini bila kita minta nasehat, kata-nya, “You name it. We do it.” Tetapi bila sampai

kapada penyakit ini, “You name it. We stop. Kami tidak boleh buat apa?” Jadi kalau Malaysia, pehak Kementarian ini dapat membuat research dan menchari penyakit ini, saya rasa bukanlah keuntongan-nya untuk Malaysia sahaja, tetapi bagi kawasan ini sendiri, dan saya perchaya mengikut surat yang ada pada saya sa-masa saya sampai ka-Universiti Filipina, dan begitu juga di-Bangkok, di-sana pernah di-buat perhubungan dengan Kementerian ini, chuma saya tidak tahu apa hasil-nya.

Pechahan-kepala 15, ia-itu Penanaman Limau—citrus. Tuan Pengerusi, saya fikir citrus ini bukan jenis yang sesuai bagi Malaysia kita. Ada pun hendak menterjemahkan perkataan “limau” kapada “citrus” itu boleh diterjemahkan dan saya tidak masuk champor dari segi bahasa; tetapi jenis yang di-katakan citrus, saya bacha buku ini dan kalau dari segi bacha sahaja saya rasa dekat² hendak alim sudah, dan bukan citrus ini yang sesuai dengan Malaysia, jenis limau lain walau pun di-bawah citrus itu. Saya rasa patut-lah kita ubah citrus jenis yang lain. Yang menarek hati saya sa-kali, Tuan Pengerusi, ia-lah berkenaan dengan janggus dalam bahasa Inggeris-nya “cashewnut”. Buah janggus ini atau pun buah gajus, kalau di-negeri lain isi-nya satu paun buah-nya, harga-nya satu paun juga wang di-tempat itu; di-Malaysia ini buah janggus ini tidak ada harga, biji-nya tidak ada harga, buah-nya pun paling tinggi di-buat aerated water dan lain-nya tidak di-buat. Kalau ini di-jadikan satu projek Kerajaan sendiri yang tidak mahu-lah bagi direct expenditure \$60,000 sahaja, kalau di-buat betul satu chontoh saya rasa ini menjadi satu perusahaan yang besar, sebab buah janggus ini tidak ada melainkan di-South East Asia dan yang banyak-nya di-Malaysia, Jadi, perkara² yang macham ini, nampak-nya kita belum lagi mengambil kechergasan; apa yang kita buat ia-lah Pechahan-kepala 17, ia-itu pineapple, atau pun buah nanas. Ini selalu kita mene-mui kebuntuan dalam pemasaran, sebab-nya ia-lah kerana memikirkan buah nanas itu kapada keperluan negeri, local consumption, pada hal buah nanas di-mana² negeri pun apabila *supply* dia

lebih demand-nya kurang harga turun, kita mesti hantar dia keluar, dan ini tidak ada yang kita buat yang boleh mengatasi pemasaran itu. Jenis pineapple. Tuan Pengerusi, boleh kita kahwinkan antara dua jenis nanas yang mashhor dalam dunia yang di-Puerto Rico sendiri pun chuba hendak membuat, ia-itu di-kahwinkan di-antara jenis Yellow Spanish dengan Red Spanish. Kalau kedua² jenis ini di-kahwinkan, saya rasa mutu pineapple kita dapat kita kemukakan kepada luar negeri.

Pechahan-kepala 21, ia-itu FAMA. FAMA ini, Tuan Pengerusi, saya minta-lah Kementerian ini memberi penerangan atau pun mengambil tindakan pada masa yang sesuai supaya melegakan penyakit² FAMA ia-itu penyakit² yang kita dapat tahu antara badan atau pun Lembaga FAMA ini dengan sa-tengah² pehak majikan atau pun pehak² tuan kilang atau pun badan² persendirian yang selalu bergaduh dan yang pelek-nya pernah berlaku di-antara M.C.A. dengan FAMA. Saya pun tidak tahu dudok di-mana masaalah ini, dan saya harap Kementerian ini dapat menerangkan.

Maktab Pertanian, Pechahan-kepala 41, Tuan Pengerusi, saya tak chukup masa dan walau bagaimana pun saya sudah membacha syllabus Maktab Pertanian. Yang menyedihkan saya pada hari itu di-dalam policy speech, saya sebutkan sedikit sahaja dan di-sini pun saya hendak mengadu hal sahaja, ia-itu berhentian-lah amalan politik di-dalam pengambilan pelajar². Tuan Pengerusi, saya terpaksa mengadu kepada Tuan Pengerusi, tidak menasabah pelajar di-Maktab Pertanian ini diambil budak² yang pernah belajar dalam LCE bukan lulus LCE, pernah belajar LCE aliran Melayu. Juga, guru-nya di-sini saya dapat tahu ada Jepun, ada Inggeris, ada memakai bahasa lain, walau pun budak² ini dapat memahami tetapi kalau aliran Melayu dan kalau pula budak² itu hanya pernah masuk LCE tetapi tidak lulus, bagaimana murid² itu boleh di-champor dengan yang lulus F.M.C. Tuan Pengerusi, dengan segala hormat kepada peribadi Kementerian ini, saya chabar perkara

ini supaya buktikan dan meninggalkan amalan ini; saya mempunyai bukti chukup dalam perkara ini, ma'ana saya tidak chabar diri-nya, Kementerian-nya itu saya chabar.

Tuan Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Pengerusi, saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat itu—yang beliau katakan itu Maktab Pertanian atau Sekolah Pertanian? Di-sana ada dua—satu Maktab, satu Sekolah. Untuk masuk Maktab kelulusan yang kurang mesti di-kehendaki ialah School Certificate atau pun M.C.E., tetapi untuk hendak masuk Sekolah Pertanian, kelulusan-nya chuma Form II.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi, boleh jadi di-situ saya berfaedah daripada penerangan Menteri itu, tetapi saya mengaku bagini—kalau benar ini yang saya kata itu di-Sekolah, itu masaalah lain. Dan kalau benda ini tidak berlaku di-Maktab, ini saya hormat; tetapi yang saya hendak sebut bagaimana, Tuan Pengerusi

Tuan Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Pengerusi, sa-bagai penjelasan, saya memberi akuan tidak ada sa-orang penuntut pun di-dalam Kolej Pertanian atau pun Agriculture College yang chuma lulus atau pun tak lulus LCE. Semua-nya lulus School Certificate.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi, maklumat yang ada pada saya, saya akan kemukakan barangkali besok, ia-itu saya akan pastikan sama ada Sekolah atau pun Maktab Pertanian. Yang saya hendak sebut di-sini, Tuan Pengerusi, ia-lah kalau kita katakan pelajar² ini, saya mesti frank dan ikhlas dalam perkara ini, kalau sa-kira-nya apa yang saya sebut ini termasuk di-dalam sekolah², bukan Maktab, perkara ini berlaku sudah hampir tiga tahun dahulu, dan kalau sa-kira-nya itu terjadi dalam Sekolah bukan dalam Maktab, saya minta-lah Menteri ini menerangkan bagaimana boleh terdapat di-Sekolah itu budak² yang Form II dengan budak² yang lulus LCE, bagaimana di-champorkan, sebab pada dasar-nya di-sekolah itu boleh masuk kalau

budak itu sudah lulus Form II, dan Form II biasa-nya tidak ada penentuan lulus, yang ada lulus ia-lah LCE dengan F.M.C., erti-nya kalau budak itu masuk pereksa LCE dia tidak lulus, erti-nya di-presumekan bahawa dia lulus Form II, dan di-samping itu tidak menyekat pula budak² yang sudah lulus LCE.

Tuan Haji Othman bin Abdullah:

Tuan Pengerusi, dengan keterangan daripada Yang Berhormat dari Bachok, jelas-lah bahawa dia itu salah faham, dan keterangan yang di-berikan oleh Menteri yang berkenaan tadi menyatakan keterangan dia tidak betul. Jadi, Tuan Pengerusi, saya minta supaya Ahli Yang Berhormat dari Bachok itu jangan-lah mengelirukan orang ramai di-luar Dewan ini seperti dia chuba mengelirukan di-dalam Dewan ini sendiri, dan ini-lah yang selalu di-chakapkan di-dalam kempen² dia mengatakan Kementerian Pertanian ini memilih kaseh dalam soal memilih chalun² hendak masuk Sekolah Pertanian.

Tuan Pengerusi: Itu tidak ada kena-mengena dengan chalun kempen.

Tuan Haji Othman bin Abdullah:

Tuan Pengerusi, saya minta supaya Ahli Yang Berhormat itu tarek balek keterangan dia itu.

Tuan Pengurusi: Tarek balek atau perbetulkan chadangan itu mengikut macham

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah:

Tuan Pengerusi, saya duduk berhadapan dengan Tuan Pengerusi dalam Dewan ini tidak dengan Ahli back-bencher atau sa-kurang²-nya dengan Menteri. Kalau saya hadapkan kepada Menteri chakapan saya pun sudah tidak betul. Yang betul-nya saya dengan Tuan Pengerusi; sama ada hendak tarek atau pun tidak, apa yang saya telah katakan, saya telah katakan.

Tuan Pengurusi, itu maklumat saya. Kalau saya tidak betul itu memang di-dalam Dewan ini Tuan boleh perbetulkan. Itu memang sudah di-dalam Dewan macham itu. Ada pun hendak masuk champor, boleh keluar di-luar.

Tuan Pengerusi, yang saya hendak berchakap ia-lah berkenaan dengan Sekolah itu. Jadi, kalau kenyataan saya ini tidak betul, tolong perbetulkan, tetapi kalau betul maka ini amat menyedehkan. Apa yang nyata ia-lah pengambilan—intake—Sekolah itu tidak menyekat kalau budak itu F.M.C., dan dari segi lojik-nya tidak mustahil ada budak² Form IV dalam situ. Maka berkumpul-lah budak Form IV dengan Form II dari segi asas-nya, dan ini yang menimbulkan kekeliruan—itu yang saya hendak kemukakan, bukan saya hendak kempen, Tuan Pengerusi. Saya tak lari, di-Kelantan pun saya boleh menang.

Tuan Pengerusi, berkenaan dengan penyeliidekan Kaji Ayer, ia-itu Hydraulic Research, Pechahan-kepala 11 di-bawah Kepala 135, dan juga perkara luchu, Tuan Pengerusi, dalam perkara ini, ia-itu berkenaan dengan ayer yang datang ka-Malaysia kita ia-itu ayer hujan terkadang² itu ada Kerajaan terpaksa berbelanja supaya negeri ini ada bomoh boleh tahan hujan; tetapi yang saya maksudkan kajian di-sini, ia-itu di-samping kita mengkaji ayer, Yang Berhormat Menteri boleh membawa dalam masaalah ini perkara mendapatkan baja daripada ayer itu sendiri, mithal-nya di-negeri² yang lain, Tuan Pengerusi, saya tidak membuang wang Kerajaan sa-mata² di-ketika saya di-beri peluang melawat, ia-itu saya melawat di-negeri luar saya dapati di-tempat hydraulic research ini ada kajian² yang membuat baja, arti-nya research itu boleh mendapat baja daripada ayer dengan tidak payah menchari bahan² raw material yang asal daripada nature, daripada tabiat alam, ayer itu sendiri sudah boleh di-buat baja dan baja²-nya itu berbiji². Apa guna kita membuang ayer ka-laut sedangkan ayer itu boleh di-buat baja? Jadi, kita ambil-lah guna kesempatan yang baik itu—binatang kera, Tuan Pengerusi, ada tangan, ada kaki, tetapi kalau ada buah yang kelima dia ambil dengan ekor. Jadi, kalau Kementerian ini belajar daripada falsafah itu pun ayer tidak hilang daripada pergi ka-laut sa-mata².

Yang akhir-nya sa-kali, Tuan Pengerusi, sa-bagai biasa, ia-itu tentu-lah

saya berchakap sedikit sa-banyak bagi pehak Negeri Kelantan kerana saya maseh lagi dua bulan menjadi wakil di-Kelantan dan saya tidak berniat hendak melarikan diri, Tuan Pengerusi, ia-itu berkenaan dengan kita hendak mengadakan, membersehhkan sungai² baharu, ia-itu river clearing termasuk perbelanjaan di-Kelantan. Perkara yang besar sa-kali di-Kelantan, ia-itu di-Bachok, sudah jadi bah dan sudah jadi runtuh tanah oleh kerana ayer² ini tidak mendapat saloran untuk menuju ka-sungai, beberapa kali sudah Kementerian ini dan termasuk juga Timbalan Perdana Menteri berjanji hendak membetulkan jalan² ayer supaya sampai pergi ka-sungai. Saya telah kempen, Tuan Pengerusi, untuk pehak Tun Razak dan Kementerian ini sa-hingga kawasan saya hairan bagaimana saya boleh kempen menunjokkan Kerajaan Perikatan ini terlalu baik, padahal saya parti Pembangkang. Masaalah saya bukan masaalah baik, saya atau pun orang lain, masaalah benda ini boleh di-lakukan untuk ra'ayat dengan demikian saya di-chalunkan lagi sa-kali. Dan yang kedua, Tuan Pengerusi, Tun Razak pergi baharu ini dan saya pun ikut balek tinggal Parlimen satu hari dan saya dapati jalan sudah di-buat, itu saya terima kaseh, tetapi yang saya berchakap ini dari segi sungai tidak jalan—jalan dia tidak buat dia bagi buat madrasah, buat tempat sembahyang; tempat sembahyang itu waktu lain, ini waktu hujan turun orang berhajat sungai itu betul bukan hendak naik atas madrasah itu sembahyang waktu hujan dok turun. Jadi, saya kata kepada Tun, kalau hendak bagi masaalah buat surau buat apa, waktu lain-lah; waktu hujan ini buat sungai dahulu. Tun mengaku tetapi, bila dia pergi dia buat yang lain; dan berjanji kepada saya yang lain, yang dia buat yang lain, dan saya pun tidak mahu berchakap banyak, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Persidangan di-tempohkan sa-lama 15 minit.

Persidangan di-tempohkan pada pukul 11.45 pagi.

Persidangan di-sambong sa-mula pada pukul 12 tengah hari.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua
mempengerusikan Jawatan-kuasa)

Tuan Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Ahli Yang Berhormat dari Muar Utara telah menchadangkan ia-itu apabila hasil beras berlebehan, maka perusahaan mesti di-majukan untuk memperoseskan beras bagi menjadi makanan seperti mee, mee-hoon dan lain². Makmal berkenaan dengan mengkajikan, memperoseskan semua jenis makanan telah pun siap di-bena di-Serdang. Ujian² akan di-buat apabila alat perkakas makmal yang sesuai tiba. Daripada ujian ini insha' Allah keputusan² boleh di-dapati untuk mengadakan perusahaan² mengeluarkan berbagai² jenis makanan daripada beras.

Ahli Yang Berhormat itu juga telah menchadangkan supaya bantuan² ditambah dan baja² di-beri menerusi Persatuan² Peladang. Bantuan bagi ranchangan padi ada-lah bertambah bagi tahun ini daripada \$2,000,000 kepada \$2.7 juta tetapi jumlah ada-lah berkurangan sedikit oleh kerana ranchangan² di-jalankan mengikut kemahuan peladang² pada tahun yang lalu ia-itu pada tahun 1968. Jika ada permintaan lebih daripada peladang² dalam tahun ini, maka tambahan peruntukan ini akan dapat di-timbangan pada masa hadapan.

Baja padi ada-lah di-beri keutamaan menerusi Persatuan² Peladang dan baja² itu di-simpan di-setor² Persatuan Peladang.

Ahli itu juga telah menchadangkan supaya penyiasatan di-jalankan bagi membuka, atau pun meluaskan Bendang Ring sa-luas 500 ekar. Maka itu akan di-siasat dan di-uruskan.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Kangsar telah menchadangkan supaya beneh padi di-beri kepada semua orang² kampong. Dalam masaalah ini saya suka-lah menegaskan dasar Kementerian ini ia-itu bantuan beneh² padi chuma di-beri kepada kawasan² yang mahu bertanam padi dua kali sa-tahun dan beneh² itu di-beri pada permulaan

menanam jenis yang baharu di-keluarkan oleh pehak Kerajaan.

Ahli Yang Berhormat itu juga men-chadangkan supaya kilang² padi di-dirikan lebeh banyak lagi. Ini ada-lah menjadi dasar Kerajaan menggalakkan supaya kilang² padi di-adakan di-mana² juga kawasan padi di-dalam negeri ini. Bagi kawasan² yang mempunyai tanah yang lebeh kurang sa-ribu ekar dan pendapatan-nya tidak kurang daripada 10,000 pikul maka di-galakkan supaya di-adakan sa-buah kilang padi di-tempat itu.

Ahli Yang Berhormat dari Pulau Pinang Selatan telah menegor berkenaan dengan kemahuan daripada pehak Parit dan Taliayer satu kawasan reserve sa-banyak 48 kaki sa-belum Jabatan itu membena parit dan taliayer di-Pulau Pinang. Mereka telah pun dengan sukarela-nya memberi 24 kaki, maka perkara itu akan di-timbangan oleh Jabatan Parit dan Taliayer dan saya harap kapada Ahli Yang Berhormat supaya mengadakan perhubungan terus dengan Jabatan yang tersebut.

Ahli Yang Berhormat dari Johor Bahru Barat telah menyatakan ia-itu pendudok dalam negeri ini suka kapada beras Siam lebeh daripada beras yang di-keluarkan di-negeri ini. Ini tidak-lah menghairankan, kerana kebiasaan-nya perkara yang senang di-dapati atau hak kita sendiri kurang di-suka² kalau di-bandingkan dengan barang yang susah di-dapati, atau pun hak milek orang lain.

Tuan Haji Rahmat bin Haji Daud: Saya tidak berkata orang di-sini suka makan beras Siam, hanya sa-bilangan sadikit sahaja, kita maseh lagi membawa beras Siam ka-mari. Kalau beneh beras Siam di-tanam di-sini, tidak payah kita masokkan lagi. Saya minta supaya beneh beras Siam itu di-tanam di-sini, jadi tidak payah kita masokkan beras Siam dari negeri Siam sana.

Tuan Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Terima kaseh. Sa-benarnya beneh beras Siam ini telah pun dibawa masok ka-dalam negeri ini dan telah pun di-kaji dan beneh²-nya telah pun di-keluarkan kapada petani² untuk

bertanam ia-itu padi beras Siam 29 dan lain² lagi tetapi hasil daripada beneh padi beras Siam ini tidak-lah sa-bagitu baik atau lumayan kalau di-bandingkan dengan jenis padi yang di-keluarkan pada masa ini umpama Mashuri, Malinja, Bahagia, Ria dan lain² lagi. Jenis padi Siam ini chuma boleh di-tanam sa-kali sa-tahun dan pendapatannya tida-lah sa-bagitu banyak kalau di-bandingkan dengan jenis padi yang saya sebutkan empat jenis tadi yang boleh di-tanam dua kali sa-tahun dan mendatangkan hasil yang banyak. Jadi masaalah yang ada di-hadapan kita sekarang ini jangan-lah kita memikir berkehendakkan jenis padi yang baik atau beras yang baik, lemak, enak dan sa-bagai-nya tetapi masaalah yang ada di-hadapan kita sekarang ia-lah kita hendak mengeluarkan padi, atau beras yang chukup untuk keperluan ra'ayat yang ada dalam negeri ini. Apabila pengeluaran padi dan beras ini telah menchukupi bagi kehendak dan kemahuan ra'ayat yang ada dalam negeri ini, maka pada masa itu baharu-lah boleh pula kita mengkaji untuk menchari jenis² padi yang sedap, lemak, enak dan sa-bagai-nya. Jadi, pada masa sekarang ini ada-lah menjadi tugas dan tanggungjawab Kementerian saya bagi mengeluarkan beras dan padi yang chukup untuk keperluan dan kemahuan ra'ayat yang ada dalam negeri ini.

Ahli Yang Berhormat dari Sabah telah meminta supaya pehak Kerajaan menimbangan gantirugi sa-kira-nya tanah² di-ambil untuk di-buat taliayer. Ini ada-lah menjadi dasar Kementerian ini untuk memberi gantirugi yang berpatutan, yang sesuai sa-kira-nya tanah di-ambil untuk membena taliayer, atau pun parit di-mana² juga dalam negeri ini.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Langat telah meminta supaya pehak FAMA menjalankan urusan pemasaran kopi. Perkara ini akan saya sampaikan kapada FAMA untuk menimbangan berhubung dengan masaalah itu. Dan beliau juga men-chadangkan supaya di-adakan seminar, kursus dan sa-bagai-nya untuk mengajar pendudok² atau petani² dan peladang² berkenaan dengan menchegeh penyakit. Perkara ini telah pun di-jalankan

daripada satu masa ka-satu masa kursus² dan kelas² latehan telah pun di-adakan di-pusat latehan pertanian di-dalam negeri ini, chuma yang kita harapkan ia-itu kajian² berkenaan dengan menchegeh penyakit itu akan mendapat hasil lebih baik bagi di-masa yang akan datang.

Ahli Yang Berhormat dari Perlis Selatan telah mengshorkan supaya pihak Jabatan Pertanian menchetak buku² berkenaan dengan ilmu pengetahuan pertanian dan di-jual kepada ra'ayat. Perkara ini akan di-timbangkan. Sa-perkara lagi yang di-bangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu ia-itu pegawai² atasan kata-nya selalu sebok dengan file² dan beliau memberi contoh pegawai² yang ada di-India yang biasa melawat di-kampong² bermalam dan makan minum bersama² dengan peladang² dan petani². Di-sini suka-lah saya menegaskan ia-itu pegawai² yang ada di-bawah Kementerian saya terutama sa-kali pegawai daripada Parit dan Taliayer, pegawai daripada Jabatan Pertanian, ada-lah menjalankan kerja² sa-bagaimana yang di-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu ia-itu bermalam atau pun bersama² dengan petani² dan peladang² di-kampong². Pada kebiasaan-nya mereka ini pun melawat kampong daripada pagi kadang² balek malam, ada kala-nya bermalam ditempat² itu untuk memberi penerangan, penjelasan dan memimpin ra'ayat petani² dan peladang² berbong dengan masaalah kemajuan pertanian dan lain² lagi. Saya ingin-lah meminta supaya Ahli Yang Berhormat melawat beberapa buah persatuan² peladang yang ada dalam negeri ini dan di-situ beliau dapat-lah memandang bagaimana pegawai² pertanian yang ada dalam negeri ini bertungkus lumus memimpin ra'ayat menerusi persatuan² peladang bagi mendapat kemajuan dan kejayaan di-dalam perusahaan dan pertanian di-dalam negeri ini.

Ahli Yang Berhormat dari Bachok tadi telah pun berchakap dengan panjang lebar di-antara-nya berkenaan dengan kechurangan yang berlaku kata-nya kemasokan penuntut² atau pengambilan penuntut² ka-Maktab Pertanian. Jadi, saya telah menerangkan

tadi ia-itu dalam segi pelajaran pertanian dalam negeri ini ada dua institution; satu ia-lah Maktab Pertanian di-Serdang, sa-buah sahaja di-dalam Malaysia ini dan yang lain ia-lah Sekolah Pertanian yang juga ada satu di-Serdang, satu di-Bumbong Lima, satu di-Kedah, satu di-Kelantan dan ada beberapa buah lagi di-Sarawak dan di-Sabah. Saya berani-lah menerangkan di-sini ia-itu di-Maktab Pertanian tidak ada pengambilan murid² atau penuntut² yang tidak lulus School Certificate atau pun Malayan Certificate of Education, tetapi di-sekolah² pertanian kelulusan yang di-kehendaki untuk memasoki latehan atau pun belajar di-sekolah itu ia-lah Form II, kerana pengambilan penuntut² atau pekerja² sa-bagai JAA ia-lah Form II. Manakala JAA di-ambil dengan berpelajaran Form II itu maka mereka itu di-hantar oleh Negeri² yang berkenaan ka-Sekolah Pertanian untuk belajar di-sana sa-lama 18 bulan. Tetapi baharu² ini kita telah pun mengubahkan sedikit ia-itu mengambil penuntut² yang lulus L.C.E. untuk belajar di-sekolah² itu sa-lama dua tahun ia-itu dalam chara kita meninggikan taraf JAA yang ada di-dalam negeri ini. Jadi, di-sini saya rasa tidak-lah payah saya menerima chabaran kebudakan yang di-keluarkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bachok itu ia-itu penuntut² atau murid² yang lulus Form II, Form III di-College kerana dengan keterangan yang saya beri itu tidak ada dalam College Pertanian.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah:

Tuan Pengerusi, saya minta tarek balek chabaran yang di-katakan kebudakan, sebab saya tidak menudoh tepat di-Maktab Pertanian, kerana kita ada dua peringkat sekolah. Tuan Pengerusi, saya berasa bangga dalam Dewan ini kalau saya tidak betul, orang men-chabar suroh saya tarek balek; menarek balek kata² yang silap dalam Dewan satu kebanggaan saya, tetapi menudoh sa-bagai satu chabaran yang kita kemukakan kepada Kerajaan sa-bagai kebudakan, saya rasa sa-bagai Menteri tidak patut--bukan kebudakan--tetapi tidak patut berchakap macham itu.

Tuan Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Pengerusi, boleh-lah sa-kira-nya Ahli Yang Berhormat itu menarek balek chabaran-nya, kerana saya jarang sa-kali menerima chabaran². Kalau sa-kira-nya di-fikirkan kata² chabaran kebudakan itu menyakiti hati-nya, saya tarek balek apa yang saya sebut itu jadi tit for tat.

Sa-lain daripada itu, Ahli Yang Berhormat itu juga telah pun berchakap berkenaan dengan menggunakan ayer sa-bagai baja dan jangan-lah ayer di-buang ka-laut sa-chara membazir. Jadi, saya juga faham di-negeri Timor Tengah, terutama sa-kali di-Masir atau Egypt ayer Sungai Nile itu di-gunakan untuk mengayurkan taman² di-sana dan ayer sungai itu tidak di-bersehhkan atau purify, tetapi di-gunakan untuk menjadikan baja bagi tanaman² dan bunga² di-sana sa-hingga di-Cairo ada dua saloran ayer. Satu yang bertapis untuk di-gunakan menyiram taman dan sa-bagai-nya. Tetapi saya rasa ayer yang ada di-Malaysia ini tidak sa-bagitu berbaja sa-bagaimana yang ada di-Cairo itu. Walau pun demikian boleh-lah saya minta kepada pegawai saya menjalankan siasatan sama ada baja banyak di-ayer kita dan menasabah pula di-gunakan untuk membaja.

Sa-perkara lagi yang di-bangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu ia-lah berkenaan dengan river clearings. Kata-nya pehak Yang Amat Berhormat Tun meluluskan bermacam² ranchangan di-kawasan-nya, buat jalan, madarasah dan sa-bagai-nya, tetapi ranchangan menchuchi² sungai tidak di-jalankan atau di-benarkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Tetapi saya suka menarek perhatian Ahli Yang Berhormat itu kepada muka 61, ia-itu Pechahan-kepala 20—Membersehhkan Sungai² Baharu (New River Clearings) termasuk di-Kelantan dan di-Trengganu ada di-tandakan (s) di-situ, berma'ana perbelanjaan ini di-jalankan atau di-belanjakan oleh negeri Kelantan sendiri, dan apabila Kerajaan Kelantan sudah membelanjakan wang itu baharu-lah dia minta pada saya ganti balek baharu-lah saya ganti balek. Bukan-lah keputusan itu di-buat di-

Kementerian saya, bahkan keputusan itu di-buat di-negeri Kelantan di-mana sungai hendak di-chuchi, apa kerja di-buat dan sa-bagai-nya, sa-lepas sudah di-buat kerja baharu-lah minta ganti daripada saya baharu-lah saya bayar apa yang di-belanjakan oleh Kerajaan Negeri Kelantan.

Jadi, saya harap-lah kepada Yang Berhormat dari Bachok itu berhubung dengan Kerajaan Kelantan dan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar Kelantan sendiri ia-itu ketua parti-nya supaya kerja² menchuchi sungai di-Kelantan dapat di-jalankan dengan beres. Terima kaseh.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi, kalau saya tidak silap dengar tadi Menteri mengatakan peruntokan itu ada di-chatitikan di-bawah (s). Kalau saya tidak silap faham ma'ana (s) itu Supply. Saya berchakap dari segi development, bukan dari segi peruntokan biasa. Jadi, yang mana satu yang Menteri menjawab.

Tuan Haji Mohamed Ghazali bin Haji Jawi: Tuan Pengerusi, (s) itu ma'ana-nya reimbursement, sa-bagai-mana yang di-terangkan di-mula sakali ia-itu "This sub-head provides for reimbursement to States by way of grant in respect of expenditure incurred by the State Governments."

Masaalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak \$26,060,792 untok Kepala 133, \$250,010 dan \$2,000,000 untok Kepala 134, \$89,663,615 untok Kepala 135, \$5,980,790 untok Kepala 136 dan \$5,478,700 untok Kepala 137 di-setujukan jadi sa-bahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1969.

Kepala² 138 sa-hingga 144—

Menteri Kerja Raya, Pos dan Telekom (Tun V. T. Sambanthan) (*dengan izin*): Mr Chairman, Sir, I beg to move that the expenditure shown under Heads 138, 139, 140, 141, 142, 143, and 144 totalling \$147,753,806 under "Direct Expenditure" and \$21,409,978 under "Loan Column" be approved.

With the progress achieved during the second year of the implementation of

the projects under the First Malaysia Plan, I am confident of attaining our objectives by the end of the planned period.

Taking Head 138—"Roads and Bridges" first, a total provision of \$68,989,010 under "Direct Expenditure" and \$10,000 under "Loan Column" is requested. Of this amount, \$44,990,000 under "Direct Expenditure" and \$10,000 under "Loan Column" is for projects to be implemented in West Malaysia. With this provision, it will be possible, among other things, to improve existing Federal roads, bearing in mind the recommendations of the Draft Report prepared by the Malaysian Transport Survey Team of Consultants assisted by the Highway Planning Unit of the Public Works Department and on the construction of roads in the rural areas.

Under Subhead 1—"Route 1, Improvement and Bridges", a sum of \$6,374,000 is requested for major improvements to be carried out. Out of this amount, about \$4,630,000 is for new works and the balance is for continuation projects. Some of the major projects included in this Sub-head will be the improvement of sections of:

- (a) Johore Bharu/Ayer Itam Road.
- (b) Deviation and improvement of Ipoh/Kuala Lumpur Road.
- (c) Widening and strengthening on the Alor Star/Thai Border.
- (d) Improvement on the Butterworth/Alor Star Road.
- (e) Replacement of Timber Bridges between m.s. 21 and 27 Ipoh/Kuala Lumpur Road.

Under Sub-head 2—"Route 2, Improvement and Bridges", a sum of \$2,525,000 is requested for improvement of stretches of roads which are weak or too narrow to cater for present as well as foreseeable future needs. A sum of \$400,000 is set aside to provide a dual carriage-way from Klang to Port Swettenham. Improvement works of the Kuala Lumpur/Bentong/Temerloh/Maran/Kuantan Road will be carried out.

Under Sub-head 4—"Other Federal Roads", the major items include replacement of 11 bridges in Johore; improvement of Kepong/Kuala Selangor Road and commencement of work to replace the \$2¼ million Bota Bridge. The Federal Roads on Penang Island will be improved to cope with the increasing volume of traffic. Funds provided under this Sub-head will also be utilised for the improvement of the Seremban/Port Dickson Road, construction of three bridges, i.e. the Batu Pekaka Bridge, the Selama Bridge and the Road-over-Rail Bridge at Padang Besar. A road from Jalan Padang Besar to the Thai border will be constructed. Work on replacement of four timber bridges along the Kuantan Pekan Road will commence in 1969.

Under Sub-head 5—"Kuala Lumpur By-Pass and Thoroughways", a sum of \$3.4 million is requested to continue the project. With this amount it is possible, among other projects, to complete the Jalan Kuching Express Way up to Kepong and joining Ipoh Road, including the flyover behind Selangor Club. In addition, work will be carried out on the Birch Road/Loke Yew Road section, Maxwell Road/Birch Road section and Sungei Besi Road/Cheras Road section.

Under Sub-head 8, i.e.—"Rural Roads", a provision of \$15,000,000 is asked for and this will be allocated to various States for consolidating and surfacing roads constructed in previous years. The increase over the 1968 provision is necessary to ensure that rural areas are served by adequate road communication, so that modern amenities could be brought to the areas thereby raising the standard of living of the rural people. This Ministry is also responsible for reimbursing Municipalities for the improvement of roads which directly improve the flow of traffic on municipal roads leading to Federal roads. For this purpose, a total sum of \$2,973,000 is asked for.

I am glad to inform the House that the firm of Consultants appointed by the World Bank, acting as the executive agency for the United Nations has completed a comprehensive transport study

of the country. The Highway aspect of the Draft Report has been studied by the P.W.D. as well as my Ministry and comments made accordingly.

For the State of Sabah, a sum of \$12,499,000 is provided in the Estimate. A substantial portion of the voted provision under Sub-head 21 will be utilised for continuation work on the West Coast to Ranau Road which has now reached the heights of Gunong Alap and it is expected to reach Sinsuron by the end of 1970. The Telupid to Ranau Road under the Malaysian—Australian Road Project is phased over a 5 year period for completion in 1973 and the West Coast to Ranau Road is also expected to be completed in that time. Apart from these, improvement works on Sandakan/Labuk Road will continue and is expected to be completed in early 1970. It is also proposed to continue work on the Tambunan/Keningau Road, i.e. a section of 7 miles from Kitau to Tambunan so as to keep pace with the anticipated progress on the Sinsuron Section of the West Coast/Ranau Road. Improvement works to trunk roads throughout the State will continue especially on the Airport Road, Sandakan, Tampasuli—Ranau Road and Sin On Road, Tawau as well as recommencement of work on Tambunan Road, Keningau.

With effect from 1st January, 1969, projects under Sub-head 22 will be financed by the State Government and hence no provision is made in the 1969 Estimates.

Under Sub-head 23—"Urban Roads" funds are also provided to carry out important works to main roads in urban areas. With this provision it is intended among others, to provide a second carriageway from Kampong Sembulan junction to Gaya Street on the South Road section and from Karumusing to the Harrington Road junction on the Tuaran Road. A reconstructed single carriageway will then extend from Harrington Road to mile $2\frac{1}{4}$ of the Tuaran Road. Three new permanent bridges, several culverts, service roads, over-head foot-bridges, roundabout and railway crossings are included in the scheme.

Under this sub-head, it is also proposed to continue improvement works of Town Road in Tawau as well as Lahad Datu. The provision under Sub-head 24—"Road Surveys and Consultants' Fees" will be for the purposes of commencing road survey of the Ranau Road—Toboh Sector of the West Coast Ranau Road, survey of the proposed North Spur Road from Telupid to Sungai² for eventual link to Kudat and for operation of P.W.D. Road Laboratory and Traffic Census Teams.

Under Sub-head 26—"East West Road (Telupid Ranau)" a sum of \$4.7 million is provided to continue the project. Out of this amount, the local expenditure would be \$2.5 million and the balance of \$2.2 will be in the form of contribution by the Australian Government. 60 miles of gravelled trunk road will be constructed from Telupid, 93 miles out of Sandakan, to Ranau to meet the West Coast/Ranau currently being implemented as well as upgrading of the existing Sandakan/Telupid Road.

For the State of Sarawak, a total sum of \$11,500,010 is required for "Roads and Bridges". With this provision, it will be possible to continue the balance of works included for implementation in the First Malaysia Plan (1966-1970). During 1969 the following road construction works will be carried out:

- (a) Completion of existing project carried forward from 1968 including major bridging works.
- (b) 26 miles of new trunk road construction between Sibu/Bintulu and Bintulu/Miri Section.
- (c) 33 miles of new Feeder road construction in the 1st, 3rd and 4th Divisions.
- (d) The completion of 8 miles of road from Lutong to Kuala Baram to bitumen surfaced standards.
- (e) 24 miles of existing stone surfaced roads are to be improved to bitumen surfaced standards.
- (f) 4 miles of substandard road from mile 6 to 10 Kuching/Serian

Road are to be reconstructed to Trunk Road standards with bitumen surface.

Under Sub-head 31—"New Road Construction", a sum of \$900,000 is to cover the cost of constructing 6 major bridges and 4 minor bridges along the Engkilili/Saratok/Jakar Road. Construction of 18 miles of road along the 143 miles of Trunk route from Miri to Bintulu will be carried out. When completed the gap along this road will be reduced to about 30 miles. It is also programmed to cover the cost of construction of 8 miles of road along the trunk route from Sibü to Bintulu. The construction of Colombo Plan Bridges will also be scheduled for completion. They are:

- (a) Sg. Layar Bridge.
- (b) Sg. Paku Bridge.
- (c) Sg. Rimbas Bridge.
- (d) Sg. Krian Bridge.
- (e) Sg. Malupa Bridge.

Under Sub-head 32—"Other Major Road Improvements", improvement to the Penrissen Road (mile 3-mile 6) is expected to be completed in 1969. This is a major improvement to the Kuching/Serian Road in the 1st Division. The improvement of Oya Road in the 3rd Division from the original standard of feeder road to that of Secondary Trunk Road is expected to be completed. It is also proposed to carry out reconstruction work on a section of the Lutong/Kuala Baram Road in the 4th Division. The existing Kuching/Serian Road (mile 6-39) is to be reconstructed to a trunk road standard with bitumen surface.

Under Sub-head 33—"Road Surveys", it is estimated that a sum of \$200,000 will be expended in 1969 for the various reconnaissance and preliminary and final location survey works as follows:

- (a) Ulu Oya Continuation.
- (b) Tuban/Belaga Road.
- (c) Lutong/Kuala Baram Road Improvement Continuation.
- (d) Marudi/Ulu Linei Road.
- (e) Miri/Bintulu Road.

(f) Kuching/Serian Road Improvement.

(g) Land Development Scheme Roads in the 1st, 2nd, 3rd, 4th and 5th Divisions.

(h) Roads linking Brunei-Limbang-Lawas-Sabah.

(i) Ulu Mukah/Bintulu Section of Sibü/Miri Trunk Road.

(j) Durin/Kanowit Road.

Coming to Head 139—"Water Supplies" the total provision sought is \$21,149,978 under "Loan Column" and \$4.8 million under "Direct Expenditure" for both West and East Malaysia. Out of these sums, a provision of \$20.2 million under "Loan Column" and \$4.8 million under "Direct Expenditure" is sought for West Malaysia.

During the Mid-Plan review, the various water supply proposals which have been entered in the Development Estimates were critically examined. To avoid unnecessary earmarking of funds, only token votes are provided against proposals in respect of which pre-investment studies and design are not complete or financial viability is not favourable under the present financial circumstances. With the provisions under "Loan Column", it is intended that continuation schemes will be brought to completion or to an advanced stage of progress. Schemes such as the long awaited Kuala Lumpur New Water Supply, the Sungai Muda Water Supply for Penang and Province Wellesley and the Gombak Water Supply will be physically started. Studies and design on other schemes will continue. In this connection, it is gratifying to note that loans have been successfully negotiated with the World Bank and the Asian Development Bank respectively for the New Kuala Lumpur Water Supply and the Sungai Muda Water Supply. As Honourable Members may be aware, the cost of completion of these two schemes is a heavy financial burden to any developing country.

The provision under Direct Expenditure is sought for the implementation of F.L.D.A. water supply schemes. A sum of \$2,390,000 is required for the completion of permanent fully

treated water supplies to serve the remaining 17 out of 62 F.L.D.A. schemes which were implemented under the Malayan Second Five-Year Plan (1961-1965). The remaining sum of \$2,410,000 is required in 1969 for the implementation of water supply schemes to serve 20 new F.L.D.A. schemes developed under the First Malaysia Plan.

For the State of Sarawak, the total sum asked for under "Loan Column" is \$949,978. This sum is provided, among others, for continuation of the scheme to construct a new water supply at Betong which is expected to be completed in mid-1969 as well as for the continuation of the scheme to construct the new Sarikei Treatment Plant. In addition, construction of the new Headworks at Miri is scheduled to commence in 1969.

Under Head 140—"Government Buildings (Other than Housing)", a sum of \$7,334,493 is sought for the year 1969, both for East and West Malaysia. Out of this provision, \$4,752,010 is for West Malaysia mainly for expenditure on projects already contractually committed or for which tenders were under consideration or advertised at the end of 1968.

For the State of Sabah, the provision required is \$1,360,000. A recent recommendation for building an 8 storey office block is being considered and if accepted, work can start in 1969. This will be the main project. For the State of Sarawak under the same Head, a sum of \$1,081,400 is required to cover commitment carried over from 1968. Work on continuation project for Government Offices at Sibu, Simmangang and Limbang will continue in 1969. A provision of \$100,000 is made for the alteration and re-conditioning of Federal Buildings in the State.

Under Head 141—"Public Works Plant", the total provision required for East and West Malaysia under "Direct Expenditure" is \$9,122,000 and \$250,000 under "Loan Column". Of this sum \$7,884,000 as "Direct" and \$250,000 as "Loan" is for West Malaysia. No provision is entered for Sabah

in 1969 due to the fact that as from 1-1-69 projects under Sub-heads 11, 12 and 13 will be financed by State funds. The provision for West Malaysia is required for implementation of projects in respect of Quarry Development, purchase of new Plant and Equipment, Workshop Development and Quarry Development at F.L.D.A. Kampong Awah. Of this amount \$6,864,000 is allowed for the purchase of Plant and Equipment for development works as well as to replace those which have reached their economic life. Under Quarry Development, the expected expenditure under this project is \$700,000 and is mainly for the following:

- (a) To complete Phase 2 of the Central Quarry, Bukit Jong which was started in 1968.
- (b) To build a new Quarry at Sungai Balai, Pahang.
- (c) Phase I of the work to build a Quarry at 4½ mile—Jalan Seremban/Tampin to replace the Temiang Quarry at Seremban which will be closed shortly.

A sum of \$240,000 as direct expenditure and \$250,000 as loan to the State Government of Kedah is provided under this Head for the implementation of Workshop Development Projects. From the Direct Expenditure of \$240,000 a sum of \$100,000 will be contributed by the Federal Government to the State Government of Kedah for building a new workshop at Alor Star. The balance of the provision will be utilised for payment of works and equipment incurred in 1968, as well as extension of P.W.D. Workshop at Kota Bharu, Kelantan. The provision of \$80,000 requested under Sub-head 4 is to continue work on building of quarry at F.L.D.A. Kampong Awah.

For the State of Sabah it has been agreed that as from 1969 expenditure under this Head will be financed from State funds. Hence no provision is entered in the 1969 estimates.

For the State of Sarawak, a provision of \$1,238,000 is included in the Estimate for the purchase of plant and equipment in view of the fact that

some of the plant and equipment and vehicle in current use have already exceeded their useful life.

Taking Head 142—"Postal Services" next, a provision of \$2,174,020 is requested for West Malaysia. This provision is for continuation work on several new projects under the Postal Services Development Programme, namely, the New General Post Office-cum Divisional Headquarters, Seremban—and the New Sorting Office at Butterworth.

The 1969 programme of new projects include New Post Offices at:

- (a) Bambang, Pahang.
- (b) Enggor, Perak.
- (c) Tg. Bungah, Penang.
- (d) Parit Raja, Johore.
- (e) Bukit Gambir, Johore.
- (f) Sungai Udang, Melaka.
- (g) Muar, Johore.
- (h) Majeedi, Johore.
- (i) Balik Pulau, Penang.

It is also intended to establish 30 New Postal Agencies and inaugurate 4 New Mobile Post Offices. 2 existing Post Offices will also be extended and additional equipment and vehicles bought to cope with the increased work.

Under Head 143—"Government Housing" a sum of \$1,101,020 is required for both East and West Malaysia for the implementation of projects under Federal Labour Lines, Official Residences and Modification and Reconditioning of Government Quarters.

Under "Federal Labour Lines" a sum of \$500,000 is provided for the replacement of sub-standard Federal Labour Lines and the construction of new Quarters to provide accommodation near the labourers' places of work wherever considered necessary. For the State of Sabah, a sum of \$350,010 is requested under Sub-head 13 to construct a number of additional Federal Quarters.

Under the last Head, i.e. Head 144—"Telecommunications", a total provision of \$54,133,263 is sought both for

West and East Malaysia. For West Malaysia, a total sum of \$41,033,263 is provided in the Estimate for the year 1969 which represents an increase of approximately \$7.6 million from the 1968 provision. This increase is mainly attributed to the expected delivery of a large number of equipment which was ordered in 1968.

The major items to be implemented are for the improvement of communication facilities in the East Coast of West Malaysia. It is the aim of the Department to raise the standard of communication facilities in the major towns in the East Coast to the level provided for West Coast such as the provision of Automatic Exchanges and Microwave system including Microwave T.V. Bearers. These equipment will provide Subscriber Trunk Dialling facilities to subscribers in the major towns in the East Coast.

Under Sub-head 7—"Main Auto Exchanges" a sum of \$7,820,000 has been entered in the Estimate for the following:

- (a) Conversion of all the Manually operated Exchanges in the East Coast to Automatic.
- (b) Conversion of Alor Star and Telok Anson Manual to Automatic.
- (c) An additional 8,000 lines Exchange in Kuala Lumpur using the Crossbar equipment which will also be completed in 1969.
- (d) Installation of Trunk Exchanges in Kuala Lumpur and Penang.

Under "Trunk and Junctions Network" a sum of \$15,512,000 is requested for the year 1969. The major works to be carried out in 1969 are:

- (a) Installation of a 960 channel Microwave System Main/Standby from Kuala Lumpur to Kuantan and from Kuantan to Kota Bharu which includes 2 T.V. Bearers for two channels.
- (b) Installation of Microwave Spur links of 300 channel and 120 channel capacity linking other major towns—both Main Microwave links.

- (c) Installation of V.H.F./U.H.F. radio junctions of capacity 12, 24, 36 and 48 channels in various places.
- (d) Delivering of equipment for the Scatter System to link West Malaysia at Gunong Pulai and East Malaysia at Gunong Serapi near Kuching.

A sum of \$8,905,000 is asked for under "Subscribers Network" for 1969. This represents an increase over the 1968 provision. It is a well-known fact that the demand for telephone is increasing and even though the Telecommunications Department installed 11,215 telephones in 1968, there is still a backlog of about 8,379. This has been caused by the delay earlier in obtaining money for subscriber network and cables, etc. However, as a result of high level discussions this matter has been sorted out and it is hoped that with the provision for laying of cables, etc., the Telecommunications Department should be able to reduce the backlog in 1969.

Under "Radio and External Services" a sum of \$3,503,000 is requested for the completion of Radio Receiving Station at Banting and for down payment of Malaysia's Satellite Ground Station which will be installed near Kuantan.

Under "Training Centre" a sum of \$1,000,000 is entered in the Estimate for further expansion of the Training Centre to include training facilities for East Malaysia.

With regard to East Malaysia an amount of \$6.6 million has been entered in 1969 Estimates for the development of telecom services in the State of Sabah. Under Sub-head 40—"Main Automatic Exchanges" an amount of \$3.5 million is requested.

The major programme is for the provision of a new 5,000 line exchange, including buildings, which will provide an ultimate capacity of 10,000 line exchange which will not only provide Subscriber Trunk Dialling facilities between Kota Kinabalu and other exchanges in West Malaysia through the SEACOM Cable, but also enable

exchanges dependent on Kota Kinabalu to be provided with Subscribers Trunk Dialling Facilities.

Other main exchange programmes are for the provision of a new 1,600 line Crossbar Exchange in Tawau which will replace the existing 960 lines obsolete equipment. The new equipment includes trunk switching facilities to enable subscribers in Tawau to have Subscriber Trunk Dialling Facilities.

Under Sub-head 39—"Trunk and Junctions Network" a provision of \$1,410,000 is requested. The initial programme will be for the development of a number of hill sites for the provision of a Microwave System linking Kota Kinabalu, Sandakan, Lahad Datu and Tawau. Under "Subscribers Network" a sum of \$1 million is required for provision of External Plant to provide connections to applicants in the State of Sabah.

For the State of Sarawak, a sum of \$6.5 million has been entered in the 1969 Estimates. The major items are for the improvement of the exchanges and the Trunk and Junctions inter-connecting these exchanges.

In view of the installation of a Troposcatter System connecting Kuching and the major towns in West Malaysia, it is necessary to develop and improve the Trunk Junctions Network so that all the other towns in the State of Sarawak will be provided with easy access to Kuching and onward connections through the Troposcatter system to towns in West Malaysia and to the world.

Under Sub-head 77—"Main Automatic Exchanges", an amount of \$1,621,650 has been requested in the Estimates for 1969. This is required for a new 3,000 line Crossbar Exchange for Sibul which will incorporate Trunk Switching facilities to enable Sibul subscribers as well as subscribers from other exchanges which are dependent on Sibul to be provided with Subscriber Trunk Dialling facilities to Kuching and vice-versa. Equipment for the extension of the present Kuching Exchange from 4,000 lines to 6,000 lines will also be ordered in 1969.

A provision of \$648,350 is required under Sub-head 78—"Rural and Minor Exchange" to provide new Automatic Exchanges at Lundu, Saratok, Simanggang and Benua, and also for extending the existing Automatic Exchange at Kuching Airport.

Under Sub-head 79—"Subscribers Network" an amount of \$1,464,000 has been requested for External Plant Equipment and subscriber instruments to clear applications for telephone service. Under Sub-head 81—"Trunk and Junctions Network", a provision of \$1,881,500 has been entered in the Estimates to provide High Quality (V.H.F.) Radio Junction equipments in various parts of the State.

Tuan Edwin anak Tangkun (Sarawak): Mr Chairman, Sir, I would like to touch on Head 138, Sub-head 31, Trunk Road and Feeder Roads. Sir, I regret to understand that the provision for Trunk Road and Feeder Roads for 1969 has been reduced by about \$6 million as compared with 1968. This shows that the development of roads for Sarawak has slowed down, Sir. The development of Sarawak will depend to a very large extent on the construction of roads. The construction of roads will open up new lands on both sides of the roads for distribution to the people for agricultural development and productivity in order to earn revenue from the products when exported in the future. Therefore, it is considered that the decision to go ahead with the construction of roads is of vital importance to Sarawak. The allocation of funds should not be reduced, but, in fact, we should allocate more than the provision for 1968. I hope the Government will reconsider the allocation of funds.

I would like to point out that the proposal for the construction of a feeder road from Batu Lintang to Urundok in the Second Division Sarawak had been recommended by the District Development Committee to the Divisional Development Committee two years ago, but still action has not been taken. This feeder road is about 8 miles long from Batu Lintang to Urundok and it is required by 13 long houses. It is very useful for

the people there as it will enable them to open up new land on both sides of the road for agricultural use. Therefore, I hope the Government will instruct the State Development Committee to allocate funds for the building of this road. Thank you.

Tuan Tai Kuan Yang (Kulim Bandar Baharu): Tuan Pengerusi, saya mengucapkan berbilang terima kasih dan tahniah terhadap Kementerian Kerja Raya, Pos dan Telekom. Saya berchakap muka 85, Pechahan-kepala 2 yang mana telah mengadakan peruntukan perbelanjaan bagi Jabatan Pos dan Quarters pada tahun ini sa-banyak satu juta ringgit dan saya dengan sukacita menyokong penoh di-atas peruntukan itu. Oleh kerana di-fahamkan bahawa banyak ranchangan² yang akan di-jalankan maka peruntukan yang sa-banyak itu sa-patut-nya di-beri sokongan. Sebab saya menyatakan demikian yang mana di-kawasan saya di-Kulim atau Bandar Bharu maseh menunggu-kan bangunan pejabat pos antara-nya sa-buah bangunan Pejabat Pos dan di-Pekan Mahang mustahak di-adakan. Penduduk di-kawasan ini ada-lah se-ramai 10 ribu orang dan di-Kulim juga saperti bagitu ada satu Pejabat Pos tetapi di-dalam sa-buah kedai yang sangat sempit, penduduk makin bertambah², saya fikir patut di-besarkan. Di-kawasan Mahang ini terdapat banyak kebun² besar atau estet dan kampung² Mahang, Ulu Mahang, Kampong Lobak, Ulu Kering, Rantau Panjang dan beberapa buah kampung lagi. Disamping itu bagi kawasan Seberang Perak juga terdapat beberapa buah kampung yang juga boleh di-gunakan bersama jika di-bena di-Pekan Mahang yang menjadi kesusahan bagi penduduk² di-sana, Mahang, atau pun Seberang Perak tatkala mereka hendak berhubung dengan satu² perkara yang mustahak di-dalam soal Pejabat Pos, maka terpaksa-lah mereka pergi ka-Karangan yang sa-jauh-nya 12 batu, sunggoh pun Wakil Pos ada di-Pekan Mahang, tetapi banyak lagi urusan² yang tidak dapat di-buat oleh Wakil Pos itu saperti Tabong Haji atau simpan wang dan lain² lagi.

Maka dengan hal yang demikian saya ingin menjelaskan bahawa supaya

Pejabat Pos di-Pekan Mahang patut di-adakan dengan sa-chepat mungkin untuk memberi kemudahan² dan kesenangan kepada ra'ayat dan Kerajaan dalam mengendalikan di-bidang Jabatan Pos.

Tuan Pengerusi, satu perkara lagi saya berchakap dalam muka 88, Pechahan-kepala 5—Pondok² Talipon Luar Bandar. Tetapi dalam tahun ini saya tengok peruntokan sangat kurang, patut peruntokan ini di-tambah, kerana dalam kawasan saya ada banyak tempat belum di-pasang lagi saperti kampung Sungai Taka, dan Kampung Sungai Batu di-Bandar Bharu, Kedah, Simpang Junjong atau Kampung Ayer Puteh di-Kulim sangat ramai penduduk² di-kawasan tersebut dan saya harap Menteri yang berkenaan mengambil perhatian.

Berhubung dengan perkara ini saya lihat di-surat khabar satu dua hari di-timbulkan hal dawai talipon di-churi, kerana dawai talipon itu dari tembaga atau copper masa sekarang ada mahal sedikit, dan dengan yang demikian telah menjadi kechurian, tetapi, Tuan Pengerusi, saya berfikir jikalau perkara wire talipon telah kechurian, maka akan mendatangkan kesusahan yang pertama kepada pemegang talipon itu—dia punya talipon tak boleh di-luluskan. Yang kedua polis untuk siasatan berlaku kechurian itu, yang ketiga Pejabat Talikom pun sangat sebok untuk memasang balek dawai², dan keempat Kerajaan pun rugi juga, tetapi di-sini, Tuan Pengerusi, saya shorkan kepada Menteri yang berkenaan patut dawai talipon ini di-pakai dawai aluminium saperti LLN pakai dawai aluminium yang pada pendapat saya di-fikirkan itu pun saperti dawai copper dan barangkali harga pun ada murah sedikit. Dan saya harap-lah Menteri yang berkenaan timbangkan perkara ini dan jalankan dengan sempurna dan saya lagi sa-kali ucapkan berbanyak² terima kaseh.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah:

Tuan Pengerusi, di-bawah Kepala 138, Pechahan-kepala 1, saya hendak kemukakan kepada Kementerian ini satu perkara yang agak baharu, ia-itu di-bawah Memperbaiki Jalan dan Jambatan². Saya mengshorkan kepada Ke-

menterian ini dengan pengertian saya tidak mewakili mana² pihak, tidak Kelantan dan tidak kawasan saya, saya mengshorkan kalau sa-kira-nya Kerajaan Pusat pada masa dahulu telah tidak memberi wang kepada Kerajaan Kelantan untuk membena jambatan di-Kota Bharu sama ada dengan jalan pinjam atau pun dengan apa jalan sama ada sebab itu yang ini-kah, bersalah, yang itu-kah bersalah, terlepas daripada ka-semua itu, saya mengshorkan supaya Kerajaan Pusat dan Kerajaan Kelantan dapat mengadakan satu sa-fahaman supaya Kerajaan Pusat membayar harga jambatan itu dan wang itu boleh di-gunakan untuk pembangunan² yang lain ia-itu kira² lima juta ringgit.

Tuan Pengerusi, saya dukachita sebab saya bukan mewakili Kelantan dalam perkara ini, tetapi saya rasa kalau Kerajaan Pusat dapat memin-bangkan, ini amat-lah menguntungkan ra'ayat jelata di-bahagian daerah itu, kerana jambatan Kota Bharu itu boleh menghidupkan bandar Tumpat dan begitu juga Pasir Mas, dan kalau-lah jambatan yang akan kita buat di-Rantau Panjang menyambong Sungai Golok, di-Sungai Golok menyambongkan Thailand, maka segala kenderaan tentu-lah hendak melalui Jambatan Kota Bharu. Jadi kita lepaskan daripada masalaah² politik, kita fikirkan dari masalaah negara dan rasa saya Menteri ini tentu-lah tidak sayang \$5 million itu membuat bakti di-sini bukan sahaja hendak buat bakti dalam negeri Kelantan, negeri asal di-India pun dia tinggalkan datang dudok di-sini, takkan-lah tak boleh tolong negeri Kelantan itu sa-kali.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, pada tiap² tahun saya berchakap dalam masalaah membuat jalan² raya yang bahagian FLDA, ia-itu jalan² yang dibuat berasaskan yang saya tengok di-kawasan saya sendiri boleh jadi di-kawasan lain tidak, jalan²-nya baik Kerajaan Pusat buat tetapi tempat sudut yang saya hendak pertengkarkan, sudut yang saya hendak argue di-sini jalan itu tidak ekonomi bagi ra'ayat jelata kalau tidak chukup syarat, ma'ana syarat-nya bukan jalan itu

elok, tetapi kalau ada jambatan di-sungai, kita tidak buat sungai di-jambatan itu jadi kegunaan jalan—service—yang di-beri oleh jalan itu tidak ekonomik mithal-nya di-Kota Bharu sekarang ini pergi ka-Bachok, jalan chukup chantek, saya ucapkan terima kaseh, tetapi jambatan itu tidak buat sedang daripada jambatan itu pergi ka-pasar dua tiga pasar di-Bachok itu hanya jauh-nya sa-batu. Kalau begitu jalan yang chantek yang di-buat oleh Kerajaan Pusat tidak menolong ra'ayat itu memindahkan barang² hasil tempat itu hendak mengubah daripada harga benda kepada harga pertukaran, ia-itu barang² ra'ayat yang berchuchok tanam tidak dapat hendak mengubah harga-nya, value in use, dengan value in exchange. Jadi di-situ rugi juga jalan itu, kalau sa-takat hendak menang pilihan-nya sahaja hendak kempen, itu masaa-lah lain-lah, chuma saya berchakap bahawa jambatan itu rugi kita dan tidak ekonomik kalau tidak di-tambahkan jambatan, dan jambatan itu sudah pun ada peruntukan. Ini, Tuan Pengerusi, bukan saya hendak minta lebeh, bukan saya hendak bagi jalan hendak jambatan pula, bagi jambatan hendak itu pula, bukan itu, saya menimbang bahawa jalan itu tidak ekonomik.

Yang kedua ia-lah di-bawah Kepala 139 ia-itu Pechahan-kepala 19—Ranchangan² Bekalan Ayer Negeri Kelantan. Tuan Pengerusi, bukan sahaja di-Negeri Kelantan, tetapi di-Negeri² lain pun patut kita timbangkan dan kita berchakap sa-chara umum. Bekalan ayer tidak-lah sahaja kita tentukan kadalam bandar, atau pun ka-dalam tempat² yang ada Majlis Tempatan, kerana ayer ini menjadi satu keperluan—necessity—ra'ayat hidup dan melalui ayer di-telaga² itu di-situ-lah tempat malaria banyak. Kalau kita boleh mengadakan tempat bekalan ayer ini walau di-tempat² yang jauh pun, ini boleh menolong ra'ayat mengelakkan daripada penyakit malaria. Penyakit malaria ini-lah seteru yang besar sakali, Tuan Pengerusi, bagi Malaysia kita waktu ini. Mengikut angka yang saya dapati lebeh berat lagi daripada konfrantation daripada Indonesia atau pun Sabah Claim by Philippines, penyakit malaria ini besar lagi. Jadi bagaimana kita hendak menchari mashara-

kat yang sehat, kalau sa-kira-nya ra'ayat kita itu berpenyakit malaria dan di-kampong² orang Melayu banyak; orang Melayu akan mati lebeh banyak dengan penyakit malaria, birth control pula, kurang beranak, yang boleh beranak kurang beranak, yang dapat beranak kena penyakit malaria. Dalam 20 tahun orang Melayu sudah mati. Jadi ini saya rasa bekalan² ayer yang sa-macam ini tidak sahaja kita buat dari segi pembangunan, tetapi kita fikirkan dari segi pembangunan negara itu sendiri.

Di-bawah Kepala 141, Pechahan-kepala 3—Kemajuan Wokshop. Kemajuan Wokshop di-dalam Kementerian ini, ini sa-bagaimana selalu saya ulangkan balek ia-itu kita hendak bukan sahaja pekerja² ini makan gaji, tetapi dapat juga kita mengadakan pegawai² sementara, atau pun pekerja² sementara yang mereka itu bukan sahaja berkhidmat dengan Kementerian ini, tetapi mendapat kebolehan dalam itu dan mengerti technical know-how dan mereka boleh membuat kerja² yang lain apabila mereka berhenti daripada jawatan Kerajaan.

Di-bawah Kepala 142, Pechahan-kepala 7 berkenaan dengan Postal Agencies. Saya suka, Tuan Pengerusi, Postal Agencies atau pun Wakil Pos ini kita adakan di-tempat² yang bukan sahaja tempat ramai penduduk, tetapi tempat orang ramai berkumpul. Mithalnya dekat dengan sekolah terutama Sekolah Menengah tentu-lah banyak orang yang hendak mengirim surat terkadang² jauh-nya tiga batu mereka terpaksa kena datang hendak membeli stamp 15 sen, tambang-nya pergi dan balek 30 sen, memakan masa tiga jam. Kalau kita dapat mengadakan Wakil² Pos di-tempat² yang ramai begitu, terutama di-market², di-sekolah², ini akan lebeh menguntongkan ra'ayat dan menguntongkan kita.

Di-bawah Pechahan-kepala 5—Pondok² Talipon Luar Bandar. Tuan Pengerusi, saya lebeh suka di-tiap² pondok ini mesti ada Wakil Pos di-situ untong-nya ia-lah sa-kurang²-nya Wakil Pos itu memberi nasehat atau pun tunjok ajar kepada orang kampong yang hendak menggunakan pondok

talipon itu, tidak kesemua orang kampung tahu, hendak letak duit kemudian tekan A, yang senang A pun orang kampung tidak tahu, belum lulus lagi kelas dewasa-nya. Jadi kemudian hendak menunggu pula wang itu terbit, kemudian wang itu terbit hendak masuk pula lagi, tekan butir ini, bila bunyi reh-h-h bagini erti-nya jawab. Orang kampung mana tahu bunyi itu tidak bunyi, jangan² bunyi itu dia ingat rosak. Kalau sa-kira-nya ada Wakil Pos di-situ Wakil Pos ini boleh tolong mengajar. Satu untong-nya yang kedua, Tuan Pengerusi, boleh sama menjaga pondok itu kalau tidak berlaku selalu buku-nya hilang, chermin-nya pecah, kadang²-nya dipecahkan pos² itu, pondok² itu, tetapi kalau ada Wakil Pos di-situ dia dapat menjaga, menolong, nasehat orang dan juga dia dapat menjual stem di-situ.

Banyak-lah usaha²-nya yang dapat di-tolong kepada ra'ayat. Ini Kerajaan belum berfikir dan saya rasa bukan-lah Kerajaan akan malu kalau sa-kira-nya dia menerima satu pandangan daripada pehak Pembangkang dalam perkara² yang bagini baik.

Yang akhir-nya sa-kali, Tuan Pengerusi, ia-lah berkenaan dengan cable di-bawah tanah. Ini pun saya rasa ada satu sistem yang boleh di-guna dengan sistem yang lain. Yang kedua kalau ada satu chara yang lain daripada itu dapat kita gunakan, maka dapat-lah kita mempercepatkan linking atau pun persambongan² talipon yang ada. Pada waktu ini banyak negeri yang menggunakan party-line dan saya pun sudah mengadu kepada Menteri ini dan Menteri ini pun sudah menjawab, tetapi bukan masalaah saya yang saya sebutkan, masalaah kalau kita menggunakan party-line di-dalam negeri kita banyak usaha²-nya itu akan terbengkalai bukan sahaja sebab line itu satu, tetapi kita hendak minta itu tidak boleh dia kena ada satu art, ada satu chara pula hendak satu talipon dengan satu talipon sendiri.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, sudah berlaku saya hendak berchakap dengan orang saya sendiri talipon satu party-line, kemudian orang lain pula berchakap, jadi tiga party di-situ dari segi politik-nya. Jadi hendak bercha-

kap rahsia pun tidak boleh, orang ini dengar. Kemudian kawan ini kata, "Bagaimana tuan boleh tahu saya punya rahsia?" Saya kata, "Tuan ini berchakap, yang ini tidak berchakap dengan itu." Jadi siapa yang bersalah dalam perkara ini. Tiada lain-lah saya pun tidak salah, parti itu pun tidak salah, parti ini salah, yang salah Tun Sambanthan juga dia yang menyambongkan tiga. (*Ketawa*).

Tuan Pengerusi: Meshuarat ini ditangguhkan hingga pukul 4 petang ini.

Persidangan di-tangguhkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Persidangan di-sambong sa-mula pada pukul 4.00 petang.

ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1969

Jawatan-kuasa

Meshuarat menjadi Jawatan-kuasa.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatan-kuasa*)

Kepala 138 hingga 144—

Perbahathan di-sambong sa-mula.

Tuan Ganing bin Jangkat (Sabah): Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap dengan rengkas, Kepala 138—Jalan Raya dan Jambatan², Pechahan-kepala 21.

Tuan Pengerusi, kami di-Sabah menguchapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri yang mana beri peruntukan di-Pechahan-kepala 21 dan lain² Pechahan-kepala lagi. Tuan Pengerusi, jalan² besar yang paling sibok tiap² hari di-Kota Kinabalu ia-lah Jalan Tuaran atau pun Tuaran Road, dan Jalan Penampang atau pun Penampang Road.

Tuan Pengerusi, saya minta kedua² jalan raya yang saya sebutkan itu dapat di-perluaskan supaya lalu-lintas di-jalan raya yang paling sibok ini dapat di-atasi kemalangan² jalan raya sebab saya tahu jalan² yang saya sebutkan itu beberapa ribu kereta siang malam melalui dua batang jalan raya tersebut.

Dan sa-lain daripada itu, Tuan Pengerusi, suka saya sampaikan kepada

Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan jambatan. Di-sini, Tuan Pengerusi, ada dua jambatan di-Tuaran Road yang paling burok, satu di-Talipok dan satu di-Daerah Menggatal kerana menjaga keselamatan lalu-lintas. Saya harap dua² jambatan itu dapat di-perbaiki dengan segera.

Sekian, terima kaseh.

Dr Mohamed bin Taib (Kuantan): Tuan Pengerusi, saya suka berchakap di-bawah Kepala 138—Jalan Raya dan Jambatan. Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kaseh kepada Kementerian yang berkenaan berhubungan dengan jalan raya di-Pahang. Tetapi sungoh pun begitu saya suka mendapat perhatian daripada Kementerian yang berkenaan, berkenaan keadaan jalan raya pada masa ini, berkenaan dengan surface-nya. Bagaimana kita tahu bahawa keadaan jalan raya di-sana pada masa ini ia-lah lebeh kurang macham muka laut ia-itu tinggi rendah. Jadi ma'ana-nya kalau kita berjalan laju sedikit di-sana pada masa ini boleh jadi kepala kita kena kapada atap kereta.

Tuan Pengerusi: Macham wave?

Dr Mohamed bin Taib: Ya, macham wave. Dan keadaan ini akan bertambah² burok agak-nya. Kita tahu-lah sebab-nya kerana lori² balak yang berat, tetapi kita pun tahu juga bahawa balak² ini akan mendapatkan hasil yang besar kapada negeri. Jadi dengan kerana itu tidak-kah boleh Kementerian yang berkenaan memperbaiki jalan ini kerana bagaimana saya katakan tadi, hasil memang ada, jadi kenapa di-biarkan jalan saperti itu. Kita tahu Kerajaan memang sedar berkenaan dengan perkara ini, maka dengan sebab itu-lah Kerajaan memberi 6 sen pada sa-batu lebeh mileage-nya di-sana. Ini kita sedar, tetapi bagaimana kapada orang 'awan pula, bayaran Road Tax-nya sama tetapi keadaan jalan-nya memang tidak memuaskan.

Tuan Pengerusi: Jalan mana?

Dr Mohamed bin Taib: Jalan di-Pahang. Boleh di-kata kesemua sa-kali jalan di-Pahang begitu.

Tuan Pengerusi: Oh! semua sa-kali di-Pahang!

Dr Mohamed bin Taib: Boleh di-katakan semua sa-kali. Saya berulang tiap² minggu ka-sana kerana itu saya tahu. Jadi itu-lah dia, tetapi yang saya hendak tujukan benar ia-lah berkenaan dengan jalan ka-Sungai Lembing. Saya suka juga mengucapkan terima kaseh kapada Kementerian yang berkenaan kerana dahulu jalan ini memang burok sangat, tetapi pada masa ini jalan baharu sudah di-adakan, tetapi jalan ini belum siap lagi, hanya lebeh kurang tiga batu sa-tengah lagi, tetapi pada masa yang akhir² ini pada masa hujan ini, jalan itu telah rosak benar, kerana di-sebabkan oleh hujan dan juga kerana banyak lori² yang berat² lalu-lalang di-sana. Jadi itu-lah maka saya berseru kapada Menteri yang berkenaan supaya jalan ini di-perbaiki dengan sa-berapa segera yang boleh.

Berkenaan dengan jambatan pula ada sa-kurang²-nya dua jambatan di-sana yang rendah yang betul² di-atas gigi ayer. Jadi pada masa ini jikalau ada hujan sedikit jambatan ini boleh di-katakan tenggelam serta-merta. Kita selalu mendengar jambatan di-Pasir Kemudi dan Jambatan di-Jalan Song-sang bila hujan sedikit, tenggelam. Jadi apa ma'ana jalan-nya ada, tetapi tidak boleh di-gunakan, kerana jambatan-nya rendah. Jadi sa-kali lagi saya berserulah kapada Kementerian yang berkenaan supaya di-tinggikan jambatan itu.

Satu lagi pula, berkenaan dengan Kepala 141, Pechahan-kepala 2 ia-itu berkenaan dengan Jentera² Baharu dan Kelengkapan. Saya di-fahamkan bahawa di-Pahang pada masa ini jentera² baharu, atau pun heavy plant sudah tidak menchukupi dengan sebab itu-lah, katanya, maka jalan² baharu, jalan² yang besar tidak dapat di-sudahkan dengan sempurna dan chepat. Ini juga saya berseru kapada Menteri yang berkenaan supaya di-hantar heavy plant ka-sana sa-chukup²-nya kerana kalau tidak maka keadaan di-sana tidak-lah memuaskan. Itu-lah sahaja, Tuan Pengerusi, Terima kaseh.

Tun V. T. Sambanthan (*dengan izin*): Mr Chairman Sir, I shall give due consideration to the requests made by various Members during this debate. However, the request by the Member for Bachok that the Government should reimburse the Kelantan Government for the bridge at Kota Bharu has been repeatedly replied to over and over again, and for his sake, I would give him the answer—that is, that development projects in the States are reimbursed by the Federal Government only if the projects were given prior approval by the Federal Government. As the Honourable Member is aware the Kelantan State Government did not consult the Federal Government on the construction of the bridge. As such, it is regretted that his suggestion cannot be considered. His request for postal agencies and the others, I will certainly pay attention and give due consideration.

As to the request by the Member for Sarawak for improvement to feeder roads, I would like to say that feeder roads are all the time being improved right down the country. The request by the Member for Kuantan will also be acceded to, but I must certainly regret to say that I cannot accept his suggestion that all the roads in Pahang are wavy. He must agree that I have seen for myself a lot of roads in Pahang improved and I cannot accept his contention, but if he wants further roads to be improved, we will certainly improve them and, in fact, a large proportion of improvement of roads has been concentrated in Pahang over the past seven years and more.

That is about all, Sir. I have answered adequately the other Members. The request by the Member for Kulim for improvements, I will certainly bear it in mind. Thank you, Sir.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Saya minta penjelasan sedikit. Kalau saya tidak silap faham, apa yang dijawab oleh Menteri Yang Berhormat sekarang berkenaan dengan jambatan di-Kelantan itu ia-lah jawapan itu di-asaskan di-atas apa yang telah berlalu. Apa yang saya telah minta tadi, ia-lah dengan tidak memandang perkara yang

berlalu pada masa yang lalu dapat-kah Kementerian ini atau pun Kerajaan Pusat menchari satu jalan dengan Negeri Kelantan itu supaya membayar harga jambatan itu dengan di-jadikan jambatan Federal memandang kepada jambatan yang kita hendak buat di-perenggan Thai dengan Malaysia, bukan saya menempoh kedudukan sekarang ini.

Tun V. T. Sambanthan: Saya sudah jawab perkara itu banyak kali dahulu dan Timbalan Perdana Menteri pun sudah jawab dahulu. Ini bukan-lah hal baharu.

Masalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak \$68,989,010 dan \$10,000 untok Kepala 138, \$4,800,000 dan \$21,149,978 untok Kepala 139, \$7,334,493 untok Kepala 140, \$9,122,000 dan \$1,250,000 untok Kepala 141, \$2,274,020 untok Kepala 142, \$1,101,020 untok Kepala 143 dan \$54,133,263 untok Kepala 144 di-setujukan jadi sabahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1969.

Kepala 145 hingga 149—

Menteri Pengangkutan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir): Tuan Pengerusi, saya memohon keizinan tuan mengemukakan Belanjawan Pembangunan projek² di-bawah Kementerian saya bagi tahun 1969 yang terkandung di-bawah Kepala 146 sa-hingga 149 berjumlah sa-banyak \$37,427,473. Daripada jumlah ini sa-banyak \$21,464,020 ia-lah pinjaman kepada Lembaga² Pelabohan dan Pertadbiran Keretapi.

Saya suka menjelaskan hasil² pelaksanaan yang telah di-chapai sa-hingga sekarang dan juga rancangan² yang sedang di-sambong dalam Rancangan Malaysia Lima Tahun Pertama.

Dalam tahun 1965 apabila Rancangan Lima Tahun Malaysia berkenaan dengan pengangkutan di-putuskan Kerajaan dapati bahawa sunggoh pun kemudahan² pengangkutan di-Malaysia Timor di-kehendaki tambah dan di-perbaiki tetapi di-Malaysia Barat ada-lah menchukupi bagi memenohi keadaan² lalu-lintas sa-hingga tahun 1970. Ini ia-lah di-sebabkan

baprojek² telah di-laksanakan di-dalam ranchangan yang lepas dan oleh itu Kerajaan berpendapat hendak-lah di-beri keutamaan kepada bahagian² kemudahan yang lain supaya mengelak menyediakan kemudahan² pengangkutan yang berlebihan. Oleh yang demikian di-dalam peruntokan bagi Ranchangan Lima Tahun ini, sa-banyak \$546 juta (di-bandingkan dengan \$777 juta Ranchangan 1961-1965) sahaja yang di-peruntokkan. Ini ada-lah berkurangan daripada 24% kepada 12% daripada jumlah peruntokan Pembangunan Kerajaan semua-nya.

Boleh-lah di-katakan bahawa sistem pengangkutan di-Malaysia Barat adalah terator sa-imbang dengan kedudukan ekonomi dan penduduk²-nya. Sistem pengangkutan ini ia-lah bagi menyalurkan barang² mentah kepada pelabohan² untuk di-hantar keluar negeri dan juga menerima impot (barang² masok) daripada pelabohan² untuk di-hantar bagi kegunaan seluroh negara. Sistem² jalan raya ada-lah menghubungkan kawasan² yang mengeluarkan barang² mentah dan barang² yang sa-paroh di-perkilangkan atau pun di-jadikan barang² yang sempurna untuk di-bawa kepada kawasan² perkilangan di-dalam negeri ini dan juga membawakan barang² yang telah di-kilangkan itu untuk jualan kepada kawasan² yang lain. Dengan menghubungi di-antara satu negeri dengan negeri² yang lain di-dalam negara ini maka sistem jalan raya ada-lah mengeratkan perhubungan penduduk² supaya mereka itu merasa sa-bagai penduduk² di-dalam sa-buah negara dan satu bangsa. Sistem jalan raya ini juga menchecepatkan perhubungan di-antara satu tempat dengan yang lain dan menolong membukakan tanah² yang baru lagi kemajuan ekonomi negara.

Bagi menentukan negeri ini mempunyai sistem pengangkutan yang terjalin dan boleh menchapai matalamat kebangsaan di-dalam ranchangan jangka panjang, maka Kerajaan telah mendapat pertolongan daripada Ranchangan Pembangunan Bangsa² Bersatu (UNDP) dan Bank Dunia untuk di-adakan Kajian Pengangkutan di-seluruh Malaysia. Kajian ini bermula dalam tahun 1967 dan laporan deraf terakhir-nya

telah di-terima dalam bulan September, 1968. Sekarang ini laporan² itu sedang di-kaji oleh Kerajaan. Laporan ini hasil kajian yang teliti memeriksa sistem² pengangkutan dalam Malaysia dan juga telah membuatkan sokongan² (recommendations) dan pandangan berkenaan dengan kemudahan² yang patut ditambah yang di-kehendaki sa-hingga 1975 dan kemudian-nya sa-chara 'am kepada 1985. Pada 'am-nya Kerajaan ada-lah bersetuju dengan recommendation² yang di-buat itu baik pun dari segi perlaksanaan projek² dan pada dasarnya. Kerajaan akan melaksanakan sakalian recommendation itu sa-kadar mana kewangan dan kebolehan pentadbiran itu dapat menjalankan kerja-nya.

Kerajaan akan menitek berat supaya menentukan dasar² pengangkutan adalah sa-imbang dengan ranchangan menanam modal dan dasar² pembangunan ekonomi pada keseluruhannya. Dengan kerana wang terhad bagi projek² pembangunan maka sewajarnya di-beri keutamaan kepada projek² pengangkutan yang boleh memperbaiki perkhidmatan serta juga mengurangkan perbelanjaan lalu-lintas dengan tidak memakan belanja yang banyak. Keutamaan yang lebeh ada-lah di-beri bagi memperbaiki tambah bahagian Penyelidek dan Peranchang. Sa-laras dengan dasar ini-lah maka tertuboh-nya satu Badan Penyelidek dan Peranchang di-dalam Kementerian Pengangkutan dan satu Badan Peranchang bagi Jalan Raya Kementerian Kerja Raya, Pos dan Talikom pada akhir tahun 1966.

Ranchangan² mengenai Pelabohan²

Ranchangan² memperbesarkan pelabohan² telah dan sedang di-jalankan di-Pelabohan Pulau Pinang, Pelabohan Swettenham, Kuching, Kota Kinabalu, Sandakan dan Sibu. Di-Pulau Pinang sa-bagai yang terma'alum 3 buah Dermaga Ayer Dalam sa-panjang 600 kaki pada tiap² sa-buah telah pun mula di-gunakan semenjak bulan September tahun lepas. Dua buah lagi Dermaga Ayer Dalam sa-panjang 1,100 kaki akan siap tahun ini. Ketiga² buah Dermaga yang telah siap itu ia-lah untuk mengendali muatan² biasa dan

dua buah Dermaga lagi itu ada-lah di-bena bagi membolehkan mengendali muatan² biasa dan juga muatan bagi kapal² yang menggunakan container, sunggoh pun pada permulaan-nya akan di-gunakan bagi mengendali muatan biasa sahaja.

Di-Pelabohan Swettenham binaan dua buah Dermaga Ayer Dalam sa-panjang 1,800 kaki akan bermula dalam pertengahan tahun ini untuk mengendalikannya muatan container, tetapi boleh di-gunakan bagi kedua² jenis kapal. Lagi sa-buah Dermaga sa-panjang 1,000 kaki akan di-bena di-dalam perengkat kedua. Projek Perengkat Yang Pertama ada-lah di-angap akan siap pada akhir tahun 1972.

Di-Kuching sa-buah pelabuhan baru akan di-bena di-Pending Point, 7 batu di-hilir pelabuhan sekarang. Di-Tanah Puteh di-dapati terlalu sempit dan tidak dapat di-perbesarkan lagi dengan kerana ayer-nya kurang dalam. Keputusan berkenaan dengan pemilihan Sharikat² Perunding yang akan di-beri kontrak bagi Kajian Kejuruteraan dan menyediakan pelan² membina pelabuhan ini akan di-buat tidak lama lagi. Projek ini ia-lah bagi membina sa-buah Dermaga sa-panjang 800 kaki di-lengkapkan dengan gudang² sa-luas 76,000 kaki persegi. Anggaran Perbelanjaan ia-lah sa-banyak \$17 juta. Apabila siap, Dermaga ini boleh mengendali sa-banyak 350,000 tan dagangan setahun sa-lain daripada yang di-kendalikan oleh Pelabuhan lama. Rundingan juga sedang di-buat bagi kajian untuk membina tambahan Dermaga² di-Pelabuhan Sibu. Kerajaan British telah mempelawakan hendak menjalankan kajian ini dan keputusan akan di-ketahui tidak lama lagi.

Di-Sabah pula Kerajaan Amerika telah pun bersetuju memberi bantuan untuk menjalankan kajian teliti bagi binaan pelabuhan² Kota Kinabalu dan Sandakan.

Projek di-Kota Kinabalu ia-lah bagi binaan 800 kaki Dermaga baru pada Perengkat Pertama dan 500 kaki lagi bagi Perengkat Yang Kedua serta juga binaan sa-mula Dermaga yang ada sekarang ini. Anggaran Perbelanjaan

ada-lah sa-banyak \$27.5 juta. Di-Sandakan kajian-nya ia-lah hendak membina sa-buah pelabuhan baru di-Allard Bay, 4 batu ka-timor daripada tempat pelabuhan sekarang. Anggaran Perbelanjaan-nya ia-lah sa-banyak \$25 juta.

Lapangan² Terbang

Rancangan memperbesarkan Lapangan² Terbang sedang juga di-jalankan bagi beberapa lapangan terbang yang besar di-Malaysia. Di-Pulau Pinang landasan kapal terbang di-panjangkan jadi 7,000 kaki dan juga di-perkuatkan lagi bagi kegunaan kapal terbang jenis Boeing 737 tahun ini. Kemudahan² lapangan terbang seperti memasang alat² lampu yang berkekalan, memperbesarkan bangunan² penumpang sedang di-jalankan dan akan siap pada tahun ini juga.

Rancangan memperbesarkan Lapangan Terbang Kota Kinabalu sa-bagai Lapangan Terbang Antara Bangsa yang kedua telah pun di-luluskan pada dasar-nya dan tindakan sedang di-ambil bagi melantek Juru² Perunding untuk menyelideki pelan²-nya. Apabila rancangan Pembangunan bagi Lapangan Terbang ini siap maka boleh-lah kapal terbang Boeing 707 membuat perkhidmatan-nya ka-Sabah. Anggaran Perbelanjaan ia-lah lebih kurang \$17 juta. Chadangan telah juga di-buat bagi menambahkan kemudahan² di-Lapangan Terbang Kuching di-dalam Pelan Kedua (1970-1975). Projek² ini ada-lah mengandungi binaan bangunan penumpang baru, "Apron" "Taxiway" dan Menara Kawalan.

Jalan Raya yang menghubungkan Padang Besar dan Johor Bahru, jalan raya menghubungkan Port Swettenham dan Kuantan, jalan raya Pantai Timor menghubungkan Kota Bharu dan Kuantan serta juga menghubungkan Segamat, jalan raya Pantai Timor Barat menghubungkan Kota Bharu dan Bukit Mertajam, jalan raya menghubungkan Sarawak dan Brunei dan Sibu semua-nya telah pun dimasukkan sa-bagai rancangan jalan raya Asia dan akan di-beri keutamaan. Keutamaan yang tertinggi ada-lah di-beri kepada pelaksanaan jalan raya Pantai Timor ka-Pulau Pinang dengan

kerana hendak memuleh ekonomi Pulau Pinang dan juga akan menambahkan barang² dagangan bagi pelabohan baru Butterworth. Keutamaan yang tinggi juga di-beri kepada jalan raya Tenggara Pahang menghubungkan Segamat. Kajian projek ini di-jangka akan bermula tidak berapa lama lagi.

Keretapi

Rancangan mendiselskan atau menukar kepada diesel enjen² keretapi sedang berjalan seperti di-chadangkan. 10 buah keretapi telah pun di-tempah dan 2 buah daripada-nya akan tiba dalam bulan Februari-March, 1969. 8 buah lagi akan tiba dan akan di-gunakan pada pertengahan tahun ini. Adalah di-harapkan rancangan mendiselskan semua enjen² keretapi yang menggunakan wap akan dapat di-laksanakan tidak berapa lama lagi sa-bagaimana di-ranchangkan. Kerajaan telah pun bersetuju meminjamkan sa-banyak \$10 juta bagi programme ini sa-hingga 1970. Apabila rancangan mendiselskan sa-penoh-nya maka perbelanjaan menjalankan keretapi mungkin dapat di-kurangkan sa-banyak 50% dan oleh itu keretapi ada harapan yang baik dapat bertanding dengan jenis² pengangkutan yang lain bagi mendapat banyak lagi barang² dan penumpang² pada masa yang ka-hadapan.

Perkhidmatan Kajichuacha

Pengambilan aleh tugas² Kajichuacha yang dahulu-nya di-jalankan oleh Ibu Pejabat Kajichuacha Singapura telah pun selesai dalam bulan September, 1968. Daripada masa itu, sa-hingga sekarang ini maka Ibu Pejabat Kajichuacha Malaysia ada-lah menjalankan semua kerja² meliputi bukan sahaja Malaysia Barat tetapi juga Malaysia Timur.

Bangunan Ibu Pejabat Kajichuacha baharu telah siap dan di-duduki dalam bulan November, 1968. Alat APT juga telah siap di-pasang dan sedang di-guna dengan sa-penoh-nya bagi menerima gambar² daripada bulan rekaan. Gambar² ini ia-lah di-guna bagi mem-baiki lagi teknik ramalan Kajichuacha yang biasa. Jabatan Kerja Raya akan mula membena sa-buah steshen yang

berkenaan awal tahun ini bagi alat mengikut jejak bulan rekaan.

Sa-lain daripada projek² di-atas, Perkhidmatan Kajichuacha telah juga menubuhkan beberapa chawangan dan perkhidmatan baharu seperti Chawangan Hawa, Chawangan Menerima dan Menyiarkan Berita Chuacha, Chawangan Penyiaran Gambar² Chuacha sa-chara automatik, Chawangan membantu ramalan dan penyelidekan chuacha dan Chawangan Chuacha Khas Hawa Panas. Penubuhan Chawangan² baharu ini ada-lah sa-imbang dengan kebiasaan yang di-buat oleh Jabatan² Kajichuacha di-dalam negara² yang maju.

Tuan Pengerusi, segala penerangan telah di-masokkan di-dalam buku Anggaran Perbelanjaan, 1969. Saya tidak payah-lah menerangkan dengan detail-nya dan saya akan beri penjelasan sa-kira-nya Ahli² Yang Berhormat suka hendak bertanya. Terima kasih.

Tuan Abdul Karim bin Abu (Melaka Selatan): Tuan Pengerusi, saya suka mengambil bahagian dalam Kementerian Pengangkutan pada Kepala 145, Pechahan-kepala 3—Enjin² dan Gerabak Keretapi. Perbelanjaan yang di-minta ia-lah \$4,920,000. Ini ada-lah satu peruntukan yang maha besar pada saya, kerana kalau hendak menukar kepala enjin sahaja tentu-lah mendatangkan kebaikan, tetapi hendak menukar juga gerabak² keretapi, pada pendapat saya gerabak² yang ada ini dalam keretapi kita ada-lah baik. Patut-lah Yang Berhormat Menteri mengkaji kerana wang yang bagini banyak di-longgokkan kepada keretapi, padahal tiap² tahun keretapi menanggung kerugian dan sa-kali lagi-lah saya meng-shorkan keretapi ini patut di-galakkan membawa kayu² balak.

Tuan Pengerusi, Kepala 146 ber-hubong dengan Pechahan-kepala 1, 2 dan 3—Pelabohan. Saya tidak-lah iri hati perbelanjaan yang di-letakkan ini, yang di-estimatekan ini ia-lah kepada pelabohan Pulau Pinang. Timbalan Perdana Menteri telah memberi ke-utamaan kepada Pulau Pinang dan Melaka. Saya berharap Yang Berhormat Menteri dapat memandang dan jangan

melupakan Melaka juga di-baiki pelabohan-nya supaya dapat kapal² datang berlaboh di-pelabohan Melaka.

Tuan Pengerusi, Kepala 147—Lapangan Terbang, Pechahan-kepala 15. Pembangunan Lapangan Terbang, Pulau Pinang, ini juga memakan belanja yang banyak. Saya juga meminta Yang Berhormat Menteri jangan-lah lupakan padang kapalterbang Melaka itu di-besarkan, sa-bagaimana yang saya telah merayu lebeh dahulu, kerana Melaka tidak-lah payah di-cheritakan lagi, kalau tidak di-ambil perhatian yang berat keadaan negeri Melaka, ra'ayat-nya akan menderita. Terima kaseh.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi, dengan rengkas-nya saya turut berchakap di-bawah Kepala 145. Saya juga menyertai Ahli Yang Berhormat dari Melaka Selatan berkenaan dengan keretapi, di-minta duit tiap² tahun banyak, tetapi rugi pada tiap² tahun. Saya rasa ini pun patut di-kaji. Saya lebeh suka, Tuan Pengerusi, kalau sa-kira-nya Perkhidmatan Keretapi ini tidak di-buat di-atas commercial basis. Kalau sudah betul benda² kita hendak menjadikan satu khidmat, service, social service sa-mata² kapada ra'ayat, saya suka keretapi di-nationalisekan dan di-jadikan milek negara dan Kerajaan sendiri menjalankan sa-chara langsung, dengan demikian kalau kita rugi pun maka berarti kita memberi khidmat dengan tidak mengharap-kan untong. Ada pun menyerahkan kapada satu badan persendirian dan Menteri ini tumpang bertangong-jawab meminta duit banyak tiap² tahun bila report, penyata kewangan, rugi tiap² tahun—saya rasa itu amat-lah mendukachitakan.

Sadikit yang saya hendak sentoh di-bawah Pechahan-kepala 3—Gerabak² Keretapi. Tuan Pengerusi, saya kurang faham di-sini apa-kah gerabak² ini untuk di-muat kayu balak sa-mata² atau pun gerabak² yang passenger atau pun penumpang² naik sama. Dalam kedua² hal itu saya juga hendak memberi tahu kapada Tuan Pengerusi, ia-itu gerabak² yang membawa kayu di-Kelantan makin sa-hari sa-makin kurang. Ini boleh menggendalakan per-

usahaan yang orang² bumiputera hendak mengeluarkan kayu² di-sana.

Ada pun kalau gerabak² yang di-naik oleh penumpang² daripada Kuala Krai sampai ka-Gua Musang, ayer-nya tidak ada, tandas-nya tidak berjalan. Bagaimana, Tuan Pengerusi, orang boleh naik dan dengan demikian ini-lah yang menyebabkan rugi pada tiap² tahun. Saya harap Menteri kita ini tidak usah-lah mendengar di-telinga kanan keluar di-telinga kiri—tolong-lah ambil perhatian sama.

Berkenaan dengan dermaga, Tuan Pengerusi, kalau Tuan izinkan saya hendak sebut sadikit berkenaan dengan kedudukan pelabohan Tumpat yang di-sini memang tidak di-sebutkan, tetapi sudah ada ranchangan hendak di-adakan satu dermaga supaya kapal² yang lebeh besar boleh menghampiri dan dengan demikian kita boleh membawa barang² daripada negeri Kelantan atau pun Pantai Timor boleh ka-mari ka-Pantai Barat sa-hingga-lah jalan yang kita buat di-Negeri Kelantan melalui Perak terus ka-Pulau Pinang itu siap.

Di-bawah Kepala 147, Pechahan-kepala 8 berkenaan dengan alat² penunjuk atau pun Kota Bharu VOR Beacon yang kita minta di-sini \$250,000. Ini, Tuan Pengerusi, sudah lama perkara ini sa-patut-nya kita buat dan saya kira amat-lah merbahaya kalau sa-kira-nya kita tidak chepatkan oleh kerana penerbangan daripada tempat² lain ka-Kota Bharu makin sa-hari sa-makin maju dan sa-makin mendapat perhatian dan pelanchong² sa-makin banyak kerana negeri Kelantan sa-makin maju di-bawah pemerentahan PAS. (*Ketawa*).

Tuan Pengerusi, yang akhir sa-kali saya hendak mengadu kapada Tuan Pengerusi, sama ada Menteri kita akan menerima atau pun tidak berkenaan dengan pengangkutan—lori². Dalam usaha Kementerian ini hendak menolong bumiputera saya telah bertanya kapada Yang Berhormat Menteri ini sa-lama hari ini berapa banyak lesen² kenderaan saperti lori di-beri kapada bumiputera dan di-beri kapada bukan bumiputera.

Tuan Pengerusi, yang menjadi kechil hati saya ia-lah Yang Berhormat Menteri kita ini jawab dengan marah, dengan semangat, dengan hendak telan, apabila saya bertanya bertulis kata-nya pada tahun 1968 kita bagi kepada orang Melayu atau bumiputera 2,101 lesen kenderaan, bila di-tanya bukan kepada bumiputera 33,953. Ini ra'ayat bumiputera banyak sa-belah kiri datang masok, Tuan Pengerusi, saya rasa Menteri ini harus orang tidak mengundi dia pada tahun ini (*Ketawa*).

Tuan Haji Aziz bin Ishak (Muar Dalam): Tuan Pengerusi, saya juga berchakap di-atas Kepala 145, Pechahan-kepala 3 dan 16 dan turut juga bersama² dengan rakan² saya tadi ia-itu beberapa hari yang lalu kita telah pun menerima satu penyata daripada Perkhidmatan Keretapi ini dan juga telah pun di-siarkan di-dalam akhbar² dan radio serta talivishen bahawa Perkhidmatan Keretapi ini telah menanggung lagi kerugian. Saya sangat-lah berasa tidak senang hati atas per-untokan yang di-untokkan sa-banyak \$4 juta lebeh yang di-untokkan kerana engine² dan gerabak keretapi itu. Saya suka-lah hendak memberikan sedikit pandangan atas perdebatan petang ini kerana tiap² tahun kita tidak pernah mendengar perkhidmatan keretapi ini memperolehi keuntungan. Mudah²an dengan pandangan saya ini akan dapat di-timbangkan oleh Kementerian yang berkenaan untuk memperbaiki Perkhidmatan Keretapi ini sa-moga pada masa hadapan ada harapan perkhidmatan ini akan dapat berjalan dengan meng-untungkan.

Pada pendapat saya, Tuan Pengerusi, satu daripada sebab kerugian keretapi ini ia-lah dengan sebab dari segi pengangkutan, sama ada mengangkut barang² atau passenger, orang ramai tidak galak menggunakan Perkhidmatan Keretapi ini. Saya suka berchakap dari segi passenger, Tuan Pengerusi. Kalau kita lihat orang ramai lebeh suka menaiki perkhidmatan lain daripada keretapi. Ini rasa saya ia-lah di-sebabkan mereka tidak senang hati atau pun tidak berasa selesa menaiki keretapi kerana barangkali beberapa

sebab passenger² itu termasuk-lah diri saya sendiri.

Mithal-nya railcar yang baharu sahaja di-perkenalkan di-negeri kita ini sungguh pun kita menaiki keretapi railcar ini boleh di-katakan chepat, tetapi kalau kita naik dengan goyang-nya, bunyi radio yang bising, panas-nya dan saya fikir jikalau sa-saorang ibu yang mengandong menaiki railcar ini dari Kuala Lumpur sampai Johor Bahru, belum sampai Johor Bahru ia telah melahirkan anak.

Baharu dua hari yang lalu, Tuan Pengerusi, isteri saya dan anak² saya sendiri balek ka-Johor Bahru menaiki railcar ini dan baharu dia memberi tahu saya, railcar yang di-naiki itu telah lambat sampai satu jam. Kerana, kata-nya sampai di-salah satu station dekat Layang Layang khabar-nya pekerja yang mengalehkan landasan keretapi ini tersalah tempat dan di-sana telah menjadi pertengkaran di-antara pekerja² di-sana. Ini apa yang telah diberi tahu kepada saya. Ini juga menjadi kurang perchaya orang ramai menaiki keretapi ini. Rasa saya Perkhidmatan Keretapi yang ada ini tidak-lah sesuai lagi sa-bagai duduk dalam sa-buah negara yang merdeka keadaan sa-rupa sahaja dengan zaman penjajahan dahulu.

Saya menchadangkan, Tuan Pengerusi, Kerajaan hendak-lah mengkaji samula Perkhidmatan Keretapi ini supaya di-modenkan perkhidmatan-nya. Kerajaan hendak-lah memanggil pakar² membuat kajian supaya Perkhidmatan Keretapi ini di-permodenkan saperti Perkhidmatan Keretapi di-negeri² yang besar mithal-nya di-Jepun dan lain² tempat dengan hawa dingin-nya, dengan landasan yang besar dan dengan pelayan² yang memberikan puas hati kepada penumpang² itu.

Jadi ini semua jalan yang boleh menarek penumpang² suka menaiki keretapi itu di-negeri kita ini. Jadi, saya fikir pehak Kementerian dari hari ini boleh-lah memikirkan perkara ini, kerana kita mahu supaya pada masa yang akan datang keadaan keretapi di-negeri kita ini menerima perubahan yang sa-wajar-nya.

Dr Tan Chee Khoon (Batu): Tuan Pengerusi, saya bangun untuk mengambal sedikit bahagian dalam perbahathan² dan saya hendak sentoh sedikit sa-banyak tentang keretapi. Saya bersetuju dengan sa-penoh²-nya apa yang di-katakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Muar Dalam yang menyeru Menteri yang berkenaan memodenkan keretapi. Saya hendak beritahu kepada Menteri yang berkenaan apa kejadian yang berlaku pada hari Ithnin pagi.

Tuan Pengerusi, pada hari Sabtu malam, saya menaiki keretapi dari Johor Bahru. Apabila keretapi sampai di-Kajang, keretapi telah lewat dekat satu jam. Tuan Pengerusi, penumpang² bukan membantah keretapi yang lewat, oleh sebab kata-nya keretapi yang mustahak-nya hendak menjaga keselamatan penumpang², tetapi saya hairan, Tuan Pengerusi, apabila keretapi sampai ka-Kajang, keretapi tunggu di-sana sa-tengah jam lebih lagi, dan, Tuan Pengerusi, kalau sa-kira-nya keretapi hendak menunggu di-sabuah tempat begitu lama, sila guard atau pun Ketua Station di-sana beritahu kepada penumpang² oleh sebab mereka ada urusan yang lain. Saya ada urusan di-Kuala Lumpur. Saya terpaksa berkejar ka-sana dan saya tidak boleh menunggu begitu lama di-Kajang. Saya faham kalau sa-kira-nya keretapi atau Pegawai² Keretapi mengambil masa untuk menjaga keselamatan penumpang² tetapi, Tuan Pengerusi, saya merayu kepada Menteri Pengangkutan sila-lah kalau keretapi menunggu di-mana² ada barangkali sa-tengah jam, atau lebih sa-tengah jam, sila-lah beritahu kepada penumpang² supaya mereka, kalau tidak boleh menunggu di-sana, boleh menaiki bukan keretapi, mereka boleh menaiki teksi.

Saya pada hari itu apabila saya dapat tahu sa-tengah jam sudah tunggu di-sana lagi mahu tunggu barangkali sa-tengah jam, saya naik dengan teksi ka-Kuala Lumpur. Barangkali, Tuan Pengerusi, Menteri Pengangkutan hendak menginstall alat modern, kalau ada P.A. System (Public Address System) kepada tiap² carriage dan senang sahaja kalau Ketua Guard

di-sana beritahu kepada penumpang²: "Malang-nya kami hendak menunggu di-sini sa-lama sa-tengah jam, oleh sebab ada keretapi hendak naikan dan kami terpaksa menunggu di-sini sa-tengah jam." Itu-lah, Tuan Pengerusi, saya berharap Menteri yang berkenaan boleh mengambil perhatian. Terima kasih.

Tuan Haji Mokhtar bin Haji Ismail (Perlis Selatan): Tuan Pengerusi, berchakap di-bawah Kepala 145, muka 91—Keretapi, Pechahan-kepala 2—Ranchangan Mendisel, Peringkat V.

Tuan Pengerusi, soal ranchangan pembangunan kemajuan keretapi Tanah Melayu, tiap² tahun di-timbulkan oleh Ahli² Yang Berhormat dalam Dewan ini dan pada tiap² tahun Perkhidmatan Keretapi Tanah Melayu mendatangkan kerugian yang besar. Sebab²-nya ia-lah satu daripada-nya perkhidmatan-nya tidak memuaskan sa-bagaimana yang telah banyak di-chakapkan di-Dewan ini dan juga kedua-nya begitu juga perkhidmatan kiriman barang yang tersangat lewat.

Tuan Pengerusi, saya tidak-lah hendak membela Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, tetapi, Tuan Pengerusi, saya telah banyak membaca laporan² berkenaan Perkhidmatan Keretapi, kalau tidak sa-penoh-nya sa-kurang² sa-bahagian dan saya dapati bahawa Perkhidmatan Keretapi di-dalam dunia ini di-mana pun tidak boleh untung, melainkan satu negara sahaja, Tuan Pengerusi, yang mendatangkan keuntungan ia-itu di-India. Perkhidmatan Keretapi di-India-lah yang mendatangkan keuntungan yang besar, tetapi sa-lain daripada itu semua-nya rugi. Bahkan di-Jepun sa-kali pun tidak mendapat keuntungan.

Jadi, oleh kerana itu untuk memajukan lagi Perkhidmatan Keretapi Tanah Melayu ini, saya mengeshorkan kepada Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, ada-kah tidak boleh-nya bahawa Perkhidmatan Keretapi kita di-Tanah Melayu ini kita gunakan dengan kuasa letrik. Kita gunakan kuasa current. Kalau tidak boleh kita buat dengan sa-penoh-nya, kita gunakan-lah di-antara Kuala Lumpur dengan Port Swettenham, kerana dalam negara kita

pada masa ini dan masa yang akan datang bekalan letrik makin sa-hari sa-makin bertambah modern dan boleh jadi bekalan itu akan berlebeh²an dan bekalan letrik di-Cameron Highlands dan lain² lagi yang akan datang berlebeh²an, itu saya rasa, dengan yang demikian akan mendatangkan banyak perubahan yang besar di-dalam negara kita. Dengan kita menggunakan kuasa letrik, tidak bising, dan tidak kotor dan lain² perkara lagi, boleh jadi juga tidak goyang. Jadi itu-lah sahaja, Tuan Pengerusi, saya mengshorkan kepada Yang Berhormat Menteri supaya membuat kajian ada-kaah boleh kita menggunakan Perkhidmatan Keretapi letrik dalam Tanah Melayu ini.

Dan yang akhir sa-kali, saya hendak merayu-lah kepada Yang Berhormat Menteri berkenaan dengan pelabohan. Nampak-nya pelabohan di-Kuala Perlis ini Yang Berhormat Menteri telah lupa. Beliau telah beberapa kali melawat ka-sana dan saya telah mengshorkan sendiri bagaimana hendak memodernkan pelabohan Kuala Perlis itu yang makin sa-hari sa-makin sebok dan banyak pelanchong² dan bagitu juga perniagaan² di-antara Siam dengan Malaya. Dengan itu saya berharap-lah Yang Berhormat Menteri supaya menimbangkan rayuan saya ini berkenaan dengan pelabohan di-Kuala Perlis itu.

Tuan Haji Ahmad bin Sa'aid (Seberang Utara): Tuan Pengerusi, saya bersama² dengan rakan² saya menyokong peruntukan bagi Pembangunan Kementerian Pengangkutan dan saya mengambil peluang menguchapkan sa-tinggi² terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri yang telah pun berusaha mengadakan sa-buah Dermaga Dalam di-Butterworth bagi Negeri Pulau Pinang dan mendatangkan banyak faedah² kepada penduduk² dalam negeri Pulau Pinang, khas-nya di-Butterworth.

Saya ingin berchakap di-bawah Kepala 146 berkenaan dengan pelabohan². Saya lihat ada peruntukan² di-bawah Pechahan²-kepala 11—Pelabohan Baharu Kota Kinabalu, 12—Pelabohan baharu Sandakan, 31—Pembangunan Pelabohan Sibn. Saya tidak dapat lihat apa² peruntukan untuk hendak mengadakan sa-buah pelabohan

di-Pantai Timor dan saya berharap Yang Berhormat Menteri akan membuat kajian supaya dapat di-adakan sa-buah pelabohan di-Pantai Timor, kerana sangat² mustahak oleh sebab perhubungan di-antara warganegara Malaysia Barat dan warganegara Malaysia Timor, jikalau kita hendak pergi, hendak melawat ka-Malaysia Timor akan memakan belanja yang banyak, kerana kita terpaksa pergi melalui Singapura, menaiki kapal, atau pun menaiki kapal terbang. Jadi saya shorkan kepada Kementerian ini supaya membuat kajian bagi mengadakan sa-buah pelabohan di-Pantai Timor dan mengadakan perkhidmatan kapal di-antara mana² tempat yang sesuai, ia-itu di-antara Pantai Timor (Malaysia Barat) ka-Malaysia Timor supaya dapat warganegara kita gunakan pengangkutan kapal berulang alek di-antara Malaysia Barat dengan Malaysia Timor dan perhubungan di-antara warganegara kita dengan warganegara Malaysia Timor akan bertambah baik. Ini satu shor yang saya harap Yang Berhormat Menteri itu akan mengambil timbangan supaya mengadakan perkhidmatan ini dan dengan sa-chepat mungkin dan saya berharap di-buat kajian juga untuk mengadakan satu perkhidmatan pengangkutan yang di-namakan hydro foil kalau tak salah yang boleh berjalan dengan pantas. Kalau kita gunakan pengangkutan hydro foil ini dari Pulau Pinang ka-Medan mithal-nya daripada pelabohan yang di-chadangkan di-antara Pantai Timor (Malaysia Barat) dengan Malaysia Timor akan membolehkan banyak orang² kita melawat di-sana dan orang² di-sana melawat ka-tempat kita. Itu-lah sahaja pandangan saya dan saya berharap Yang Berhormat Menteri akan mengkaji kemungkinan bagi menimbangkan di-atas shor² saya. Terima kasih.

Tuan Chin Foon (Ulu Kinta) (dengan izin): Mr Chairman, Sir, I rise here to support the Development Estimates for the Ministry of Transport. Now, I come to Head 145—Railways. Mr Chairman, Sir, I wish to touch on Sub-head 3. Rolling Stock for which there is a big allocation of \$4,920,000 under the Development Estimates for the year 1969. I should compliment the Ministry

for having the guts and courage to allocate this big amount for this item and I know the Malayan Railways are going to improve their administration by getting more diesel coaches. I wish to request the Minister that we should have more diesel coach services for passengers, just like the diesel coach service which is operating from Ipoh to Penang. I think that particular service is a paying concern to the Railways and I should bring to the notice of the Minister to have more of these local diesel coach services all over the country, so that most of the people would be able to travel by rail because rail service is a form of transport which can give better security and avoid accidents in this country. But, at times, our rail services are not running on time and that is why it has annoyed the public in making use of the railways. Mr Chairman, Sir, I know that now we have got a new General Manager and I have every confidence that this General Manager—he has all the past experience—year in and year out will try to improve the Railway Administration in time to come.

Mr Chairman, Sir, now I come to the item concerning railway services for goods. In my constituency, I think, we have the most tapioca factories, and everyday we have hundreds of tons of output being carted to Singapore. Kuala Lumpur, Penang, and everywhere else, but these goods are mostly being conveyed by lorries and they do not have a chance to be conveyed by the Malayan Railways. I come to understand that previously there was a request from tapioca planters; these people had approached the Malayan Railways for coaches and had received this reply, "If you want to have your goods conveyed to other towns, you have to send them down to the Ipoh goods shed". But, these planters are keen to have the wagons to be sent to Chemor so that their tapioca flour could be loaded there at a minimum charge. If they are asked to sent the goods down to the Ipoh railway goods shed, definitely it will cost them more. So, I urge the Minister of Transport to look into this matter and then try to rectify it. Thank you.

Tuan Othman bin Abdullah (Perlis Utara): Tuan Pengerusi, saya juga bersama² dengan rakan² saya mengambil kesempatan mengalu²kan peruntukan perbelanjaan Kementerian ini dan mengucapkan terima kasih khas kepada Menteri yang berkenaan yang telah menjalankan peranan yang penting dalam usaha² memodernkan pengangkutan dalam negeri ini. Dengan ada-nya perubahan² ini ada-lah memberi harapan yang besar kepada dasar pengangkutan dalam negeri kita ini mudah²an akan saimbang dengan negeri² yang telah maju di-dunia ini.

Saya hendak mengambil kesempatan sedikit sahaja ia-itu hendak menyampaikan rayuan daripada ahli² Sharikat Kenderaan Negeri Perlis. Ahli² Sharikat Kenderaan Negeri Perlis sekarang ini ada sa-banyak 50 orang dan sharikat ini telah di-tubuhkan sudah hampir empat tahun yang lalu, tetapi memiliki hanya dua buah teksi sahaja. Tentu-lah sa-kali Ahli² Dewan ini berasa hairan sa-buah Sharikat Teksi Negeri Perlis hanya mempunyai dua buah teksi sahaja. Pehak Sharikat Kenderaan ini telah pun merayu beberapa kali kepada Kerajaan supaya teksi² itu di-tambah dengan lebih banyak lagi terutama sa-kali kepada jalan² yang baharu di-bena mengikut pembangunan luar bandar sekarang ini, kerana Yang Berhormat Menteri juga sedia ma'alum baharu² ini Yang Berhormat Menteri ada melawat ka-Negeri Perlis dan sudah banyak rayuan² telah di-buat dan perkara ini sudah di-ma'alumkan kepada Menteri yang berkenaan bahawa di-Negeri Perlis boleh di-dapati dengan banyaknya teksi² sapu ia-itu terutama sa-kali di-Jalan Padang Besar, Jalan Kaki Bukit, Jalan Kuala Perlis dan lain² jalan lagi yang belum ada teksi, atau pun yang belum di-lalui oleh bas².

Jadi dengan ini saya merayu kepada pehak Kerajaan supaya mengkaji samula quota peruntukan teksi² di-Perlis itu berdasarkan kepada kedudukan yang ada sekarang ini bukan berdasarkan kepada penyiasatan 5 atau 6 tahun yang lalu, kerana apa yang saya katakan tadi, saya suka ulangi lagi sa-kali bahawa Negeri Perlis sama juga dengan negeri² lain yang telah maju dengan

banyak-nya jalan² raya dan banyak-nya orang² yang berkehendakkan pengangkutan teksi terutama sa-kali di-tempat² yang tersebut itu.

Perkara yang kedua yang saya suka ma'alumkan kepada Majlis ini bahawa kalau kita perhatikan statistik kemalangan dalam negeri ini, kita dapati kebanyakan kemalangan² yang di-lakukan oleh gulongan² yang terlalu muda dan gulongan² yang terlalu tua. Jadi, saya merayu kepada pehak yang berkenaan supaya mengkaji sa-mula umur yang sa-muda²-nya bagi sa-saorang itu mendapat lesen; sekarang daripada 18 tahun ka-21 tahun dan di-kaji sa-mula kesihatan dan umur orang² yang memandu kereta itu, kalau terlalu tua sangat patut-lah di-nasihatkan supaya jangan lagi memandu kereta terutama sa-kali orang² yang uzor, darah tinggi dan sa-bagai-nya.

Jadi, apa yang saya sebutkan di-sini di-Perlis baharu² ini ada tersiar dalam surat khabar sa-orang foreman yang sudah tua telah jadi mangsa kemalangan ia-itu mati dengan serta-merta dalam motokar-nya sendiri dan sa-belum itu sempat juga melanggar satu orang yang berhampiran di-tepi jalan; bila di-pereksa di-dapati orang ini telah pun uzor, darah tinggi dan sa-bagai-nya. Jadi dengan sebab itu-lah saya merayu supaya di-kaji sa-mula, umur yang sa-habis muda dan umur yang sa-habis tua bagi pemandu² kereta ini supaya selamat daripada berlaku-nya kemalangan² dahshat yang menyebabkan orang lain yang tidak berdosa itu akan terlibat bersama².

Perkara yang akhir sa-kali saya suka menyebutkan di-sini ia-lah berkenaan dengan Lapangan Terbang Subang yang mana Kerajaan Malaysia pada masa sekarang ini boleh-lah megah dengan ada-nya satu pengkalan terbang di-Subang, boleh di-katakan ia-lah pengkalan terbang yang chantek, yang besar di-bahagian dunia sa-belah sini dan banyak telah mendapat kepujian daripada pelawat² luar negeri memuji bentuk pengkalan terbang itu. Yang sewajar-nya pengkalan terbang itu sebok dengan kapal terbang yang turun naik pada tiap² masa, kerana luas-nya pengkalan kapal terbang itu dan bandar

Kuala Lumpur ia-lah sa-buah bandar yang besar dalam segi perniagaan, dan lapangan terbang itu di-kenali sa-bagai Lapangan Terbang Antarabangsa. Tetapi yang mendukachitakan saya pengkalan terbang itu terkadang² sunyi senyap tiada sa-buah pun kapal terbang yang turun naik, saperti tempat di-kalahkan garuda sahaja. Jika dibandingkan dengan Singapura, Singapura selalu lebeh baik keadaan-nya pada hal Kerajaan telah pun membelanjakan lebeh kurang \$50,000,000 dan telah pun berkongsi dengan Kerajaan Singapura. Tetapi di-Singapura lebeh baik keadaan lapangan terbang-nya daripada lapangan kapal terbang di-Subang itu ia-itu workshop pun di-adakan di-sana dan lain² kemudahan pun di-dapati lebeh di-Singapura daripada Malaysia padahal MSA itu berkongsi sama banyak dengan kita.

Jadi pada fikiran saya sudah sampai masa-nya bagi Kerajaan Malaysia berasingan daripada Singapura dan Malaysia mengadakan perkhidmatan kapal terbang berasingan saperti Air Ceylon atau Air India dengan memakai Air Malaysian tidak saperti sekarang ini MSA. Saya dapat ketahui mengatakan konon-nya dengan sebab kewangan-lah Kerajaan tidak dapat mengadakan perkhidmatan kapal terbang, yang berasingan itu dan boleh jadi berkehendakkan perbelanjaan lebeh kurang \$109 juta. Pada pendapt saya wang \$109 juta itu bukan-lah satu perbelanjaan yang besar padahal perkara² yang lain Kerajaan boleh membelanjakan wang-nya banyak dan perkara ini patut-lah Kerajaan membelanjakan kerana menjaga moral Kerajaan Malaysia ia-itu sa-buah negeri yang maju dan mashhor dalam dunia ini. Sekian, terima kaseh.

Wan Abdul Kadir bin Ismail (Kuala Trengganu Utara): Tuan Pengerusi, saya tidak hendak berchakap pada mula-nya tetapi oleh kerana saudara saya, Ahli Yang Berhormat dari Seberang Prai Utara, telah menyebutkan tentang pelabohan Pantai Timor, maka suka-lah saya menyentuh perkara ini sadikit.

Saya telah mengemukakan soalan pelabohan beberapa kali dan dalam perbincangan belanjawan tahun ini

dan jawapan yang di-beri oleh Yang Berhormat Menteri ia-lah pakar² Bangsa² Bersatu telah menyiasat dan di-dapati tidak sesuai di-adakan pelabohan yang besar ia-lah pelabohan yang sederhana apabila kemajuan ekonomi dapat di-pesatkan di-Pantai Timor. Saya pun tidak kira-lah, Tuan Pengerusi, kalau yang sederhana, yang besar, asal ada pelabohan yang sesuai di-Pantai Timor, tetapi soal-nya sekarang jadi macham telur dengan ayam. Menurut penerangan daripada Yang Berhormat Menteri bila kemajuan ekonomi maju akan di-adakan pelabohan itu. Yang sa-benar-nya ekonomi tidak boleh maju dengan baik kalau pelabohan itu tidak ada. Pada kami di-Pantai Timor pelabohan itu perlu di-adakan lebeh dahulu, baharu-lah dapat di-chapai kemajuan ekonomi, dapat di-buka industry dan berbagai² lagi di-besarkan di-Pantai Timor. Jikalau di-nanti sa-hingga industry maju, baharu hendak di-buka sampai bila industry kita hendak maju kalau pelabohan tidak ada, kemudahan pengangkutan tidak ada, hanya bergantung kepada jalan² raya sahaja sedangkan banyak perkara pengangkutan lebeh murah kalau di-adakan dengan jalan kapal dan laut dengan ada pelabohan yang sesuai.

Jadi saya minta-lah kepada Menteri Pengangkutan menimbangkan dengan halus akan nasib kami di-Pantai Timor ini jangan-lah di-biar²kan lagi sa-bagai masa dahulu, kerana sekarang ini Pantai Timor telah mula mengorak langkah, telah banyak langkah² di-buat hendak menchapai kemajuan menebus akan kejatohan dan kelemahan pada masa yang lalu, tetapi jikalau apa yang di-laungkan oleh penduduk² Pantai Timor untuk sa-buah pelabohan maseh di-daleh²kan untuk di-adakan, maka ini, Tuan Pengerusi, aniaya-lah kepada kami orang² Pantai Timor.

Saya merayu kepada Yang Berhormat Menteri Pengangkutan supaya menimbangkan dengan halus perkara ini dan dapat di-adakan dengan segera pelabohan yang sesuai bagi Pantai Timor sa-bagai satu daripada syarat yang mesti dan mustahak untuk kemajuan ekonomi Pantai Timor.

Sa-bagaimana yang saya terangkan pada masa yang lalu di-Pantai Barat

ini banyak menerima anak² Pantai Timor yang berhijrah menchari kerja, di-sana telalu banyak penganggoran di-luar bandar dan untuk mengatasi ini mesti ada perusahaan baharu, pembukaan ekonomi baharu dan ini tak dapat di-buat jikalau tidak ada kemudahan² yang penting saperti pelabohan. Jadi saya mengambil kesempatan ini sa-kali lagi memohon supaya di-timbangkan soal mengadakan pelabohan ini dengan sa-berapa segera dan saya ucapkan terima kaseh kepada Ahli Yang Berhormat dari Seberang Utara yang telah memberi sokongan yang tulus ikhlas kepada keadaan yang kami alami di-Pantai Timor dalam segi pelabohan ini.

Tuan Pengerusi, perkara yang kedua, fasal keretapi. Nampak-nya banyak sangat orang berchakap fasal keretapi ini, saya hendak tambah sadikit, satu sahaja. Keadaan keretapi menjadi banyak sangat pengaduan yang di-buat ia-lah kerana beberapa kelemahan yang ada pada keretapi menyebabkan kerugian-nya. Dalam soal pengangkutan ini pengangkutan keretapi ini tidak saperti pengangkutan udara. Kita ada dua sharikat dua jenis pengangkutan yang di-biayai oleh Kerajaan ia-itu keretapi dan kapal terbang. MSA banyak juga komplek²nya tetapi dia itu tunggal tidak ada competition, tidak ada sharikat lain yang menjalankan penerbangan. Jadi kalau komplek macham mana pun orang naik juga MSA walau pun lewat 3 jam atau 4 jam, tetapi keretapi bila lewat apabila tidak ada kecekapan menjalankan orang akan chari kereta atau chari kenaikan lain, ada competition. Jadi saya rasa soal yang kemudahan mengatasi kelemahan keretapi ini ia-lah dengan memahamkan keretapi satu pengangkutan yang ada pertandingan dan untuk mengatasi mesti di-atasi segala pertandingan yang lain yang boleh menyaingi keretapi; kalau ini tidak dapat di-pechahkan akan sa-lama²nya keretapi ini akan mengalami kerugian dan sa-tiap kali Dewan bersidang kita akan mendengar macham² pengaduan dan sungutan² tentang keretapi ini.

Saya sendiri bukan-lah sa-orang yang mahir benar dalam keretapi tetapi

itu-lah kehendak² daripada saya dan juga daripada ra'ayat ramai supaya keretapi ini lebeh chekap selalu dapat menyaingi dan orang tak lari mencari teksi atau bas, atau kereta sendiri, atau kapal terbang. Kita jemu atau jelak dengan lambat keretapi atau berbagai² yang di-sungutkan oleh semua orang yang telah mengalami keadaan keretapi ini dan kemudian tentang perkara² keretapi sendiri barangkali Yang Berhormat Menteri lebeh tahu dan ini patut di-betulkan. Pekerja² upahan chara macham mana dan kemajuan sa-tengah² gulungan pekerja²-nya, usaha² union kadang² menggendalakan pentadbiran dan macham² perkara ini, kalau dapat di-betulkan dengan chara yang tegas sa-bagai yang di-lakukan oleh Penguasa Pelabohan Singapura, saya rasa itu akan memberi pengajaran sadikit kepada sa-tengah² gulungan yang chuba hendak mengsabotage akan angkutan Kerajaan sa-bagai keretapi ini.

Tuan Tajudin bin Ali (Larut Utara):

Tuan Pengerusi, saya menyokong penoh perbelanjaan yang telah di-kemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan meminta kebenaran berchakap di-atas dua perkara ia-itu ranchangan mendiselskan keretapi dan pelabohan. Tuan Pengerusi, barang di-ingat hasil yang nombor tiga dalam negara ini di-dapati oleh pengangkutan² sama ada udara, laut dan jalan raya, ia-itu sa-lain daripada getah dan bijeh timah. Jadi saya rasa negara tentu-lah berterima kaseh khas-nya kepada Menteri Pengangkutan kerana daya usaha-nya memperbaiki dan mendatangkan banyak hasil kepada negara kita yang muda ini.

Tuan Pengerusi, hal ehwal kerugian keretapi ini dalam Malaysia kita ini saya rasa tidak berpatutan. Kalau saya hendak marahkan sa-suatu pehak, tentu-lah tidak berapa patut, tetapi saya berserta penoh dengan Ahli Yang Berhormat dari Kuala Trengganu Utara. Saya telah menyuarakan dalam Dewan yang berbahagia dan bertuah ini apabila pehak pekerja² keretapi menuntut gaji lebeh, daripada ini-lah keretapi mengalami kerugian daripada sa-tahun ka-satahun yang lebeh banyak. Ada Ahli Yang Berhormat

mengatakan keretapi Jepun rugi, saya rasa tidak betul. Dalam negara kita yang kechil ini keretapi mesti boleh untong kalau di-jalankan dengan ada bersafahaman di-antara Ketua²-nya dengan orang yang bekerja. Ini tidak ada. Kita tengok di-station keretapi, teksi pun datang mengambil passenger dan sa-bagai-nya. Ini merugikan Perkhidmatan Keretapi. Porter boleh berkuasa sa-bagai Station Master, jadi ini satu perkara yang chukup² ganjil. Kita boleh tengok. Saya harap kepada kebijaksanaan Menteri memperbaiki chukup chepat, chepat lagi membaiki, chepat lagi kita dapat untong sudah mesti.

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Bachok dia tak tahu dalam hal kenderaan jalan raya. Kata dia bumiputra mempunyai 2,000 buah lori sahaja, tetapi kepada Yang Berhormat Menteri saya boleh menguchapkan ribuan terima kaseh kerana perbedzaan antara kepunyaan bumiputra dan bangsa asing itu sudah bertambah baik dengan ada-nya Kongress Ekonomi Bumiputra. Saya rasa Yang Berhormat Menteri mengetahui perkara ini sa-penoh²-nya, apabila ada peluang di-beri kepada pehak bumiputra, dukachita orang² daripada pehak PAS langsung tak beri kerjasama jadi oleh sebab dia tak erti, tak ada kerjasama, dia salahkan pada Menteri—ini kerja orang PAS. Kita tak langsung terkejut oleh chakap² orang² PAS yang tidak bertanggung-jawab itu.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah:
Saya minta penjelasan, kalau boleh.

Tuan Tajudin bin Ali: Dukachita. Akhir-nya, Tuan Pengerusi, muka 92, Pechahan-kepala 4—Selat Klang Utara. Hal ehwal benaan dermaga baharu di-Klang itu saya uchapkan ribuan terima kaseh kepada Yang Berhormat Menteri bukan-nya dua, patut-nya enam, kalau kita katakan, Tuan Pengerusi, sa-kira-nya kita tak dapat kerjasama daripada pehak Singapura, Malaysia kita tak makan, kerana kita tahu kebanyakan barang kita datang-nya menerusi Pelabohan Pulau Pinang dan Klang. Jadi saya rasa pembentokan dermaga dua ini tidak memuaskan negara kita ini. Saya harap kepada

Yang Berhormat Menteri perkara ini di-segerakan kerana banyak tempat lagi di-Klang itu, lagi banyak pelabohan kita ada di-Klang itu lagi baik, kerana kita tahu, Tuan Pengerusi, sekarang banyak lagi kapal² pergi ka-Singapura, sebab apa dia mahu pergi, kerana tidak ada tempat chukup di-Klang dan di-Pulau Pinang; kebanyakan ada pula datang kapal daripada Amerika, London dan sa-bagai-nya berhenti untuk membawa barang² ka-Malaysia kita ini. Mereka terus ka-Singapura dan naik pula, jadi oleh sebab itu oleh kerana pelabohan kita kurang, kapal sudah berjalan jauh sedikit dan barang itu balek sa-mula katanah ayer kita sudah tentu barang² itu menjadi mahal. Oleh yang demikian, Tuan Pengerusi, saya harap kepada Yang Berhormat Menteri itu chari-lah jalan supaya kita banyakkkan dermaga lagi di-Pulau Pinang, di-Klang—Kelantan nanti dulu, dan di-negeri Dato' sendiri ia-itu di-Pangkor, di-Lumut, ini satu natural harbour di-sana. Kalau di-buat di-sana, saya katakan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri.

Tan Sri Haji Sardon: Tuan Pengerusi, pertama sa-kali saya ucapkan sa-tinggi² terima kasih kepada Ahli² Yang Berhormat yang telah meng-ucapkan terima kasih kepada Kementerian saya, itu terpulang-lah kepada pegawai² dan sa-kalian mereka yang bekerjasama bagitu juga kita ucapkan terima kasih Ahli Yang Berhormat walau pun pehak PAS membandingkan tadi berkenaan lori untuk bumiputra chuma 2,000 bukan bumiputra sampai 20,000 itu bukan soal berpuluh ribu atau 2,000 tetapi soal-nya tiap² permohonan itu di-siasat, kerana kalau tiap² permohonan di-bagi, keretapi pun hari ini di-tutup terus, kalau keretapi ini rugi kerana perlawanan dengan lori, kerana jalan dalam negeri kita Malaysia ini memang seluruh negeri terpuji, kerana system-nya chukup elok, tetapi ini juga pehak Pembangkang terutama sa-kali pehak Yang Berhormat Wakil dari Bachok barangkali dia tak faham, atau buat² tak tahu, tak faham, jadi susah-lah saya hendak menjawab-nya. Dan saya suka hendak menerangkan

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Untuk penjelasan. Yang saya kaitkan dengan lori tadi bukan hendak menimbulkan perkauman. Saya memang menunggu jawapan daripada Menteri Yang Berhormat terang², ia-itu saya hendak ambil tahu di-mana salah-nya keretapi ini rugi, bukan kena-mengena dengan lori; yang saya tahu antara \$10 million dengan \$12 million ia-lah keretapi rugi kerana muatan barang² Sharikat Perintis (pioneer status). Ini yang Menteri tak mahu buka tembelang-nya.

Tan Sri Haji Sardon: Itu barangkali keterangan yang dapat daripada segi PAS dan Yang Berhormat Wakil dari Bachok sahaja, tetapi kami yang menjaga keretapi lebih tahu ada statistik. Saya akan berhubung dengan Ahli Yang Berhormat nanti sa-lepas ini.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Saya chabar Menteri ini menapikan angka ini.

Tan Sri Haji Sardon: Saya tak hendak menapikan, ta' boleh di-napikan benda itu statistik angkat barang² ada kira ton, ada ringgit-nya, bukan boleh di-selit²kan benda ini, tak boleh. Ini angan² punya kesah. Minta Ma'af, Tuan Pengerusi.

Yang sa-benar-nya saya hendak menjawab kepada pehak Ahli Yang Berhormat dari Bachok berkenaan dengan keretapi dan pelabohan. Yang sa-benar-nya berkenaan dengan gerabak keretapi, memang-lah masuk dalam ranchangan, kalau di-tengok di-situ kepala keretapi dan gerabak²-nya, memang tiap² tahun keretapi ada peruntokan. Malang-nya kita tidak dapat beratus² juta ringgit sa-kali gus hendak di-tukar segala gerabak yang lama dan juga jentera² yang menggunakan wap kepada diesel, kalau dapat tentu kita dapat menyelamatkan separoh daripada perbelanjaan yang telah diterangkan oleh pehak pakar² berkenaan dengan keretapi dan terlanjor saya menjawab berkenaan keretapi sunggoh pun wagon² yang bawa balak, bukan gerabak yang bawa balak, sudah pun kita belanja lebih satu juta ringgit dan ini pun akan di-tambah lagi, tetapi malang-nya yang memohon banyak

kadang² menggunakan gerabak sudah di-isi kayu yang besar² sampai tempat itu tidak di-punggah balek, jadi tak dapat di-gunakan gerabak² itu banyak kali dan ini sedang di-susun dan di-ator dengan pehak² yang hendak ber-langgan dengan pehak keretapi. Walau macham mana pun keretapi di-mana ada peluang mendapat wang maka di-situ-lah kita akan mengadakan sama ada coach atau gerabak² yang mem-bawa penumpang² dan wagon yang membawa kayu kayan yang besar² dari-pada Pantai Timor atau pun daripada mana juga tempat yang ada meng-gunakan gerabak² keretapi. Keretapi ini masaalah-nya bukan fasal keretapi ini tak boleh dapat di-baiki, tetapi kalau hendak di-tutup sadikit² betulkan ini betulkan itu, memang tak boleh hendak di-buat macham mana kehendak orang ramai.

Ahli Yang Berhormat dari Batu tadi kata dia naik keretapi hari ini lambat dia chakap dalam Rumah Yang Berhormat ini, tetapi sepuluh kali atau 100 kali yang dia telah naik tak lam-bat, kita tak dengar, maka bagi pehak keretapi saya sendiri minta ma'af ka-pada mereka² yang tak sampai pada waktu² keretapi itu tiba, tetapi pehak keretapi sedang menyelenggarakan sebab-nya Serdang station-nya sudah tutup dan sekarang kami sedang pe-reksa mahu di-buka balek supaya mana² keretapi yang lambat boleh di-berhentikan dekat Serdang yang dekat dengan Kuala Lumpur. Ini kalau sudah di-Kajang, tentu memakan masa sa-tengah jam bagaimana Ahli Yang Berhormat itu berkata tadi. Saya ucap-kan terima kaseh atas perkara ini dan kita akan selideki dan kita akan ada-kan peruntokan supaya menyenangkan orang² yang naik keretapi supaya lebih maju dan lebih untung lagi.

Berkenaan dengan lapangan terbang baik pun di-Melaka, itu saya sudah jawab dahulu bukan sebab kami tak mahu besarkan, tetapi itu mengikut keadaan dan penumpang² dan sa-kira-nya sampai pada waktu kita akan besarkan kerana saya telah terangkan peruntokan ia-lah di-bahagikan pada yang sangat mustahak dan utama, tidak-lah mesti benda yang sudah ada

kita hendak besarkan, yang belum ada dan mustahak kita hendak adakan.

Berkenaan dengan Ahli Yang Berhormat dari Perlis Utara mengadu ber-kenaan dengan International Airport kita ini chukup elok, chukup besar, tetapi kadang² sunyi. Saya fikir ber-kenaan sunyi ini bukan sahaja di-lapangan terbang Subang tetapi di-mana² pun di-lapangan terbang kalau tak ada kapal terbang turun naik me-mang sunyi. Tetapi, malang-nya suka saya terangkan kalau hendak di-bandingkan dengan lapangan terbang Singapura dengan lapangan terbang Kuala Lumpur ini yang di-buat pada tahun 1964 hari ini tahun 1969 baharu 4 tahun, tetapi sudah ada 11 buah kapal terbang antara bangsa kadang² dia datang tengah malam, Ahli Yang Berhormat tak ada di-sana, tak nam-pak, kerana dia daripada jauh² kapal terbang antara bangsa ini, tetapi kalau hendak di-bandingkan 4 tahun rekod kami sudah mengadakan 12 buah dan sa-buah lagi SAS akan sampai juga walau pun sa-minggu sa-kali mulai pada 5hb April depan. Wakil kapal terbang Russia pun ada beri tahu kata-nya kalau perjanjian telah pun di-tanda tangani akan sampai juga ka-Lapangan Terbang dalam pertengahan tahun ini, ini ma'ana-nya telah me-narek perhatian. Singapura bukan fasal dia punya besar elok, kalau hendak besar, hendak elok kita lebih lagi, tetapi kita lebih moden daripada mereka itu, tetapi Lapangan Terbang Singapura telah ada di-sana 30 tahun yang lampau jadi sudah menjadi cross road, tetapi walau bagaimana pun Kerajaan Perikatan sedang berunding dengan Kerajaan Singapura berkenaan dengan M.S.A. ini satu sharikat pener-bangan joint venture antara Singapura dengan Malaysia, kita akan bersama² menjalankan ikhtiar bagaimana hendak membanyakkan lagi kapal terbang turun naik dan kalau Ahli Yang Berhormat itu tengok dalam peruntokan ini ada \$1 juta sa-tengah sudah di-peruntokkan hendak membena hangers untuk kita punya M.S.A. kita harap sa-kurang²-nya yang fokker boleh-lah di-tempatkan di-Subang itu tetapi benda² ini hendak di-peruntokkan—hendak buat plan dan membena-nya

sa-kurang²-nya 18 bulan baharu hendak berdiri hanger dan segala²-nya itu, jadi saya minta-lah sabar.

Berkenaan dengan soal pelabohan², saya suka hendak menerangkan terutama sa-kali Ahli Yang Berhormat dari Kuala Trengganu Utara tadi bagitu juga Ahli Yang Berhormat dari Seberang Utara berkenaan dengan di-Pantai Timor, yang saya menjawab dahulu Yang Berhormat Wakil Kuala Trengganu Utara tidak ada di-dalam Rumah Yang Berhormat ini sa-benarnya saya mengatakan mengikut siasatan pakar² Bangsa² Bersatu hendak menubuhkan—hendak mendirikan sebuah pelabohan yang besar dan untuk kapal² internasional di-Pantai Timor itu tidak ada tempat yang sesuai, walau pun bagitu Kerajaan Perikatan bagaimana dengan rayuan dan kehendak² pehak² Pantai Timor dengan kemajuan-nya sedia akan berunding dengan Kerajaan² Negeri bagaimana di-Kemaman sekarang ada pelabohan, bagaimana di-Kuantan ada pelabohan, bagaimana di-Tumpat ada pelabohan. Kita akan menyelideki tempat yang lebeh sesuai untuk kapal² coastal yang mana sesuai untuk kapal² yang di-chadangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Seberang Utara tadi boleh berhubung dengan Malaysia Timor, ini sedang di-selideki lagi antara Kerajaan Pusat dengan Kerajaan² Negeri dan kita harap ada satu tempat yang sesuai sama ada di-Kemaman itu di-besarkan dan Kuantan, atau pun satu tempat yang baharu, kita akan siasat lebeh halus lagi. Kerana kalau kita hendak berbelanja berpuluh² juta ringgit tiba² tidak ada kapal yang hendak menggunakan dan tidak di-gunakan oleh kapal nanti kita kena tudoh lagi macham Lapangan Terbang yang ada di-Subang atau pun International Airport buat sementara ini. Sabar-lah dahulu saya walau macham mana pun akan menchuba melekaskan siasatan berkenaan dengan coastal wharf bagi Pantai Timor supaya dapat berhubung dengan Malaysia Timor.

Bagitu juga Yang Berhormat dari-pada Melaka Selatan jangan lupa-lah Melaka mempunyai pelabohan. Ahli Yang Berhormat faham dan tahu yang saya sendiri mengambil berat dan

telah pun mengadakan Jawatan-kuasa yang menyelideki sama ada di-Tanjong Keling itu boleh di-sesuaikan satu pelabohan untuk industrial areas atau pun untuk cargo perhubungan antara Melaka, Pantai Barat, Malaysia Barat dengan Sumatra juga yang ada perhubungan perdagangan pada waktu ini. Maka tunggu-lah sampai Jawatan-kuasa itu akan dapat menyerahkan report² itu kepada Kementerian saya, saya akan selideki perkara ini.

Dan berkenaan dengan lesen² teksi dan lori. Di-dalam negeri kita ini kita menggunakan siasatan control system atau pun di-adakan siasatan sa-benar²-nya sa-bagaimana yang di-kehendaki taxi lebeh dan lori lebeh dan di-adakan satu charaan kerana menjaga jangan sampai banyak sangat teksi, banyak sangat bas, banyak sangat lori mereka sama mereka berlawanan akhirnya semua sa-kali rugi maka kalau bumiputera di-kehendaki mengambil bahagian tepat dalam bahagian pengangkutan maka ini terutama sa-kali akan merugikan bumiputera. Sebab itu-lah bagaimana Ahli Yang Berhormat faham dan tahu dasar yang ada hari ini permohonan² lori yang baharu Jenis A kalau tidak ada bumiputera yang mengambil bahagian pun tidak dapat di-timbangan. Bagitu juga dia hendak menambahkan lori²-nya bagitu juga kalau taukeh² bas itu hendak menghubungkan, panjangkan jalan-nya atau banyak kali-nya mereka kena-lah mengambil bahagian—mengambil modal² daripada bumiputera. Ini telah berjalan dengan elok modal Melayu hari ini tidak kurang daripada \$7 juta dalam perniagaan bas, bagitu juga dalam bilangan teksi lebeh kurang 2,400 buah daripada 4,200 buah dipunya² oleh bumiputera, kita harap ini tidak di-Ali Babakan yang mana sekarang saya sedang menyiasat perkara ini. Maka dari segi pengangkutan dan sistem pengangkutan di-Malaysia ini sama ada di-udara—M.S.A.-nya sama ada rail keretapi-nya, pelabohan dan kapal-nya, alhamdu lillah kalau di-bandingkan dengan negara² lain di-Tenggara Asia ini kita berani mengakulah lain dari negara Jepun barangkali kita masok nombor satu juga-lah. Sebab itu-lah saya minta-lah pehak

PAS walau pun dia pehak Pembangunan kalau benda yang hak dan benar tidak boleh di-nafikan. Ahli² PAS pun ada memohon lori, mohon bas, mohon taxi juga di-Pantai Timor di-Kelantan. Kalau ada syarat menepati di-bagi, kita tidak pilih kaseh atas perkara siasatan itu di-jalankan seperti mana di-mahkamah atau penyiasatan dengan adil. Saya harap-lah pehak Pembangunan patut menguchapkan terima kaseh kepada chara² Kerajaan Perikatan mengendalikan perkara sistem pengangkutan. Kita tahu ini tidak perfect kita sedang membaiki tetapi kewangan menjadi soal pokok. Saya harap kere-tapi akan dapat meminjam barangkali sampai satu ratus juta ringgit kita boleh jadikan keretapi kita yang moden samacham ada di-Amerika atau di-negara Jepun dan negara² yang maju, terima kaseh.

Masaalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak \$9,000,010 untuk Kepala 145, wang sa-banyak \$1,938,150 dan \$12,464,010 untuk Kepala 146, wang sa-banyak \$12,129,806 untuk Kepala 147, wang sa-banyak \$288,030 untuk Kepala 148 dan wang sa-banyak \$1,607,467 untuk Kepala 149 di-setujukan jadi sa-bahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1969.

Kepala 151—

Setia-usaha Parlimen kepada Menteri Kewangan (Tuan Ali bin Haji Ahmad): Tuan Pengerusi, di-bawah Kepala 151 di-chadangkan peruntukan sa-banyak \$40,000,000 sa-bagai Simpanan Luar Jangka atau Contingencies Reserve. Peruntukan akan di-gunakan kerana memberi pendahuluan wang bagi mana² ranchangan yang peruntukan-nya tidak menchukupi dan tidak dapat di-tambah dengan jalan pindah peruntukan ya'ani virement atau kerana memberi pendahuluan bagi menjalankan apa² ranchangan yang hendak di-segerakan. Dan peruntukan bagi-nya tidak ada di-sediakan dalam anggaran. Pendahuluan daripada peruntukan ini boleh di-lakukan dengan arahan Menteri Kewangan mengikut syarat² dalam Development Fund Act, 1966.

Tuan Pengerusi, saya mohon men-chadangkan.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi, sedikit sahaja saya hendak berchakap. Wang ini ia-lah wang simpanan yang akan kita gunakan bila masa kechemasan ia-itu \$40,000,000. Jikalau saya tidak silap biasa-nya wang simpanan ini kita ambil daripada angka yang kita berhutang. Saya hendak minta satu sahaja di-mana wang ini di-simpan, saya minta Kerajaan kalau tidak boleh kesemua pun sa-bahagian yang tertentu di-simpan didalam Bank Bumiputera, tidak di-bank² yang Ahli² atau Menteri² tahu di-mana di-simpan yang dahulu², saya minta pindahkan kepada Bank Bumiputera. Tuan Pengerusi, ini sa-bagai satu pertolongan kepada Bank Bumiputera yang kita tidak payah bagi pinjam atau pun equity. Kita boleh simpan wang di-dalam Bank Bumiputera dengan interest-nya kalau saya tidak silap antara 2% dengan 3% dan Bank Bumiputera boleh memusingkan wang ini untuk faedah. Itu-lah sahaja saya minta, dan saya perchaya orang lain tidak akan berchakap memada-lah saya sa-orang sahaja.

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Pengerusi, soal di-mana wang di-simpan ini ada-lah dalam jagaan Accountant-General.

Masaalah di-kemukakan bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak \$40,000,000 untuk Kepala 151 di-setujukan jadi sa-bahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1969.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan ia-itu wang berjumlah tidak lebih daripada \$889,446,354 di-belanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan dalam tahun 1969, dan untuk melaksanakan tujuan² Kepala² dan Pechahan-kepala² yang terchatet di-ruangan pertama dan kedua dalam Anggaran Pembangunan, 1969 yang di-bentang sa-bagai Risalat Titah Bil. 1 tahun 1969, maka jumlah² yang bertentangan dengan Kepala² dan Pechahan-kepala² di-ruangan Kelapan dan Kesembilan itu ada-lah di-peruntukkan bagi tujuan masing²; dan dengan ini ketetapan yang di-luluskan oleh Majlis ini pada 17hb

Oktober, 1968, mengenai perbelanjaan yang di-bayar daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun Kewangan 1969, adalah di-mansokhkan.

Majlis Meshuarat bersidang sa-mula.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mema'alumkan ia-itu Jawatan-kuasa telah menimbangkan usul yang diserahkan kapada-nya dan di-setujukan dengan urusan itu. Saya sa-terus-nya menchadangkan supaya usul yang telah kita bahathkan pada beberapa hari ini supaya di-setujukan.

Dato' Ganie Gilong: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan ia-itu wang berjumlah tidak lebih daripada \$889,446,354 di-belanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan dalam tahun 1969, dan untuk melaksanakan tujuan² Kepala² dan Pechahan-kepala² yang terchatet di-ruangan pertama dan kedua dalam Anggaran Pembangunan, 1969 yang di-bentang sa-bagai Risalat Titah Bil. 1 tahun 1969, maka jumlah² yang bertentangan dengan Kepala² dan Pechahan-kepala² di-ruangan Kelapan dan Kesembilan itu ada-lah di-peruntukkan bagi tujuan masing²; dan dengan ini ketetapan yang di-luluskan oleh Majlis ini pada 17hb Oktober, 1968, mengenai perbelanjaan yang di-bayar daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun Kewangan 1969, adalah di-mansokhkan.

Tuan Yang di-Pertua: Persidangan di-tempohkan sa-lama 15 minit.

Persidangan di-tempohkan pada pukul 5.35 petang.

Persidangan di-sambong sa-mula pada pukul 5.50 petang.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Meshuarat*)

RANG UNDANG²

RANG UNDANG² PERBEKALAN TAMBAHAN (1968), 1969

Bachaa Kali Yang Kedua dan Ketiga

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan bahawa Rang Undang² yang bernama "suatu Act bagi meng-

gunakan wang daripada Kumpulan Wang Yang di-Satukan untuk perbelanjaan tambahan bagi perkhidmatan tahun 1968 dan bagi memperuntukkan wang itu bagi maksud² yang tertentu" di-bacha bagi kali yang kedua.

Fasal 2 Rang Undang² ini meminta kelulusan perbelanjaan tambahan sabanyak \$4,305,620 kerana perkhidmatan bagi tahun 1968, dan perbelanjaan² ini ada tersebut dalam Jadual kapada Rang Undang² dan juga dalam bahagian "Bekalan" Anggaran Perbelanjaan Tambahan Kedua, 1968 yang di-bentang sa-bagai Kertas Perintah No. 8 tahun 1969. Daripada jumlah tambahan yang di-kehendaki itu sabanyak \$4,280,410 telah pun didahulukan daripada Kumpulan Wang Perbelanjaan Luar Jangka (Contingencies Fund) untuk perbelanjaan yang hendak di-segerakan, dan jumlah ini kena-lah di-ganti balek kapada Kumpulan Wang itu. Ahli² Yang Berhormat akan dapati bahawa daripada jumlah \$57,277,372 yang termasuk dalam Anggaran Tambahan ini, sabanyak \$52,971,752 ia-lah wang yang di-kehendaki bagi perbelanjaan "tang-gongan" yang mana tidak berkehendakkan kelulusan di-bawah Rang Undang² ini.

Jumlah perbelanjaan yang telah diluluskan dalam anggaran asal bagi tahun 1968 ia-lah \$1,932 juta. Apabila di-champorkan perbelanjaan "bekalan" dan perbelanjaan "tang-gongan" yang telah di-luluskan dalam Anggaran Tambahan Pertama dengan jumlah yang di-minta dalam Anggaran Tambahan ini, maka peruntukan bagi tahun 1968 akan berjumlah \$1,999.4 juta semua-nya, akan tetapi perbelanjaan yang sa-benar-nya di-jangka berjumlah lebih kurang \$1,950 juta.

Ada 5 butir perbelanjaan "tang-gongan" yang besar dalam Anggaran Tambahan ini, ia-itu \$21.3 juta untuk bayaran faedah di-atas pinjaman² dalam Negeri, \$6.5 juta untuk bayaran penebus Treasury Bill, \$7.6 juta untuk bayaran kapada Kerajaan Amerika Sharikat kerana pinjaman harga helikopter, \$13 juta untuk bayaran balek chukai kastam dan chukai eksais dan

\$4.2 juta untuk bayaran ganjaran di bawah Peratoran Penchen. Tambahan² ini tidak dapat di-elakkan oleh kerana jumlah² yang di-kehendaki tidak dapat di-tentukan atau tidak dapat di-taksir dengan tepat-nya pada masa menyediakan anggaran asal bagi tahun 1968 itu.

Berkenaan dengan perbelanjaan “be-kalan” dalam Anggaran ini, tambahan yang besar ia-lah di-bawah Kepala 16—Kementerian Pertahanan, sa-banyak \$1.6 juta bagi maksud perbelanjaan chawangan Pejabat Pasokan Pertahanan Tempatan dan Jabatan Khidmat Negara di-Negeri Sabah. Kerajaan Negeri Sabah telah bersetuju mengganti balek perbelanjaan ini.

Kepala B. 24 berkehendakkan sa-banyak \$0.58 juta sa-bagai sumbangan atau pun charum kepada Kumpulan Wang Pinjaman Pertanian Jangka Pendek untuk modal bagi memberi pinjaman kepada petani² yang mengambail bahagian dalam perchubaan penanaman padi dua kali sa-tahun dalam Ranchangan Taliayer, Sungai Muda. Penubohan Kumpulan Wang ini telah di-luluskan oleh Dewan ini dalam persidangan-nya pada 18hb Januari, 1968.

Kepala B. 20—Kementerian Luar Negeri, berkehendakkan sa-banyak \$0.57 juta, dan daripada jumlah ini \$0.35 juta ia-lah untuk perbelanjaan yang berulang dan perbelanjaan khas bagi Pejabat Kedutaan yang baharu di-tubuhkan di-Moscow, dan sa-banyak \$190,000 untuk perbelanjaan rombongan yang menghadziri persidangan di-Bangkok berkenaan dengan tuntutan Philipina keatas Sabah, dan juga perbelanjaan lawatan Perdana Menteri ka-Indonesia dan London dan lawatan Timbalan Perdana Menteri ka-Eropah dalam tahun 1968.

Kepala B. 32—Imigresen, berkehendakkan sa-banyak \$0.45 juta untuk bayaran gaji kaki-tangan dan lain² perbelanjaan bagi persediaan untuk melaksanakan sa-bahagian daripada Perjanjian Lalu-lintas Sempadan diantara Malaysia dengan Indonesia di-Malaysia Timor.

Butir² perbelanjaan yang lain yang tidak saya sebutkan tiada begitu besar jumlah-nya, dan perbelanjaan² ini ada di-terangkan dalam Memorandum Per-bendaharaan yang di-bentang sa-bagai Kertas Perintah No. 9 tahun 1969. Yang Berhormat Menteri² yang berkenaan boleh-lah memberikan keterangan lebeh lanjut sekira-nya di-kehendaki dalam peringkat Jawatan-kuasa kelak.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menchadangkan.

Dr Tan Chee Khoon (*dengan izin*): Mr Speaker, Sir, this is the second Supplementary Supply Bill that the Government is presenting to this House and the Minister, in his Budget speech, warned this House that he will in the course of this year, presumably after the General Elections, bring some more Supplementary Supply Bills in respect of expenses incurred last year.

Mr Speaker, Sir, this House this year has seen how the Minister of Finance has deliberately kept down expenditure both Ordinary and Development, in order to present to the electorate as small a deficit as possible, but in the course of this year and the next year as well, I have no doubt that expenditure will exceed income and that the Minister of Finance will present to this House Supplementary Supply Bills running into more than \$100 million. This is one of the simple expedients whereby the Minister of Finance presents a surplus Budget, in order to beguile the electorate into voting for the Alliance Party, and then after the elections he will extract his pound of flesh by presenting Supplementary Supply Bills galore to this House.

Mr Speaker, Sir, I wish to stress that, in order that the diverse races in this country should be welded into a cohesive Malaysian nation, it is necessary that the people of this country should have a sense of belonging to this country. Here it is regrettable that the Prime Minister at his post-Cabinet Press Conference on Wednesday, 5th February, 1969, cast aspersions on the loyalty of the Malaysians of Indian and Chinese origins in this country. Indeed,

he went further to castigate the Indian Press in this country for giving so much prominence to the funeral of the late Mr C. N. Annadurai. The Prime Minister has done a disservice to the Indian Press and the Malaysians of Indian origin in this country.

Tuan Ali bin Haji Ahmad (*dengan izin*): Mr Chairman, Sir, on a point of order. We are debating the Supplementary Supply Bill for 1968—money which has been spent already—but the Honourable Member for Batu is speaking about something else.

Dr Tan Chee Khoon: Mr Chairman, Sir, since the Supplementary Supply Bill has got lots of expenditure in connection with the Prime Minister's Department, surely we can touch on the conduct of the Prime Minister since we are debating on the general principles of this Supplementary Supply Bill?—I am glad that you rule so.

Mr Chairman, Sir, I reiterate that the Prime Minister has done a disservice to the Indian Press and the Malaysians of Indian origin in this country. The prominence given to the late Chief Minister of Tamil Nadu has nothing to do with disloyalty to this country. The late C. N. Annadurai was the symbol of the renaissance of Tamils all over the world. He had given a lifetime of service to the protection of Tamil culture, literature and language in Tamil Nadu. He won recognition for official status of the Tamil language in Tamil Nadu and he also got rid of the caste system in his State. The Malaysians of Indian origin in this country cannot divorce themselves from their culture and heritage, which are derived from India, and hence they have great admiration for the great work done by the late C. N. Annadurai. That does not make them one wee bit less loyal to this country than any other Malaysians. Malaysians of whatever ethnic origin cannot forget their cultural past and let us hope that in time to come there will be a fusion of these cultures into a truly Malaysian culture.

Mr Chairman, Sir, I would now refer to page 6 of the Treasury Memorandum

on this second Supplementary Supply Bill, and here we are now told that the Mercedes Pullman 600 car costs \$51,992. Mr Chairman, Sir, I make no apology for coming back to this subject, because when I first got to know that the car had landed at Port Swettenham, I found that the car's list price was \$64,580. If I were the purchaser of such a car, or anybody else in this country were to purchase this car, including all sorts of taxes the car would cost the purchaser about \$100,000. But the Government with its rebate of 15% spends now \$51,992. The Minister of Finance and presumably his Parliamentary Secretary as well have time and again reiterated in this House that money will be spent only on projects that bring back economic returns. I have asked this question before, and I ask this question again of the Parliamentary Secretary: What sort of economic returns does one expect from this outlay of money, when it is kept in the garage since its arrival in this country and presumably will be kept in the garage for yet another year before it is used by a V.V.I.P. who visits this country? This is an example of the wanton waste of public funds so characteristic of the Alliance Government, and yet they have the cheek to come and say, "We are very careful with the taxpayers' money. Do not worry. Indeed, the Public Debt in this country may be more than \$400,000 million, but we are in good company. Do not worry". But, taxpayers in this country, Mr Chairman, Sir, are entitled to ask, "Why should the Government spend such a huge sum of money on a car which has not been used for about five months and presumably will not be used for yet another seven months, making it a total of more than a year?" Is this not a waste of public funds, Sir? The Gerakan calls on the Minister of Finance, and his Parliamentary Secretary, before he leaves that job for another job in the Dewan Bahasa dan Pustaka, to see that public funds are spent very carefully and certainly not on such a wasteful project like the Mercedes Pullman 600 or the Grand Mercedes.

Mr Chairman, Sir, throughout these supplementary estimates, one finds that there are various items of expenditure which can indeed be pruned down, and I shall touch on a few of them. For example, there are so many visits from abroad. I really do not see why we should be spending so much money on such visits. We see that it costs round about \$45,000 or so for every V.V.I.P. who comes to this country. Surely, we can be less ostentatious in such matters and thereby save the taxpayers from seeing their money being thrown down the drain. Thank you.

Menteri Hal Ehwal Sabah (Dato' Ganie Gilong): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon hendak berchakap sedikit atas tambahan perbelanjaan bagi perkhidmatan tahun 1968 di-bawah Kepala B. 16—Kementerian Pertahanan. Disamping menyokong peruntukan ini saya suka menyatakan bahawa semenjak persidangan Dewan ini bermula beberapa minggu yang lepas, Dewan yang berbahagia ini telah bergemuruh dengan perbahathan² dan ulasan² daripada Ahli² Yang Berhormat sakalian berkaitan dengan satu soal yang menjadi tumpuan seluruh negara pada masa ini, ia-itu soal pertahanan negara dan sikap yang harus di-ambil oleh Kerajaan untuk menghadapi segala ancaman dari luar, atau pun dari dalam negeri. Perhatian Dewan yang berbahagia ini telah juga di-tumpukan kepada peranan² dan sikap² yang telah di-bayangkan oleh sahabat² Malaysia seperti Britain, Australia dan New Zealand dan bagaimana sikap² mereka itu telah tidak sesuai dan sa-lari lagi dengan kepentingan negara kita, terutama sa-kali sikap Amerika Sharikat dan sikap Australia dan New Zealand yang telah menjadi pokok ulasan² daripada Ahli² Yang Berhormat sakalian.

Soal tuntutan Philipina dan kemungkinan timbul-nya ancaman daripada pihak Philipina atas Sabah telah juga di-beri perhatian yang utama dari segala pihak. Oleh itu sa-bagai sa-orang anak negeri dari Sabah dan sa-bagai Menteri yang menjaga Hal Ehwal Sabah, saya menganggap sa-bagai kewajipan saya pada hari ini kepada Ahli² Yang Berhormat sakalian, kepada Dewan

yang berbahagia ini dan kepada negara dan bangsa seluruh-nya untuk menerangkan perasaan kami dan fikiran kami dalam soal yang amat penting sa-kali ini.

Kita harus bersyukur kepada Tuhan bahawa keadaan yang ada pada sekarang ini telah menimbulkan kesedaran, terutama sa-kali kepada kami di-Sabah bahawa sa-bagai sa-buah negara yang merdeka dan berdaulat kita pada akhirnya mesti-lah berdiri di-atas kaki sendiri dan bergantung atas daya upaya negara dan daya kita sendiri. Sudah-lah terang bahawa dalam keadaan yang berubah² ini tidak-lah boleh sa-mata² kita bersandar, atau mengharapkan bantuan dari orang lain. Kita harus faham bahawa kawan² kita, atau jiran² kita chuma akan menganggap dan bersedia mencheburkan diri dalam perjuangan dan pertahanan negara kita sa-kira-nya kepentingan² mereka itu dianggap sama atau sa-lari dengan kepentingan kita. Oleh itu seluruh Malaysia mesti-lah berperasaan penoh keyakinan memikul segala beban, merintis segala halangan bagi mempertahankan negaranya sendiri.

Kami di-Sabah sungguh berbangga bahawa jelas daripada perbincangan yang telah di-adakan dalam Dewan ini ra'ayat Malaysia telah menunjukkan kesanggupan dan ka-azaman yang tidak berbelah bagi untuk memelihara dan mempertahankan kedaulatan dan keutuhan negara. Kami lebeh² lagi bergembira dan penoh berkeyakinan sebab kami-lah yang sedang di-personakan dan sedang di-ancham oleh pihak Philipina. Perasaan kami-lah yang diperkechilkan dan negeri kami-lah yang dianggap sa-bagai satu kepunyaan harta-benda. Wilayah perayeran dan udara kami-lah, Angkatan Perang dan Angkatan Laut dan Udara Philipina sering menchabuli. Ketenteraman negeri kami sedang di-ancham dengan beberapa gerakan tentera dan di-sakeliling perayeran kami telah terdiri pengkalan² Tentera Philipina yang lengkap dan yang mungkin untuk mencheroboh di-masa hadapan. Masharakat kami-lah yang telah menjadi sasaran propaganda subversion dan infiltration dengan tujuan menimbulkan suasana kachau-bilau dan kelim kabut.

Kami telah menunjukkan kepada dunia bahawa Sabah bukan-lah kepunyaan harta benda sa-siapa pun dan Sabah bukan-lah sa-bagai satu real effect kami ada-lah manusia yang berjiwa bebas untuk merdeka, bebas untuk menentukan nasib kami sendiri, bebas menumpukan satu Kerajaan yang berperlembagaan dan sa-terus-nya bebas bergabung dalam satu negara yang besar Malaysia. Kami tidak sanggup diperkecil²kan dan kami rela berjuang dengan buloh runching sa-kali pun sehingga ketitisan darah yang akhir bagi memelihara hak dan kebenaran kami.

Dengan perasaan yang demikian-lah Ahli² Yang Berhormat sakalian harus mengerti bahawa semangat yang berkubar² yang telah di-suarakan oleh Ahli² Yang Berhormat di-Dewan ini sangat-lah menyenangkan kepada kami semua bahawa ra'ayat Malaysia keseluruhan-nya sanggup berjuang atas kebenaran, sanggup memelihara kedaulatan atau keutuhan negara keseluruhan-nya dan tidak rela negeri kita di-belah-bagi oleh sa-siapa sa-kali pun.

Oleh itu kami di-Sabah sungguh berasa sedih dengan sikap kawan² kita yang saya sebutkan tadi terutama sa-kali sikap Australia dan New Zealand yang telah membayangkan sa-hingga hari ini bahawa mereka tidak sanggup mempertahankan Sabah. Uchapan Tuan Hasluck, Menteri Luar Australia bahawa kita tidak harus mengangap bahawa sa-kira-nya pertelingkahan bersenjata berlaku di-Sabah, Australia akan menolong kita. Uchapan ini sangat membingungkan. Kami penoh sedar bahawa Kerajaan Australia dan ra'ayat Australia berdaulat dan berhak memutuskan sama ada mereka harus menchampioni diri dalam pertahanan Malaysia demi kepentingan konsep Malaysia sa-bagai benteng pertahanan Australia atau lain²-nya. Perkara ini terpulang-lah kepada Kerajaan Australia sendiri bagi memikirkan-nya, tetapi yang mustahak sa-kali yang saya hendak tegaskan di-sini ia-lah sa-kira-nya soal pertahanan Malaysia yang di-anggap penting, Australia sama sa-kali tidak berhak dan kita harus membeza²kan Sabah dengan wilayah² Malaysia yang lain. Saya hendak

tegaskan lagi bahawa Australia tidak berhak memperkecil²kan keutuhan negara Malaysia seluruh-nya kerana ini dengan terang melanggar maruah dan perjuangan ra'ayat Malaysia keseluruhan-nya untuk memelihara dan mempertahankan keutuhan dan kedaulatan negara. Kami tidak mengerti langsung sikap Australia yang membeza²kan Sabah dan soal pertahanan Malaysia ini, terutama sa-kali apabila kami diberi faham bahawa Australia sangat mengutamakan kerjasama dan konsep indefeasibility of defence antara Malaysia dan Singapura. Ada-kah konsep indefeasibility ini tidak termasuk Sabah.

Kami tidak faham Sabah lebih dari negeri² lain di-Malaysia ini mempunyai pertalian yang erat sa-kali dengan Australia dalam berbagai² lapangan. Darah ra'ayat Australia telah pun mengalir di-bumi Sabah dalam peperangan dunia yang kedua. Pengorbanan perajurit Australia kami tidak lupakan bahkan sudah terchatet dalam sejarah kami. Kami sentiasa sambut baik segala pertolongan yang di-berikan kepada Sabah dalam segala lapangan pada masa ini, saperti pembinaan jalan raya dan sa-bagai-nya. Oleh itu sikap yang baharu yang membezakan Sabah yang telah di-bayangkan oleh Kerajaan Australia pada kali ini sangat-lah memeranjatkan sa-olah² pengorbanan yang telah di-buat pada masa yang lampau itu ada-lah sia² dan hampa ka-semua-nya. Ini kami ra'ayat Sabah tidak mengerti. Kami fikir sikap Australia ini telah terlanjur dan menyentoh hak dan maruah ra'ayat Malaysia terutama sa-kali ra'ayat Sabah.

Saya harap keadaan yang kabus ini akan dapat di-terangkan dan sikap masing² dapat di-tentukan dan di-fahami apabila dia datang ka-persidangan Lima Negara di-Canberra pada bulan Mei ini. Walau bagaimana sa-kali pun keputusan yang mungkin terchapai dalam persidangan ini kami di-Sabah suka-lah menerangkan dan menchatetkan sa-kali lagi dalam sejarah Dewan ini bahawa kami berazam untuk mempertahankan kedaulatan dan kehormatan kami walau pun dengan buloh runching sa-kali pun.

Kami tahu bahawa keazaman dan keyakinan ini telah juga meresap dalam sanubari dan darah bagi ra'ayat Malaysia seluroh-nya. Kami berdo'a dan perchaya bahawa Tuhan akan memelihara pehak yang benar.

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Batu yang telah beruchap dan telah lari sa-lepas itu dengan tidak menunggu jawapan dan penjelasan daripada Kerajaan. Tuan Yang di-Pertua, saya amat-lah merasakan kesal terhadap perbuatan Ahli Yang Berhormat itu sa-lepas mengkeritek dan sa-lepas membuat ucapan pilehanraya dia terus keluar daripada Dewan ini tanpa menunggu penjelasan dan jawapan daripada Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, untuk keperluan rekod, saya perlu-lah menyatakan bahawa sebab² Anggaran Perbekalan Tambahan ini di-minta ada-lah diterangkan dengan jelas-nya di-dalam ucapan saya tadi dan ini menambahkan rasa kesal saya lagi ia-itu Ahli Yang Berhormat itu tidak pun mengambil berat untuk mendengar penjelasan² mengapa perbekalan tambahan ini di-minta.

Yang kedua-nya, Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Batu itu menimbulkan sa-kali lagi soal pembelian motorak khas bagaimana yang terchatet di-dalam Kertas Perintah No. 9 tahun 1969 dan di-muka 6, perkara 9. Yang sa-benar-nya perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, telah di-timbulkan oleh Ahli Yang Berhormat itu dan telah di-jawab dengan panjang lebar oleh Yang Teramat Mulia Tunku Perdana Menteri sendiri. Tetapi saya tidak faham kenapa Ahli Yang Berhormat itu perlu menimbulkan di-sini sa-kali lagi. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, nampak-lah bahawa Ahli Yang Berhormat dari Batu itu membuat ucapan-nya pada petang ini sa-mata² untuk keperluan election, sa-mata² untuk mass psychology di-luar daripada Dewan ini.

Perkara yang ketiga yang di-timbulkan oleh Ahli Yang Berhormat itu ia-lah beliau menudoh ia-itu pehak Kerajaan tidak dapat, tidak menjalan-

kan langkah² berjimat chermat sa-balek-nya telah memboroskan wang. Saya dukachita kerana Ahli Yang Berhormat dari Batu itu tidak dapat menyebutkan sa-barang chontoh menunjukkan bahawa Kerajaan telah boros. Chontoh yang telah di-tunjukkan oleh Ahli Yang Berhormat itu ia-lah mengenai lawatan tetamu² negara daripada luar negeri sa-bagaimana yang tersebut di-muka 6, Kertas Perintah No. 9 dalam perkara 7.

Jadi, di-sini ia-lah perbelanjaan yang di-sebutkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Batu itu untuk menyambut tetamu² luar negeri saperti Tuan Yang Terutama General Ne Win dan Puan Ne Win yang kedua-nya ia-lah untuk menyambot lawatan Duli Yang Maha Mulia Maharaja Haile Silasie daripada Habshah. Yang ketiga-nya untuk menyambot lawatan rasmi daripada Puan Yang Terutama Indira Gandhi, Perdana Menteri India. Jadi ini-lah chontoh-nya yang di-tunjukkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Batu tadi tentang boros-nya Kerajaan. Saya perchaya Ahli Yang Berhormat dari Batu ini sengaja memainkan dan berchakap dengan tidak bertanggung-jawab perbelanjaan yang kita kemukakan ini yang kita kehendakki ini ia-lah untuk menyambot tetamu² negara khas-nya negara² yang menjadi sahabat baik kepada Malaysia dan negara² ini memainkan peranan yang penting dalam perchatoran politik international dan perbelanjaan yang kita berikan kepada untuk menyambot dan melayan mereka itu ada-lah perbelanjaan yang paling menasabah dan sa-terus-nya perbelanjaan menguntongkan negara kita sama ada jangka pendek, atau pun jangka panjang-nya terutama sa-kali dalam bidang politik International.

Tuan Yang di-Pertua, saya fikir sa-takat ini-lah sahaja penjelasan daripada saya.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Rang Undang² di-bachakan kali yang kedua dan di-serahkan kepada Dewan sa-bagai Jawatan-kuasa.

Dewan bersidang sa-bagai Jawatan-kuasa.

Rang Undang² di-timbangkan dalam Jawatan-kuasa.

(Tuan Timbalan Yang di-Pertua *mempergunakan Jawatan-kuasa*)

JADUAL

Kepala B. 1, B. 4, B. 7 dan B. 20—

Menteri Muda Kebudayaan, Belia dan Sokan (Engku Muhsein bin Abdul Kadir): Tuan Pengerusi, saya kemukakan dengan izin tuan B. 1—Parlimen \$100,000, B. 4 Surohanjaya Pilehanraya \$381,000, B. 7—Perdana Menteri \$213,992 dan B. 20—Kementerian Luar Negeri \$579,408 untuk menjadi sa-bahagian daripada Jadual. Keterangan-nya sa-bagaimana yang diterangkan di-dalam Kertas Perintah No. 9 tahun 1969.

Masaalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak \$100,000 untuk Kepala B. 1, \$381,000 untuk Kepala B. 4, \$213,992 untuk Kepala B. 7 dan \$579,408 untuk Kepala B. 20 diperintah jadi sa-bahagian daripada Jadual.

Kepala B. 11, B. 37 dan 42—

Setia-usaha Parlimen kepada Menteri Kesihatan (Tuan Ibrahim bin Abdul Rahman): Tuan Pengerusi, saya mohon menchadangkan tambahan peruntokan bagi Kementerian Ke'adilan ia-itu Kepala B. 11—Jabatan Perangkaan sa-banyak \$210,000 Kepala B. 37—Jabatan Kimia \$7,100 dan Kepala B. 42—Kementerian Ke'adilan sa-banyak \$116,100. Keterangan² perbelanjaan ini ada-lah di-jelaskan dalam Kertas Perintah No. 9 tahun 1969 di-muka 6 dan di-muka 15.

Masaalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak \$210,000 untuk Kepala B. 11, \$7,100 untuk Kepala B. 37 dan \$116,100 untuk Kepala B. 42 diperintah jadi sa-bahagian daripada Jadual.

Kepala B. 13—

Menteri Muda Perdagangan dan Perusahan (Tuan Abdul Taib bin Mahmud): Tuan Pengerusi, saya mohon

menchadangkan bahawa wang sa-jumlah \$85,000 untuk Kepala B. 13—Kementerian Perdagangan dan Perusahan di-jadikan sa-bahagian daripada Jadual. Keterangan berkenaan dengan perbelanjaan ini ada-lah terkandung dalam Kertas Perintah No. 9 tahun 1969 di-muka 7.

Masaalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak \$85,000 untuk Kepala B. 13 diperintah jadi sa-bahagian daripada Jadual.

Kepala B. 16—

Setia-usaha Parlimen kepada Timbalan Perdana Menteri (Tuan Chen Wing Sum) (dengan izin): Mr Chairman, Sir, I beg to move that the sum of \$1,161,497 appearing under Head B. 16—Ministry of Defence Supplementary Expenditure for 1968 be incorporated as part of the main Schedule.

Masaalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak \$1,161,497 untuk Kepala B. 16 diperintah jadi sa-bahagian daripada Jadual.

Kepala B. 22, B. 23 dan B. 24—

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Pengerusi, saya memohon mengemukakan sa-kali gus Kepala² B. 22—Perbendaharaan sa-banyak \$54,764, B. 23—Perkhidmatan 'Am Perbendaharaan sa-banyak \$60,000 dan B. 24—Peruntokan kepada Kumpulan Wang Terkanun \$580,000. Keterangan lanjut mengenai perkara ini ada terchatet di-dalam Kertas Perintah No. 9 tahun 1969.

Masaalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak \$54,764 untuk Kepala B. 22, \$60,000 untuk Kepala B. 23 dan \$580,000 untuk Kepala B. 24 diperintah jadi sa-bahagian daripada Jadual.

Kepala B. 29—

Tuan Ibrahim bin Abdul Rahman: Tuan Pengerusi, saya mohon menchadangkan tambahan peruntokan bagi

Kementerian Kesihatan di-bawah Kepala B. 29 sa-banyak \$10 di-jadikan sa-bahagian daripada Jadual. Keterangan² yang lanjut ada terchatet dalam Kertas Perintah No. 9 tahun 1969 di-muka 13.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap sedikit di-bawah Kementerian walau pun kita minta token vote \$10 tetapi perkara ini amat-lah besar, ia-itu kita hendak belanjakan berkenaan dengan malaria sama ada di-Sarawak, atau di-tempat² lain, tetapi di-sini kita minta untuk di-Sarawak.

Tuan Pengerusi, saya sa-kali lagi hendak menegaskan sa-telah saya berchakap beberapa kali berkenaan dengan malaria, saya menegaskan lagi sa-kali bahawa malaria di-Malaysia ada-lah satu penyakit yang . . .

Tuan Ibrahim bin Abdul Rahman: Peruntukan \$10 ini sa-bagaimana yang saya terangkan tadi, lihat muka 13, perbahathan hendak-lah mengenai dengan apa yang di-terangkan dalam Kertas Perintah B. 29 sa-bagaimana yang terchatet dalam kandungan itu. Saya ingat sa-lain daripada itu tidak ada kena-mengena dengan perkara yang di-sebutkan itu.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi, di-sini yang ada di-sebutkan di-sini meminta \$10—token lagi. Chadangan yang \$10 yang saya hendak chakapkan. Di-bawah Kepala B. 29 Kertas Perintah No. 9, muka 13 juga, saya perchaya-lah sama dengan kertas itu juga. Yang saya hendak chakapkan ini ia-lah kerana kita meminta token erti-nya kita hendak belanja lagi, kerana malaria itu, walau pun duit kita sudah dapat coger tetapi kita hendak belanjakan lagi. Saya hendak menegaskan di-sini ia-itu katakan kalau di-Sarawak pun sama dengan tempat² lain juga, saya minta perbelanjaan ini dapat di-belanjakan untuk benar² tindakan yang berkesan bagi menghadapi malaria. Saya telah katakan pada pagi tadi, bahawa malaria ini ia-lah satu penyakit yang paling dahshat sa-kali di-Malaysia kita dan dia lebih dahshat daripada confrontasi Indonesia dengan Philipina.

Jadi, saya minta perkara ini dapat di-buat satu peruntukan yang lebih elok apabila kita minta tambahan, itu-lah yang saya hendak minta.

Tuan Ibrahim bin Abdul Rahman: Tuan Pengerusi, oleh sebab Kerajaan dan Kementerian Kesihatan sedar betapa bahaya-nya penyakit malaria ini, sebab itu-lah Kementerian Kesihatan telah pun melancarkan satu kempen kebangsaan ia-itu Malaria Eradication Programme yang akan memakan belanja \$85 juta sa-lama 10 tahun dan ranchangan ini telah pun berjalan dengan pesat-nya di-utara Malaysia Barat dan sa-lama 10 tahun akan meliputi seluruh Malaysia Barat ini.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi, saya minta penjelasan sedikit. Apa-kah token yang kita minta \$10 ini untuk kerja² yang kita hendak buat lagi dan bila Kerajaan akan dapat menunjukkan projek kerja² yang hendak di-buat itu berkali² saya minta.

Tuan Ibrahim bin Abdul Rahman: Yang sa-benar-nya saya tidak payah jawab. Oleh sebab \$10 ini ada-lah berkenaan dengan ranchangan mengawal penyakit Tibi di-Sarawak (T.B. Control Programme).

Masaalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak \$10 untuk Kepala B. 29 di-perintah jadi sa-bahagian daripada Jadual.

Kepala B. 30 dan B. 32—

Menteri Muda Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah): Tuan Pengerusi, saya mohon izin menhadangkan bahawa wang peruntukan tambahan kedua²-nya di-bawah B. 30—Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri berjumlah \$53,985 dan juga B. 32 di-bawah Jabatan Imigrasi berjumlah \$455,044 di-jadikan sa-bahagian daripada Jadual dan keterangan atau pun penjelasan sa-lanjutnya ada-lah terkandung di-dalam Kertas No. 9 tahun 1969 di-muka 14 dan 15.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap sedikit sahaja di-bawah B. 32

ia-itu perbelanjaan di-minta \$317,044 hendak membayar gaji P.E.—Personal Emoluments. Tuan Pengerusi, yang saya hendak berchakap bagini saya harap Kerajaan boleh mengkaji Perjanjian Malaysia oleh kerana Sabah dan Sarawak mempunyai kedudukan-nya tersendiri dari segi Imigresen, pada hal kita sa-buah negeri patut-lah passport atau pun kebenaran masok itu di-tiadakan sebab Sabah dan Sarawak bukan Singapura. Jadi tidak mustahak-lah kita adakan passport hendak pergi negeri kita sendiri. Ini kita membayar gaji banyak dari segi Federal, dan kita hendak pergi negeri kita sendiri pun hendak kena passport, hendak pergi negeri lain kena passport tidak apa, hendak pergi negeri sendiri pun kena passport. Jadi ini saya kira, Tuan Pengerusi, satu Kerajaan yang hendak membelah² bagikan—divide and rule negeri ini—pechahkan Sabah pechahkan Sarawak hendak pergi k-sana kena passport, tetapi negeri satu. Di-takdirkan, Tuan Pengerusi, kalau mithal-nya agak tidak elok sedikit, kalau kita sudah berkahwin tidak minta permit lagi hendak masok ke-lambu (*Ketawa*) ini kena minta permit lagi.

Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah: Tuan Pengerusi, saya suka memberi sedikit penjelasan tentang perkara yang di-bangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat kalau saya tidak salah, perkara ini di-bangkitkan juga dahulu di-dalam Dewan ini dan penjelasan telah juga di-beri dan penjelasan-nya adalah perlu di-adakan passport oleh kerana sa-orang yang hendak ka-Sabah dan ka-Sarawak atau pun dari Sabah ka-Sarawak ka-sini biasa-nya singgah di-Singapura dan Kerajaan Singapura maseh berkehendakkan orang² yang on transit—hendak ka-Sabah, ka-Sarawak atau pun daripada Sabah ka-sini itu mempunyai passport. Saya bersetuju dengan perkataan Ahli Yang Berhormat itu sa-patut-nya sa-bagai satu negeri yang sama kita tidak mengadakan passport, tetapi oleh kerana ada pengendalian dengan chara ini dalam mana sa-saorang itu mesti mempunyai passport apabila berhenti di-Singapura, atau pun apabila melalui Singapura on transit negeri² ini terpaksa-lah kita mengadakan passport.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi, saya bersetuju tentang Singapura itu, tetapi apa hal-nya pula kalau orang hendak naik kapalterbang daripada Kuching mithal-nya direct datang ka-Kuala Lumpur ini.

Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah: Kita tidak ada lagi kapalterbang yang direct—terus ka-Sabah ka-sini, mesti kita singgah di-Singapura.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi, itu lagi lebeh tidak baik jawapan itu sebab oleh kerana kita tidak ada kapalterbang sa-mata² kerana tidak ada kapalterbang, Perlembagaan negara hendak di-sesuaikan kerana tidak ada kapalterbang, itu lebeh lagi tidak baik dan ini patut-lah kita blame Menteri Pengangkutan dalam perkara ini.

Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah: Ini barangkali Menteri Pengangkutan boleh memberi penjelasan yang lebeh² memuaskan lagi rasa saya.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Saya fikir, Ahli Yang Berhormat dari Bachok ingat apabila Sabah dan Sarawak hendak masok di-dalam Malaysia yang merdeka, masa itu Singapura juga bersama². Mereka minta dalam Perjanjian itu supaya siapa² daripada Singapura, dari Malaysia Barat hendak pergi ka-sana hendak ada passport jangan sampai nanti pekerja² yang tidak ada kerja di-sini, semua hendak masok ka-Sabah dan Sarawak. Ini soal memang-lah sedang di-rundingkan barangkali macham mana keadaan-nya. Tetapi bagi tiap² sa-orang yang terbang sama ada dari Sabah atau Sarawak melalui sa-buah negara sekarang ini Singapura sudah negara asing, kalau tidak ada mempunyai passport boleh jadi terhichir, bila kita di-soal, susah juga, sebab itu perlu juga apabila kita menyeberang international waters atau inter-States mempunyai passport, kalau ada apa² kita senang boleh mengaku ini warganegara kita kalau tidak Ahli Yang Berhormat dari Bachok ini terhichir pula di-laut atau di-udara.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Untuk penjelasan. Yang saya maksudkan tadi ia-lah dari segi Perlembagaan negara kita, kalau-lah oleh kerana kapalterbang itu maka Perlembagaan

kita itu di-noda begitu, saya rasa patut-lah Perlembagaan kita itu yang mengatasi Undang² kapalterbang, tidak Undang² kapalterbang itu mengatasi Perlembagaan, ini tidak pernah berlaku melainkan kerana Menteri ini yang menjaga kapalterbang sa-hingga Perlembagaan negeri kita pun boleh jadi begitu.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:

Tuan Pengerusi, yang sa-benar-nya saya hendak menolong Ahli Yang Berhormat dari Bachok ini supaya jangan terhichir, dia marah nampak-nya. Maka kali ini saya yang ketawa, dia yang marah pula, jangan salahkan saya. Soal perlembagaan saya sudah terangkan tadi itu kena di-perbaiki terhadap Kerajaan Sabah dan Sarawak yang akan berunding balek macham mana keadaan-nya, kalau kita hendak sacrifice tetapi hari ini belum lagi Undang² itu di-pinda. Jadi kita ini buat Undang² dalam Rumah Yang Berhormat ini Ahli Yang Berhormat hendak langgar Undang² itu, tentu-lah tidak boleh, sabar-lah sedikit.

Masaalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak \$53,985 untuk Kepala B. 30 dan \$455,044 untuk Kepala B. 32 di-perintah jadi sa-bahagian daripada Jadual.

Kepala B. 47—

Setia-usaha Parlimen kepada Menteri Buroh (Tuan Lee San Choon): Tuan Pengerusi, saya menhadangkan Peruntukan Tambahan bagi Kementerian Buroh—Kepala B. 47 sa-banyak \$25,200 di-jadikan sa-bahagian daripada Jadual. Keterangan² yang lanjut ada di-jelaskan dalam Kertas Perintah 9 tahun 1969.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah:

Tuan Pengerusi, yang lain kesemua-nya saya bersetuju, yang saya tidak bersetuju ia-lah wang yang di-minta sa-banyak \$110,300 dalam mana melibatkan Pertahanan 'Awam (Civil Defence) di-masokkan ka-dalam Kementerian ini. Saya tidak mustahak mengulangkan balek lagi tetapi saya menegaskan sa-kali lagi bahawa memasokkan urusan Pertahanan 'Awam (Civil Defence) ini di-dalam Kementerian Ke'adilan saya

membangkan dan saya mencari peluang pada masa yang lain saya akan bahath dengan panjang.

Tuan Pengerusi: Ini Kementerian Buroh.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Saya tarek balek, Tuan Pengerusi (Ketawa).

Masaalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak \$25,200 untuk Kepala B. 47 di-perintah menjadi sa-bahagian daripada Jadual.

Kepala B. 55—

Menteri Hal Ehwal Tanah dan Galian (Dato' Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub): Tuan Pengerusi, saya mohon menhadangkan supaya Peruntukan Tambahan sa-banyak \$60,000 di-bawah Kepala B. 55 bagi Jabatan Orang Asli saperti yang di-terangkan pada muka 16 dalam Kertas Perintah 9 tahun 1969 menjadi sa-bahagian daripada Jadual.

Tuan Mustapha bin Ahmad (Tanah Merah): Tuan Pengerusi, saya ingin mengambil bahagian sedikit di-dalam Peruntukan Tambahan bagi Orang² Asli ini ia-itu sa-bagaimana pada suatu ketika terjadi peristiwa Orang² Asli mahu masok Islam dalam negeri Kelantan, ia-itu di-Jeli, Tanah Merah, kawasan saya. Jadi amat dukachita, Tuan Pengerusi, walau pun ada peruntukan yang di-kehendaki sa-banyak \$60,000 tahun ini, bagi tambahan untuk yang telah lalu. Orang² Asli yang mahu masok Islam itu terhichir begitu sahaja sa-hingga tidak dapat kerjasama sa-penoh-nya daripada Kementerian ini dan sampai hari ini Orang² Asli yang tadi-nya mahu masok Islam dan sudah sedikit sa-banyak pehak Majlis Ugama Islam negeri Kelantan memberi bantuan, tetapi gagal perkara itu dan saya mahu tahu sa-jauh mana sekarang ini pehak Kementerian ini menerima laporan daripada pehak orang yang menjaga Orang² Asli dalam negeri Kelantan. Ada-kah laporan mengenai Orang² Asli yang mahu masok Islam gagal di-dalam negeri Kelantan itu sudah sampai laporan-nya kepada Menteri Hal Ehwal Tanah dan Galian

atau pun belum dan sa-kira-nya belum saya mahu tahu apa-kah langkah Menteri ini supaya Orang² Asli yang tadi-nya mahu masok Islam itu supaya dapat masok Islam balek. Itu-lah pertanyaan saya untuk mendapat perhatian.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi, sedikit sahaja saya hendak berchakap ia-itu kita telah membuat estimate sa-banyak \$407,000 dan kita minta tambah lagi \$60,000. Keterangan tidak di-beri langsung oleh Kementerian ini apa yang di-sebut-nya sa-chara umum ia-itu bagi perubatan dan pelajaran (medical and educational services). Jadi menunjok bahawa Kementerian ini tidak mempunyai programme yang terator. Apa yang ada-nya ia-lah bila tersua dia minta duit dan belanja dengan tidak mempunyai programme terlebih dahulu, atau satu programme yang tidak dapat di-terangkan dalam Dewan ini. Saya tidak mahu approve \$60,000 ini.

Dato' Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub: Tuan Pengerusi, saya meng-uchapkan terima kasih kepada Ahli² Yang Berhormat daripada Parti PAS. Jawapan yang pertama ia-lah nampak-nya Ahli Yang Berhormat itu mengaku bahawa Kerajaan PAS di-Kelantan tidak dapat menjaga Orang Asli yang sudah masok Islam, kemudian mereka keluar daripada ugama Islam sendiri. Ini merupakan kegagalan atau pun tidak chukup jaga-nya Parti PAS di-Kelantan. Jika mereka itu menjalankan tugas dengan sempurna-nya tentu-lah Orang Asli ini

Tuan Mustapha bin Ahmad: bangun.

Tuan Pengerusi: Dia minta penjelasan, boleh?

Tuan Mustapha bin Ahmad: Saya bukan kata bahawa perkara ini sudah masok champor Kerajaan Negeri, tetapi pehak Majlis Ugama sudah pun memberi bantuan, dan sa-jauh mana orang ini yang tadi-nya mahu masok Islam dan sampai hari ini tidak jadi masok Islam itu, di-mana-kah sulit-nya, di-mana-kah tidak betul-nya. Itu sahaja pertanyaan saya.

Dato' Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub: Saya jangka, Tuan Pengerusi, orang ini sudah takut; bila Jabatan Ugama di-Negeri Kelantan yang di-pegang oleh PAS itu champor tangan dalam masaalah mereka hendak masok Islam, jadi mereka tidak jadi-lah hendak masok Islam. Di-negeri yang lain, di-Perak dan sa-terus-nya tidak ada apa² pun kita bising dalam masa-lah ini. Banyak yang sudah masok Islam, bila sa-kali masok Islam terus Islam; tidak ada keluar masok saperti di-Kelantan (*Ketawa*).

Jawapan saya kepada rakan saya Ahli Yang Berhormat dari Bachok ia-lah jikalau Ahli Yang Berhormat itu hendak tahu programme yang penoh mengenai Kementerian ini mengenai Jabatan Orang Asli ini, sila-lah ber-jumpa saya di-Kementerian, atau pun di-Parlimen kita akan tunjok dia walau sa-bulan atau pun sa-minggu dia suka hendak tengok Programme kita, Kementerian saya atau pun Jabatan ini sedia untuk memberi butir²-nya. Orang sakit ini, Tuan Pengerusi, dia tidak tunggu Ahli Yang Berhormat itu hendak berchakap dalam Parlimen dia datang sakit; bila datang sakit, dia minta wang daripada Jabatan Orang Asli. Jadi, itu-lah sebab peruntokan ini tadi tidak menchukupi, harus juga banyak ini datang dari Kelantan fasal pembangunan dia tidak ada di-situ.

Masaalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak \$60,000 untok Kepala B. 55 di-perintah jadi sa-bahagian daripada Jadual.

Kepala B. 60 dan B. 66—

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Pengerusi, peruntokan \$11,220 di-bawah Kementerian Pengangkutan—B. 60 dan juga \$91,300 Pengangkutan Jalan—B. 66 saya minta izin di-ambil sa-kali gus supaya menjadi sa-bahagian daripada Jadual ini. Keterangan² ada di-terangkan di-Kertas Perintah 9 tahun 1969.

Tuan Mustapha bin Ahmad: Tuan Pengerusi, Peruntokan Tambahan ini ia-itu bagi pehak penyiasatan telah di-belanjakan oleh Kerajaan berjumlah

\$7,220. Jadi, sudah-lah keretapi kita berlanggar, penyiasaan habis \$7,000. Jadi, saya chadangkan masaalah keretapi ini di-berhentikan sementara perjalanan-nya sa-hingga keretapi kita dapat baik bagus dahulu baharu kita teruskan perjalanan keretapi. Kalau tidak berlanggar lagi sa-kali, kita adakan penyiasaan, \$10,000 pula rugi. Jadi tidak pernah untong keretapi ini. Satu sudah jadi rugi, jatuh pula katanah, timpa tangga pula dua² kena. Jadi, saya minta peruntokan keretapi dan perjalanan keretapi di-berhenti selama 6 bulan, kemudian kita adakan penyiasaan, kita teruskan perjalanan pula. Itu sahaja chadangan saya kepada Kementerian Pengangkutan ini.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi, di-bawah Kepala B. 66 dengan B. 67 ini saya hendak berchakap berkenaan

Tuan Pengerusi: Kepala B. 60 dan B. 66, Kepala B. 67 belum lagi.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Kepala B. 60 dengan Kepala B. 66 saya menchadangkan keretapi, Tuan Pengerusi, supaya kurang rugi dan kurang berlaku accident apa salah-nya kalau kita menjadikan betul² corporation erti-nya private enterprise daripada kita menjadikan semi-government. Saya dengan ringkas-nya tidak payah beri penerangan. Saya mengshorkan kepada Kerajaan supaya menjadikan corporation, tidak menjadikan semi-government macham sekarang. Dengan demikian saya rasa service atau pun khidmat² yang di-beri itu berdasarkan commercial tentu lagi lebih elok.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, saya mendapat ma'alumat, kalau tidak betul, boleh tolong katakan tidak betul, ia-itu pakar² berkenaan dengan keretapi yang datang daripada luar negeri, boleh jadi dari UNO—international body—mengshorkan kepada Kerajaan dan pehak keretapi—bahawa salah satu sebab yang besar ia-lah kerana lebih pegawai, kaki-tangan yang bekerja dengan keretapi, daripada kerja² yang patut yang di-jalankan, atau pun di-dalam bahasa Inggeris overstaff. Kalau ini betul berlaku lebih baik kita menjadikan keretapi ini kepunyaan private enterprise

dengan demikian dapat-lah Kerajaan menyelamatkan wang yang kita bayar kepada pegawai² atau kaki-tangan yang lebih daripada di-kehendaki daripada yang sa-benar.

Kalau kita membayar wang kepada pegawai² atau kaki-tangan yang boleh di-buat, atau boleh di-lakukan oleh bilangan yang kurang daripada itu, jadi arti-nya Kementerian ini menjalankan satu kerja yang membadzir, yang extravagant.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Pengerusi, saya ucapkan banyak terima kaseh-lah atas pandangan² tetapi, Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah tadi mengatakan sebab satu kemalangan keretapi di-Layang Layang keretapi baik di-tutup. Kalau di-tutup Ahli Yang Berhormat dari Pantai Timor tidak ada peluang naik keretapi lagi hendak pergi ka-Singapura.

Yang sa-benar-nya apabila ada kemalangan kita siasat, kita sudah dapat report-nya dan kita berjaga juga tentang itu. Di-mana dunia pun kalau sebab satu kemalangan mesti tutup keretapi, negara pun huru hara juga kalau dalam dharurat atau dalam perang. Maka chadangan itu tidak boleh-lah di-terima kerana tidak sesuai dengan pandangan, walau dari pehak negara mana pun yang ada keretapi, bukan kita sahaja berlanggar, tempat lain dasat lagi, beratus, beribu yang terlibat keretapi tidak tutup juga. Maka jangan-lah silap sebab satu perlanggaran kita mesti tutup 6 bulan-kah itu akan lagi merugikan keretapi. Kalau tidak di-tutup terus sa-kali. Ini ada chadangan hendak tutup terus—14,000 tidak bekerja. Tiap² satu famili ada 5 orang tanggungan-nya dan 60,000 tidak bekerja di-mana hendak hantar, hantar pergi Kelantan. Tanah Merah, tidak ada tempat bagi hendak memberi pekerjaan di-sana. Maka saya mintalah chadangan² hendak menutup walau pun 6 bulan tutup, itu tidak kena pada tempat-nya. Salah-nya kita sudah siasat, kita sudah tahu dan kita akan perbaiki. Do'akan sahaja tidak ada kemalangan lagi—insha 'Allah.

Yang kedua berkenaan dengan Ahli Yang Berhormat dari Bachok. Yang sa-benar-nya sa-belum Yang Berhormat

itu menhadangkan, 5 tahun yang lampau sudah pun ada chadangan corporation aggregate. Kita sekarang ada corporation tetapi satu orang sahaja, General Manager, corporation juga—corporation sole, dan dasar kita juga commercial. Dahulu apabila pakai banyak pakai steam jadi kaki-tangan banyak, apabila kita sudah mula dieselise, maka tentu-lah ada lebih orang tetapi kita tidak boleh berhenti-kan orang itu sampai umur 55, sekarang ini 1.000 lebih akan penchen, kita akan perbaiki, tetapi walau macham mana Kerajaan Perikatan dan pehak keretapi telah menjalankan segala²-nya untuk mengurangkan kerugian dan akan menyenangkan orang ramai. Terima kaseh.

Masalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak \$11,220 untuk Kepala B. 60 dan \$91,300 untuk Kepala B. 66 di-perintah jadi sa-bahagian daripada Jadual.

Kepala B. 67—

Menteri Kebajikan 'Am (Dr Ng Kam Poh) (*dengan izin*): Mr Chairman, Sir, I beg to move that the expenditure of \$60,000 shown under Head B. 67, Item 41, be approved.

In 1968, a sum of \$30,000 was approved for the implementation of the Sales Organisation which was designed to augment the income of trained handicapped workers in self-employment and those in sheltered employment in the Welfare Homes. Under the scheme Marketing Officers were appointed in each State, retaining schemes initiated for the handicapped to produce the type of goods in demand, raw materials supplied to workers at cost, tools, work place and market found for the articles produced by these workers and such other assistance as was necessary made available for the successful implementation of the scheme. The objective of the scheme is to offer opportunities to trained handicapped persons to become self-reliant and economically independent instead of being a burden to themselves, their families and society. Initially, the scheme catered for only about 25 workers but was subsequently

expanded to cover altogether 57 workers in self-employment and hence the need for this supplementary provision. However, this expenditure is recoverable from the proceeds of the sales of articles made by the workers.

Sir, I beg to move.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah:

Tuan Pengerusi, saya boleh ber-setuju dengan permintaan ini oleh kerana Kementerian ini Kementerian Perkhidmatan Kebajikan 'Am tentu-lah tidak ada orang hendak membangkang. Chuma yang saya hairan biasa-nya, Tuan Pengerusi, kita meminta tambahan ini wang yang di-minta tambahan itu wang yang di-minta tambahan itu sedikit daripada yang di-peruntukkan. Ini berganda daripada yang di-peruntukkan. Saya tidak faham apa artinya meminta tambahan lebih banyak daripada yang asli—arti-nya chabang-nya lebih besar daripada perlu. Ini tidak boleh berlaku dalam satu Kementerian, kalau tidak hanya satu sahaja ia-itu Kementerian ini tidak competent dalam kerja-nya.

Dr Ng Kam Poh (*dengan izin*):

Apparently the Honourable Member for Bachok is not well aware of what I have spoken just now. I have just said that originally there were 25 workers, now there are 57—that is, double the number of workers are employed. The Sales Organisation is expanding and we are selling goods to the people to recover the cost which is payable for this sort of service; thereby we do not incur a loss. I think I need not go further than that. Thank you.

Masalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak \$60,000 untuk Kepala B. 67 di-perintah menjadi sa-bahagian daripada Jadual.

Fasal 1 dan 2 di-perintah menjadi sa-bahagian daripada Rang Undang².

Rang Undang² di-laporkan dengan tidak ada pindaan: di-bachakan kali yang ketiga dan di-luluskan.

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN (TAMBAHAN) (BIL. 1) 1968

Setia-usaha Parlimen kepada Menteri Kewangan (Tuan Ali bin Haji Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin supaya usul di-atas nama Menteri Kewangan yang berbunyi seperti berikut di-kemukakan kepada Jawatan-kuasa penoh Dewan ini:

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan ia-itu wang berjumlah tidak lebih daripada \$15,114,996, di-belanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan dalam tahun kewangan 1968, dan untuk melaksanakan tujuan² Kepala² dan Pechahan-kepala² yang terchatet di-ruangan Pertama dan Kedua dalam Anggaran Pembangunan 1969 yang di-bentangkan sa-bagai Risalat Titah Bil. 2 tahun 1969, maka hendak-lah di-peruntukkan jumlah² yang di-terangkan bertentangan dengan Kepala² dan Pechahan-kepala² tersebut dalam Ruang Kelapan dan Kesembilan.

Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bilangan 1), 1968 yang di-bentangkan dalam Dewan ini sa-bagai Kertas Perintah Bilangan 2, tahun 1969, menunjokkan perbelanjaan sa-banyak \$15,114,986 ia-itu tambahan kepada peruntukan yang telah di-luluskan bagi tahun 1968. Dari jumlah ini sa-banyak \$15,114,986 telah pun di-dahulukan melalui waran pendahuluan daripada Wang Simpanan Luar Jangka yang di-tunjokkan di-bawah Kepala 151, Anggaran Pembangunan, dan mustahak di-gantikan balek dengan chara anggaran tambahan.

Perbelanjaan tambahan yang besar sa-kali ia-lah mengenai Kepala 107, Perumahan, ia-itu jumlah sa-banyak \$11,000,000 di-kehendaki untuk membiayai Rancangan Perumahan Murah. Peruntukan asal tahun 1968 bagi pinjaman² untuk rancangan perumahan ia-lah \$40.5 juta, tetapi pada awal tahun 1968 sa-banyak \$12,095,500 telah di-pindahkan kepada Pechahan-kepala lain untuk membayar harga tanah yang di-beli dengan tujuan melaksanakan rancangan perumahan orang ramai. Maka baki peruntukan yang berkenaan hendak-lah di-tambahkan pula sa-banyak \$11,000,000 untuk membiayai perbelanjaan yang tidak dapat di-elakkan dalam tahun 1968.

Tambahan yang kedua ia-lah di-bawah Kepala 134, Kemajuan Kerjasama, ia-itu peruntukan sa-banyak \$2.5 juta di-perlukan sa-bagai pinjaman kepada Sharikat Kerjasama Kewangan Tanah Kebangsaan Berhad, ya'ani National Land Finance Co-operative Society Limited, supaya dapat Sharikat tersebut membeli kebun² yang hendak di-jualkan, jika di-dapati tanah kebun itu akan di-pechah²kan yang akan menyebabkan kesusahan kepada pekerja²-nya. Jumlah pinjaman yang telah di-luluskan sa-sakat ini kepada Sharikat tersebut termasuk jumlah pinjaman sekarang, ia-lah \$7.5 juta dan sa-banyak \$5,000,000 telah pun di-keluarkan.

Satu lagi permintaan tambahan ia-lah sa-banyak \$1,000,000 di-bawah Kepala 106 Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan, untuk pemberian melaksanakan beberapa projek pembangunan dalam kawasan² bandar dan Majlis Tempatan. Dalam anggaran tambahan, ini ada 15 peruntukan sa-chara tanda dengan \$10 sahaja. Tujuan-nya ia-lah untuk mengubah jumlah perbelanjaan projek² yang di-anggarkan, mengadakan pechahan²-kepala baharu yang perlu dan membuat peruntukan di-bawah Pechahan²-kepala yang sedia ada, tetapi tidak di-beri apa² peruntukan bagi-nya dalam anggaran asal. Keterangan lanjut mengenai sebab² peruntukan tambahan yang di-minta di-bawah Pechahan² kepala tersebut ada-lah di-beri dalam kertas Memorandum Perbendaharaan yang di-bentangkan sa-bagai Kertas Perintah Bilangan 10, 1969.

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon menchadangkan.

Tuan Lee San Choon: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan usul ini saya hendak berchakap rengkas dua perkara sahaja. Wang yang di-minta ini kalau kita perhatikan di-Command Paper No. 2 dan Kertas Perintah No. 10, saya dapati ada dua perkara yang tidak sedap-nya.

Yang pertama, bila kita meminta token vote \$10 maka wang yang sebenar atau pun yang hampir² sa-benar hendak di-belanjakan tidak nampak. Dengan demikian jadi-lah keadaan-nya sama dengan kewangan yang kita minta bagi ordinary expenditure baharu² ini dalam mana peruntukan untuk grant for state dan beberapa lagi tidak dimasukkan. Dengan demikian kita nampak perbelanjaan kita bagi tahun ini kurang daripada tahun sudah sebanyak \$9,000,000. Yang sa-benar-nya lebeh \$170,000,000 daripada tahun yang lalu. Begitu juga dalam Pembangunan. Kita rasa kita tidak berhutang dan kita tidak tahu kedudukan-nya dengan meminta hanya token \$10. Kalau kita memberi angka² yang agak tepat dapat-lah pehak saya terutamanya, turut champor sama membahath. Kalau meminta token vote \$10 sahaja bagaimana kita hendak membahathkan di-situ, sebab tidak ada benda yang hendak kita bahathkan.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan Sabah dan Sarawak. Saya minta ma'af-lah kalau tersinggong pehak Sabah dan Sarawak, tetapi dalam Parlimen terpaksa saya berchakap. Saya tahu di-Sabah saya kurang tahu, tetapi di-Sarawak kalau tidak silap saya pada tahun ini ada wang lebeh di-negeri-nya, surplus dekat² \$40 juta atau \$50 juta. Jadi, wang ini kalau di-belanjakan lebeh dahulu kemudian diminta ganti daripada Kerajaan Pusat atau pun wang itu di-belanja bagi kemajuan Sarawak maka itu ada lebeh tepat. Saya tidak terfikir bahawa dalam Malaysia kita ini ada unit-nya atau ada bahagian dalam Malaysia, negeri yang wang-nya surplus sampai \$40,000,000. Kalau-lah ma'alumat ini benar, saya rasa ini ada-lah satu perkara yang tidak baik dan kita patut siasat mengapa Sarawak atau Sabah mempunyai surplus yang sampai begitu banyak dan mengapa mereka itu tidak membelanjakan—ada-kah mereka akan simpan wang ini apabila Kerajaan Perikatan jatuh, baharu hendak di-belanjakan, atau pun Kerajaan terlalu *conservative*, tidak berani membelanjakan bila wang tidak ada? Ini kesemua-nya menjadi masalah bagi negara kita, dan ini tidak pernah di-cheritakan oleh Kera-

jaan kepada kita yang ada dalam Malaysia. Saya rasa negeri² dalam Malaysia Barat, tidak ada satu negeri pun yang tidak terhutang kepada Kerajaan Pusat. Kerajaan Kelantan sendiri, kalau tidak silap saya \$3,000,000 lebeh berhutang dan Kerajaan² yang diperintah oleh Parti Perikatan lagi banyak—ada yang sampai \$30 million \$20 million. Dengan wang² ini-lah di-banggakan bahawa kami membuat kemajuan, membuat kemajuan, membuat kemajuan; membuat kemajuan apa, Tuan Yang di-Pertua, berhutang lebeh banyak? Yang Sarawak-nya, kalau saya tidak silap-lah, ada *surplus* lebeh sampai \$40 million. Mengapa tidak di-belanjakan-nya? Ini dua perkara, Tuan Yang di-Pertua, yang saya minta Kerajaan menerangkan.

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat dari Bachok mengatakan susah hendak berkira, susah hendak dapat tahu kerana peruntukan tambahan peruntukan tanda. Di-sini suka-lah saya memberikan jaminan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa tiap² wang yang di-belanjakan oleh Kerajaan adalah di-bentangkan dan di-minta kelulusan daripada Parlimen dan segala keterangan yang jelas memang-lah di-beri, dan pehak Kerajaan Perikatan tidak pernah chuba menyembunyikan sa-barang perbelanjaan daripada Dewan yang mulia ini.

Soal yang kedua, ia-itu Sabah dan Sarawak mempunyai surplus. Tuan Yang di-Pertua, ini menunjukkan bahawa hasil yang di-keluarkan daripada dua negeri itu ada-lah lebeh dan bukan itu sahaja, tetapi ini menunjukkan bahawa Kerajaan Perikatan negeri tersebut pandai mentadbirkan negeri, pandai menjaga soal kewangan sa-hingga mempunyai *surplus*. Soal yang sumpama ini, Tuan Yang di-Pertua, berlaku juga di-negeri di-Pantai Barat. Mithal-nya, negeri Johor mempunyai budget yang surplus, tetapi di-negeri Kelantan sa-lama beberapa tahun sentiasa mengalami deficit dan sentiasa berhutang tidak dapat terbayar. Ini menunjukkan bahawa Kerajaan PAS di-Kelantan tidak tahu dan tidak dapat memerintah negeri ini dan saya fikir,

Tuan Yang di-Pertua, untuk kebaikan ra'ayat lebih baik-lah Kerajaan P.A.S. negeri Kelantan menyerahkan mandat-nya kepada ra'ayat dalam pilihanraya yang akan datang.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah:

Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan sedikit. Saya terjawab-lah daripada sentimen politik sama ada Kelantan atau pun apa. Point yang saya kemukakan tadi berkenaan dengan \$10 perbelanjaan tanda itu, bukan saya menuduh Kerajaan ini berniat tidak baik atau hendak menyembunyikan. Yang saya tidak puas hati bila kita minta peruntokan tanda, arti-nya programme itu tidak tegas. Jadi, tidak dapat-lah kita hendak membahathkan peruntokan pada waktu ini. Ada pun sudah belanja baharu kita meminta, saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, Member of Parliament di-mana sa-kali pun walau daripada pehak pembangkang sa-kali pun, kalau negara kita sudah belanja, tidakkan dia hendak tolak pula, sebab apa sa-kali pun dari segi kewangan negara, negara ini negara kita, kita terpaksa-lah menyokong benda yang kita sudah buat commitment. Yang saya tidak puas hati tidak menunjukkan programme, arti-nya belanja dahulu baharu meminta duit, dan ini tidak di-terangkan oleh pehak Kerajaan.

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, kalau Ahli Yang Berhormat itu membaca Kertas Perintah 10, 1969, saya fikir perkara itu sudah jelas.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Bahawa menurut Peratoran 67c Usul dan Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil 1), 1967, di-serah kepada Jawatan-kuasa sa-buah² Majlis.

Majlis Meshuarat menjadi Jawatan-kuasa.

(Tuan Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Jawatan-kuasa)

Kepala 104 dan Kepala 105—

Menteri Hal Ehwal Tanah dan Galian (Dato' Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub): Tuan Pengerusi, saya mohon

menchadangkan supaya peruntokan tambahan sa-banyak \$10 di-bawah Kepala 104 dan juga \$10 lagi di-bawah Kepala 105 bagi Talivishen dan juga bagi Penerangan seperti yang di-terangkan pada muka 3, Command Paper No. 10, tahun 1969, di-luluskan.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah:

Tuan Pengerusi, sa-bagaimana saya telah katakan tadi, apabila kita sudah membuat dahulu dan belanja dahulu kemudian minta duit, apa-lah yang saya hendak chakapkan lagi? Chuma satu sahaja yang saya hendak chakapkan. Saya dapat maklumat bahawa dalam Kementerian Penerangan ini, apabila kita berpindah ka-Angkasapuri banyak-lah alat² yang dahulu-nya yang di-pakai di-Dewan Tunku Abdul Rahman yang boleh di-gunakan untuk tempat² sementara yang sa-macam ini, ada-kah Kerajaan telah membawa barang² ini pergi ka-Kuantan atau pun ka-Pantai Timor, atau pun wang yang di-beri itu ada-lah di-beli barang² baharu? Kalau di-beli barang² baharu, barang² yang lama itu di-bawa kamana dan mengapa-kah barang² itu tidak boleh di-bawa pergi ka-tempat yang kita hendak membawa sementara, dengan demikian kita dapat menyelamatkan wang sa-banyak \$129,000. Saya percaya Menteri Yang Berhormat yang mewakili Kementerian ini tentu-lah tidak begitu tahu banyak sangat, dan dia berhajat kepada notis supaya pegawai²-nya menjawab.

Dato' Haji Abdul-Rahman bin

Ya'kub: Tuan Pengerusi, sa-benar-nya itu jelas daripada muka 3 Kertas Perintah No. 10, tahun 1969, di-bawah Kepala 104. Perbelanjaan di-situ di-sebutkan sa-banyak \$129,000. Ini di-kehendakki untuk memasang alat² bagi mengadakan perkhidmatan talivishen sementara di-kawasan Kuantan, dan penjelasan² lain pun ada di-sebutkan di-situ. Mungkin, saya belum lagi dapat briefing dalam perkara ini daripada pegawai², ada alat² yang baharu di-tambah sedikit jika dalam pemin- dahan itu alat² yang lama tidak boleh di-gunakan.

Masaalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak \$10 untuk Kepala 104 dan \$10 untuk Kepala 105 di-setujukan jadi sa-bahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 1) tahun 1968.

Kepala 106 dan 107—

Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan (Tuan Khaw Kai-Boh): Tuan Pengerusi, dengan izin Tuan, saya ingin membentangkan Kepala 106 dan Kepala 107 bersama² dan meminta agar peruntokan² tambahan yang berikut di-luluskan:

Kepala 106, Pechahan-kepala 2, wang tambahan sa-banyak \$1,000,000; Pechahan-kepala 5, wang peruntokan tanda sa-banyak \$10; Kepala 107, Pechahan-kepala 1, pemindahan dari peruntokan pinjaman untuk di-gunakan sa-bagai perbelanjaan chara langsung \$7,000; Pechahan-kepala 1, wang tambahan sa-banyak \$11 juta; Pechahan-kepala 4 wang peruntokan tanda sa-banyak \$10.

Sebab² untuk mendapatkan kelulusan mengenai wang ini ada di-terangkan di-muka² 4 dan 5 dalam Memorandum Perbendaharaan.

Tuan Pengerusi, saya mohon men-chadangkan.

Tuan Ahmad bin Arshad: Saya menyokong peruntokan tambahan yang di-minta oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan. Saya chuma hendak menyentuh dalam Kepala 106, Pechahan-kepala 2, Pemberian untuk Projek² di-kawasan Bandar dan Majlis Tempatan. Di-Majlis Tempatan ini yang saya maksudkan, saya harap supaya dapat perhatian Menteri yang berkenaan, ia-itu Majlis Tempatan yang kecil yang kurang kutipan hasil-nya sa-lama ini kita tengok projek² kecil kebajikan bagi kawasan Majlis Tempatan ini sangat tertinggal. Jadi, dengan ini saya merayu-lah kepada Kementerian ini supaya di-berikan perhatian kepada Majlis² Tempatan. Terima kaseh.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi, di-bawah Kepala 106, ia-itu wang di-minta \$10 telah kita kehendaki wang tambahan \$1,000,000

bagi Majlis² Tempatan. Saya juga sa-bagaimana Ahli Yang Berhormat dari Muar Utara mengadu kepada Dewan ini berkenaan dengan Majlis² Tempatan terutama di-kawasan saya sendiri. Tuan Pengerusi, Majlis² Tempatan ini saya rasa belum layak lagi menjalankan pemerentahan-nya sendiri, dan dengan demikian saya rasa dan saya harap apabila report atau pun penyata yang akan di-keluarkan berkenaan dengan Majlis² Tempatan ini akan menggambarkan chara² yang boleh kita mengubati penyakit² ini. Wang pada tiap² tahun kita minta, Tuan Pengerusi, akan hilang begitu sahaja sa-kira-nya majlis² ini tidak dapat menjalankan tugas-nya dengan baik.

Tuan Khaw Kai-Boh: Tuan Pengerusi, saya telah ambil perhatian berkenaan dengan chadangan Ahli Yang Berhormat berkenaan memberi lebih bantuan kepada Majlis² Tempatan di-sana sini dalam negeri ini. Saya sudah beri tahu kepada Ahli Yang Berhormat dalam Majlis ini, ia-itu di-dalam tahun yang lepas Kementerian saya telah beri chukup bantuan kepada semua Majlis² Tempatan yang kecil di-dalam Malaysia.

Berkenaan chadangan Ahli Yang Berhormat dari Bachok, bantuan² dari Kementerian saya boleh atau tidak boleh menchukupi di-jalankan Majlis Tempatan, Bachok—dan juga Majlis Tempatan di-dalam Bachok dapat chukup kuasa atau tidak, itu mesti-lah kita tunggu laporan Commission on Local Authorities. Lepas itu, kita boleh dapat tahu macham mana kita buat satu dasar yang baharu.

Masaalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak \$1,000,010 untuk Kepala 106 dan wang sa-banyak \$7,010 dan \$11,000,000 untuk Kepala 107 di-setujukan jadi sa-bahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 1) Tahun 1968.

Kepala 113 dan Kepala 123—

Setia-usaha Parlimen kepada Menteri Kesihatan (Tuan Ibrahim bin Abdul Rahman): Tuan Pengerusi, saya

mohon meniadakan tambahan peruntukan sa-banyak \$10 di-bawah Kepala 113, Perchetakan, dan \$20 di-bawah Kepala 123, Perubatan dan Kesihatan di-luluskan. Keterangan² berkenaan dengan perbelanjaan ini ada di-jelaskan dalam Kertas Perintah 10, Tahun 1969, muka² 6, 7 dan 8.

Tuan Haji Rahmat bin Haji Daud (Johor Bahru Barat): Tuan Pengerusi, saya suka berchakap sedikit di-muka 8, Pechahan-kepala 4, Memperbaiki Rumah² Sakit. Saya mohon supaya sedikit peruntukan di-beri pada masa akan datang, ia-itu memperbesarkan Rumah Sakit Umum, Johor Bahru, kerana memandangkan sekarang dengan keadaan ra'ayat jelata yang banyak dalam bandar Johor Bahru maka Rumah Sakit Umum sana sudah jadi kechil dan menolak kalau ada orang sakit—umpama-nya, mereka tidak mahu terima lagi melainkan sakit kuat sahaja. Sudah sampai-lah masanya supaya Rumah Sakit Umum itu di-perbesarkan lagi. Terima kaseh.

Tuan Ibrahim bin Abdul Rahman: Tuan Pengerusi, saya akan mengambil perhatian. Terima kaseh.

Masaalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak \$10 untuk Kepala 113 dan \$20 untuk Kepala 123 di-setujukan jadi sa-bahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 1) Tahun 1968.

Kepala 116—

Menteri Muda Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Hamzah bin Dato' Abu Samah): Tuan Pengerusi, saya mohon izin supaya wang peruntukan tambahan sa-banyak \$60,000 di-bawah Kepala 116, Imigeresen, di-jadikan sa-bahagian daripada Anggaran Perbelanjaan Tambahan. Keterangan² atau pun penjelasan ada-lah terkandung di-dalam muka 6 di-dalam Kertas Perintah 10, Tahun 1969.

Masaalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak \$60,000 untuk Kepala 116 di-setujukan jadi sa-bahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 1) Tahun 1968.

Kepala 117—

Setia-usaha Parlimen kapada Timbalan Perdana Menteri (Tuan Chen Wing Sum) (dengan izin): Mr Chairman, Sir, I beg to move that a sum of \$10 appearing under Head 117, Malaysia Armed Forces, be approved.

Tuan Ahmad bin Arshad: Tuan Pengerusi, saya bangun menyentoh sedikit dalam token vote yang di-minta \$10 ini. Satu perkara yang saya hendak menarek perhatian Kementerian Pertahanan ini supaya di-adakan Kubor Pahlawan. Masa akan datang untuk pertahanan kita akan berdiri di-atas kaki sendiri. Dengan ada-nya Kubor Pahlawan ini di-mana perajurit kita atau askar kita yang gugor kebumi yang mempertahankan negeri ini yang mempunyai peristiwa kita kebumikan dia kapada Kubor Pahlawan—kita tidak kira sama ada orang Islam, atau pun bukan Islam, tetapi di-asingkan. Ini ekoran di-Pejabat Pertahanan ini ada Derma Pahlawan, ada Hari Pahlawan, chuma yang kita tidak ada kawasan Kubor Pahlawan. Itu sahaja perhatian saya.

Tuan Chen Wing Sum: Sir, the suggestion will be considered.

Masaalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak \$10 untuk Kepala 117 di-setujukan jadi sa-bahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 1) Tahun 1968.

Kepala 120—

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Pengerusi, saya mohon mengemukakan Kepala 120 yang mengandongi peruntukan tanda sa-banyak \$10 di-jadikan sa-bahagian daripada Anggaran Perbelanjaan Tambahan. Keterangan² lanjut ada terkandung di-muka 7 dalam Kertas Perintah No. 10 tahun 1969.

Tuan Haji Rahmat bin Haji Daud: Tuan Pengerusi, muka 7, Pechahan-kepala 6, berkenaan dengan Kereta² Rampasan. Saya shorkan supaya kereta² yang di-rampas itu, apabila keputusan Mahkamah telah di-ambil ia-itu kereta² itu di-rampas hendak-lah

di-lelong dengan serta merta; janganlah tunggu sampai lama baharu di-lelong maka harga kereta akan turun; dan kadang² kereta sudah berkarat²; kadang² hilang pun ada juga. Jadi, saya shorkan lekas di-lelong kita akan dapat harga yang baik.

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Pengerusi, sa-bagaimana yang telah ditentukan, ia-itu sa-telah Mahkamah menjatuhkan hukum maka tuan² punya kenderaan itu boleh mengemukakan rayuan-nya untuk di-timbangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan sama ada kenderaan itu hendak dirampas atau pun tidak. Jadi, ini memerlukan masa, tetapi walau bagaimana pun kenderaan² itu ada di-simpan dengan baik sa-bagaimana peruntukan untuk menyimpan barang² ini yang di-tunjokkan dalam perbelanjaan kita.

Masaalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak \$10 untuk Kepala 120 di-setujukan jadi sa-bahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 1) Tahun 1968.

Kepala 132—

Dato' Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub: Tuan Pengerusi, saya mohon menhadangkan supaya peruntukan tambahan sa-banyak \$10 sahaja dibawah Kepala 132 seperti di-terangkan pada muka 8, Kertas Perintah No. 10, Tahun 1969, di-luluskan.

Masaalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak \$10 untuk Kepala 132 di-setujukan jadi sa-bahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 1) Tahun 1968.

Kepala 134 dan 135—

Dato' Haji Abdul-Rahman bin Ya'kub: Tuan Pengerusi, saya mohon menhadangkan supaya peruntukan² dibawah Kepala 134, Pechahan-kepala 2, sa-banyak \$2,500,000 dan Kepala 135 Pechahan-kepala 25, wang tambahan sa-banyak \$10 sahaja, Pechahan-kepala 81 wang tambahan \$10 sahaja, Pechahan-kepala 82 wang tambahan sa-banyak \$10 sahaja juga, seperti yang

di-terangkan di-muka 8 dan 9 dalam Kertas Perintah No. 10 Tahun 1969 di-luluskan.

Masaalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak \$2,500,000 untok Kepala 134 dan wang sa-banyak \$30 untok Kepala 135 di-setujukan jadi sa-bahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 1) tahun 1968.

Kepala 141, 142 dan 144—

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Pengerusi, Kepala 141, peruntukan \$200,000 permohonan loan atau hutang supaya di-jadikan sa-bahagian daripada Jadual ini—bagitu juga didalam Kepala 142—\$10, Kepala 144—\$10, berjumlah \$20. Peruntukan ini supaya di-luluskan dan segala keterangan ada dalam Kertas Perintah No. 10, tahun 1969.

Masaalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak \$200,000 untok Kepala 141, \$10 untok Kepala 142 dan \$10 untok Kepala 144 di-setujukan jadi sa-bahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) Pembangunan (Tambahan) (Bil. 1) tahun 1968.

Kepala 148 dan 149—

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Pengerusi, saya menhadangkan Kepala 148 wang berjumlah \$172,196 dan Kepala 149, wang berjumlah \$182,650 di-luluskan peruntukan-nya kerana tambahan, dan segala keterangan ada di-dalam Kertas Perintah 10 Tahun 1969.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi, saya hendak berchakap sedikit sahaja di-atas Kepala 148, ia-itu berkenaan dengan perbelanjaan yang kita minta untok kaji chuacha. Tuan Pengerusi, saya terpaksa mengadu kapada Dewan ini, ia-itu saya bacha dalam surat khabar dan nampak-nya benda ini tidak di-nafikan, ia-itu di-ketika Yang di-Pertuan Agong melawat Sabah maka kita Kerajaan Pusat telah mengirim sa-orang bomoh untok menahan hujan jangan turun.

Tuan Pengerusi, ada perkara luchu dalam perkara ini. Kalau kita sudah ada Jabatan Kaji Chuacha dan kita

membelanja bagitu banyak ribu ringgit, apa pula berhajat kita kepada satu bomoh yang tahan hujan, dan lagi pula di-zaman scientific ini, perkara ini mengetawakan orang lain. Dan apabila orang membacha cerita ini nampak-lah bahawa Kerajaan Perikatan ini maseh lagi perchaya kepada fiction kepada benda khayal, ada pegawai yang dapat kaji chuacha bawa bomoh, hujan jangan turun Yang di-Pertuan Agong hendak datang. Jadi, kemudian daripada itu pula, bila di-siarkan benda ini, banyak pula orang meminta hendak jadi Bomoh Negara.

Tuan Pengerusi, saya maksudkan ini ia-lah supaya kita jangan

Tuan Ahmad bin Arshad: Tuan Pengerusi, dengan masalah bomoh hendak menahan hujan itu, ada-kah desakan bomoh menjadikan Ahli Yang Berhormat itu membawakan soal di-dalam Dewan ini pada tempoh hari?

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi, yang saya berchakap ia-lah berkenaan dengan kaji chuacha. Kalau kita sudah ada Pegawai Kaji Chuacha, mengapa pula Kerajaan pernah menggunakan bomoh² itu untuk menahan—itu yang point saya. Dan yang kedua saya tidak suka Kerajaan kita di-zaman scientific ini mengajar ra'ayat perchaya kepada benda² yang fiction yang sa-macham ini.

Tuan Pengerusi, saya tidak bawa surat², saya akan beri kepada Kerajaan bagaimana ra'ayat kita ini perchaya kepada fiction berkenaan bomoh ini. Sa-orang Madan daripada Singapura telah menulis surat kepada saya, katanya, saya telah lama mengikut mo'jizat dalam Kristian, dalam Islam, dan saya tidak dapati perkara² yang ajaib bagini. Apabila tuan bawa perkara ini ka-dalam Dewan Ra'ayat maka tahu-lah saya bahawa ada di-Malaysia satu bomoh yang boleh menahan hujan dan dia pinta saya menyampaikan kepada Kerajaan dia hendak menggunakan bomoh itu dalam bichara sa-banyak wang \$10,000. Kata-nya kalau dapat wang \$10,000 ini, \$5,000 akan di-beri kepada Gereja, dan \$5,000 akan di-beri kepada Masjid Negara. Saya akan sampaikan surat ini kepada Kerajaan.

Point saya, Tuan Pengerusi, bukan masalaah cerita ini, masalaah di-zaman ini Malaysia kita tidak patut perchaya kepada fiction.

Yang kedua, Kerajaan sendiri sudah tidak patut lagi mengamalkan kerja² yang semacham ini, kerana dengan demikian Kerajaan mengajar bagi ra'ayat bodoh, bertambah² bodoh, atau pun Kerajaan Perikatan sendiri maseh perchaya kepada fiction. Ini satu Kerajaan yang very bad—bagi abad samacham ini—yang burok sa-kali, dan saya minta Kerajaan Perikatan berhenti daripada kerja² fiction di-sini dan saya minta Yang Berhormat Menteri Kewangan jangan bagi wang lagi untuk bomoh² yang fiction sa-macham ini.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Pengerusi, saya bukan minta petua fasal pakai bomoh ta'pakai bomoh; yang di-minta ini peruntokan kerana Pejabat Kajichuacha yang akan menunjukkan macham mana moden negara kita, kita punya bulan rekaan yang boleh meneka apa juga chuacha 18,000 batu ka-atas tetapi kita tidak boleh menahan kuasa Tuhan, chuma kita menunjukkan sa-kian² jam akan datang ribut, datang hujan, jangan lagi negeri Kelantan tenggelam, tidak sempat kita hendak beritahu anak buah dan barang² semua-nya hanyut, kita juga yang susah; kita tidak boleh menahan kehendak Tuhan, Tuhan punya kuasa; ada-kah pehak PAS boleh menahan? Kalau boleh tahan, Kelantan tidak ada bah bagitu burok. Maka saya minta-lah soal *belief* atau pun *fiction* tulis-lah kepada Yang Teramat Mulia Tunku Perdana Menteri supaya dalam Pejabat Perdana Menteri, bukan dalam Pejabat saya, berkenaan dengan *ceremonial* dan kewangan, Menteri Kewangan pun dengar di-sini; barangkali tidak ada peruntokan fasal itu, ta'tahu-lah duit daripada mana, kalau Yang Berhormat hendak derma boleh-lah.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah: Tuan Pengerusi, saya minta penjelasan. Apa-lah pula kena mengena di-kaitkan dengan Kelantan, dengan hujan di-sana; yang saya sebutkan di-sini ia-lah

saya tidak mahu Kerajaan kita sudah kita mempunyai Pejabat Kajichuacha kita tidak mahu Kerajaan Perikatan atau pun Kerajaan negara kita ini belanja dalam perkara² yang fiction—perkara² yang khayal sa-macham itu, dan kebetulan kalau Kementerian ini tidak belanja patut Kementerian ini membantah kerja² sa-macham itu, kerana sudah mempunyai Jabatan Kajichuacha. Jadi, dua kali kita belanja; yang pertama kita belanja untuk kajichuacha yang kedua untuk bomoh.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Saya tidak marah dan saya bersetuju tidak ada peruntukan fasal pawang ini. Saya minta peruntukan Kajichuacha sahaja supaya kenyataan chuacha dihebahkan kepada orang ramai tiap² hari kita ada mempunyai Pejabat Kajichuacha yang moden. Saya harap kita tidak ada perchaya yang karut².

Masaalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Wang sa-banyak \$172,196 untuk Kepala 148 dan wang sa-banyak \$182,650 untuk Kepala 149 di-setujukan jadi sabahagian daripada Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 1) 1968.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan ia-itu wang berjumlah tidak lebih daripada \$15,114,996, di-belanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan dalam tahun kewangan 1968, dan untuk melaksanakan tujuan² Kepala² dan Pechahan-kepala² yang terchatet di-ruangan Pertama dan Kedua dalam Anggaran Pembangunan 1969 yang di-bentangkan sa-bagai Risalat Titah Bil. 2 tahun 1969, maka hendak-lah di-peruntukkan jumlah² yang di-terangkan bertentangan dengan Kepala² dan Pechahan-kepala² tersebut dalam Ruangan Kelapan dan Kesembilan.

Majlis Meshuarat bersidang sa-mula.

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon supaya usul mengenai Anggaran Pembangunan (Tambahan) (Bil. 1) Tahun 1968 diluluskan.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong usul ini.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Di-putuskan,

Bahawa Majlis ini mengambil ketetapan ia-itu wang berjumlah tidak lebih daripada \$15,114,996, di-belanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan dalam tahun kewangan 1968, dan untuk melaksanakan tujuan² Kepala² dan Pechahan-kepala² yang terchatet di-ruangan Pertama dan Kedua dalam Anggaran Pembangunan 1969 yang di-bentangkan sa-bagai Risalat Titah Bil. 2 tahun 1969, maka hendak-lah di-peruntukkan jumlah² yang di-terangkan bertentangan dengan Kepala² dan Pechahan-kepala² tersebut dalam Ruangan Kelapan dan Kesembilan.

FINANCIAL PROCEDURE ORDINANCE, 1957—INVESTMENT OF MONIES OF THE FEDERAL GOVERNMENT

Menteri Kewangan (Tun Tan Siew Sin) (*dengan izin*): Mr Speaker, Sir, I beg to move the motion standing in my name, viz.,

That this House pursuant to section 8 (3) (d) of the Financial Procedure Ordinance, 1957 resolves that moneys standing to the credit of the Federation with any bank or otherwise held by the Federation may be invested by the Minister of Finance in such securities or equities or international corporations or institutions as the Minister may from time to time consider appropriate.

Section 8 (3) of the Financial Procedure Ordinance (No. 62 of 1957) provides that monies of the Federal Government can be held on deposit with any bank or invested in securities authorised by the Trustee Ordinance, 1949, as is the case for other trust funds, or in any joint fund maintained by the Crown Agents or as otherwise specifically authorised by Federal law or by resolution of the House of Representatives. In practice, Federal funds are held on deposit mainly with Bank Negara Malaysia or held overseas in the form of foreign government securities and fixed interest bonds of international institutions. Some funds are also held on deposit with American and European banks and in the Joint Consolidated Fund maintained by the Crown Agents.

The traditional manner of investing Government funds in fixed interest securities has been based solely on considerations of safety. The obvious disadvantages of such an investment policy are that returns are relatively

low and the loss in purchasing power of such investments arising from inflation or currency devaluation is not partially offset by capital growth as is the case with equity investment. It is now considered that a more flexible approach in regard to such investments is appropriate, so that some of the funds can be invested in equities of international corporations or institutions which are judged to be sound and whose yields can be maximised, while the investments themselves have every possibility of capital appreciation over the years.

It is worthwhile to note that other governments have already adopted this flexible approach to the investment of government funds. The present proposal for a more flexible investment policy for the Federal Government can be compared with the flexibility already allowed to trustees of trust funds to invest in equities and bonds of public companies in Malaysia, subject to safeguards as set out in the Trustee Investment Act, 1965. There is every reason, therefore, for the Federal Government to have the same flexibility to invest its funds not only in fixed interest bearing securities as is mandatory at present, but in equities and other securities as well, subject to proper evaluation and other normal financial safeguards.

Sir, I beg to move.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:
Tuan Yang di-Pertua, saya memohon menyokong usul ini.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah:
Tuan Yang di-Pertua, saya mendapat faham daripada penerangan yang di-beri oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan bahawa sa-bahagian daripada wang² yang di-pegang oleh Kerajaan kita atau wang kepunyaan kita ada juga di-simpan atau di-lakukan (investment) di-beberapa kompani atau sharikat bersendirian tempatan. Kalau ini berlaku, saya minta kepada Kerajaan menyimpan sa-bahagian yang di-fikirkan patut di-dalam Bank Bumiputra. Tuan Yang di-Pertua, saya percaya Kerajaan tentu-lah akan melakukan ini memandang kepada kedudukan international atau pun keselamatan

wang itu, tetapi boleh juga Kerajaan menyimpan atau invest atau laborkan ka-dalam Bank Bumiputra mengikut kadar yang tertentu, dengan demikian Bank Bumiputra yang baharu hidup itu dapat menjaga diri-nya dan dapat berlateh dan dengan demikian mereka itu dapat maju lebeh lagi daripada yang sudah².

Tun Tan Siew Sin (dengan izin):
Mr Speaker, Sir, I do not think the Honourable Member for Bachok understands the objective and implications of this Motion. This Motion seeks to give the Government wider powers in the investment of its external reserves, not domestic assets. As the Honourable Member may or may not be aware, the cash reserves of the Federal Government in Malaysia are deposited with Bank Negara, because Bank Negara is our Central Bank, and it is clearly desirable that the Government should deposit with its own Bank, which is Bank Negara. This Motion does not deal with the domestic assets of the Federal Government. It deals with its external reserves and the broad intention of this Motion is that the Federal Government should, if this Motion is passed, be allowed in future to invest in international securities—and what we have in mind are the securities—of international corporations and companies which have worldwide operations and which are as safe and, in some cases, probably safer than the Government securities.

Usul di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Di-putuskan,

That this House pursuant to section 8 (3) (d) of the Financial Procedure Ordinance, 1957 resolves that moneys standing to the credit of the Federation may be invested by the Minister of Finance in such securities or equities of international corporations or institutions as the Minister may from time to time consider appropriate.

INCOME TAX ACT, 1967— AMENDMENT TO SIXTH SCHEDULE

Tun Tan Siew Sin (dengan izin):
Mr Speaker, Sir, I beg to move,

That the House pursuant to the provisions of sub-section (2) of Section 127 of the

Income Tax Act of 1967 hereby resolves that the Sixth Schedule to the said Act be amended by deleting therefrom the following items:

Penang Harbour Board
Malayan Railway Administration
National Electricity Board
Penang Port Commission
Port Swettenham Authority;

and renumbering the existing items according to the order in which they appear.

Honourable Members will recall that in my Budget speech in this House last month, I stated that it was the intention of the Government to remove income tax exemption from statutory bodies which are primarily engaged in commercial activities. I also stated that the relevant income tax laws would be amended later in the year to give effect to this intention. I gave the reasons for this move in my Budget speech and I, therefore, do not propose to repeat them here.

Since the exemption is to be removed with effect from 1st January, 1969, it is considered desirable that the amendment should be made now in order to afford to the statutory bodies affected an opportunity to prepare and submit their accounts to the Department of Inland Revenue within the statutory period. I wish to add that a further review will be made in regard to the remaining tax exempt bodies to establish the true nature of their activities.

Sir, I beg to move.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir:
Tuan Yang di-Pertua, saya memohon menyokong usul ini.

Tuan Haji Abu Bakar bin Hamzah:
Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usul ini oleh kerana badan² ini sudah

mula berdiri dengan baik sa-bagai badan commercial. Tetapi saya terpaksa berchakap berkenaan dengan Malayan Railway, oleh kerana saya tidak tahu Port Swettenham Authority, Penang Port Commission, N.E.B. begitu juga Penang Harbour Board boleh jadi badan² ini kita tarek kechualian pun badan² ini boleh hidup, tetapi kita hendak menarek exemption ini daripada Malayan Railway yang pada tiap² tahun rugi bermelion² ringgit dan kalau dia kena bayar Income Tax pula lagi dibawah Undang² ini, saya rasa tidak payah di-minta tutup pun, Malayan Railway ini dengan sendiri-nya kena tutup.

Tun Tan Siew Sin: Mr Speaker, Sir, the short answer to the Honourable Member is that if no profit is made, no income tax is paid (*Laughter*).

Masaalah di-kemuka bagi di-putuskan, dan di-setujukan.

Di-putuskan,

Bahawa menurut peruntukan sekshen-kecil (2) Sekshen 127 Act Chukai Pendapatan 1967, Dewan ada-lah dengan ini mengambil ketetapan bahawa Jadual Keenam kapada Act tersebut hendak-lah di-pinda dengan memotong daripada-nya butiran² yang berikut:

Penang Harbour Board
Malayan Railway Administration
National Electricity Board
Penang Port Commission
Port Swettenham Authority;

dan menomborkan sa-mula butiran² yang ada sekarang mengikut susunan-nya dalam Jadual itu.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua:
Meshuarat ini di-tanggohkan sa-hingga pukul 10 pagi besok.

Meshuarat di-tanggohkan pada pukul 8 malam.